

Bil. 54

**Selasa
29 Ogos 2006**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1):	
• Banjir Di Kuala Lumpur - <i>Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)</i>	(Halaman 22)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang undang-undang Perbekalan Tambahan (2006) 2006	
<u>Jawatankuasa:-</u>	
<u>Jadual</u>	
Maksud B.4 dan B.6	(Halaman 24)
Maksud B.10 dan B.12	(Halaman 49)
Maksud B.13	(Halaman 63)
Maksud B.62	(Halaman 89)
USUL:	
Anggaran Pembangunan Tambahan (Bil. 1) 2006	
<u>Jawatankuasa:-</u>	
Maksud P.6	(Halaman 24)
Maksud P.10	(Halaman 49)
Maksud P.62	(Halaman 89)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 42)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJJ., PIS. (Kulai) - MCA
3. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) – UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) – MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) – UPKO
7. ” Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi - *Senator*
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
11. ” Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin bin Maidin (Merbok) – UMNO
12. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
14. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
15. “ Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO

16. Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO
17. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
18. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
19. “ Menteri Pengangkutan, Dato’ Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S.(Selayang) – MCA.
20. “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop – *Senator*
21. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) - UMNO
22. “ Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
23. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
24. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
25. ” Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO
26. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M.,D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
27. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
28. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
30. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
31. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato’ Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA

6. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Taph) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato' Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA

27. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. " Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. " Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN
31. " Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. " Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. " Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
34. " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. " Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. " Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
37. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. " Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
39. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman - *Senator*

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
2. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
3. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
4. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoon Seng (Stampin) - SUPP
5. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
6. " Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
7. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
8. " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
9. " Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO

10. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato' Dr. S. Vijayarantnam - *Senator*
16. ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choong (Jelutong) - GERAKAN
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) – PAS
6. “ Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO
7. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
8. “ Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
9. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
10. “ Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
11. “ Dato' Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
12. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
13. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
14. Yang Berhormat Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin (Jerai) - UMNO

15. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
16. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
17. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
18. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
19. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
20. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO
21. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
22. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
23. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
24. “ Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
25. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
26. “ Dato' Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
27. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
28. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
29. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
30. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
31. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
32. “ Dato' Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
33. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
34. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
35. “ Dato' Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
36. “ Dato' Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
37. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
38. “ Dato' Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
39. ” Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
40. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
41. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
42. “ Tan Sri Dato' Hew See Tong (Kampar) - MCA
43. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
44. “ Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
45. “ Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
47. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
48. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
49. “ Dato' Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
50. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
51. ” Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. Yang Berhormat Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP

53. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
54. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
55. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
56. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
57. “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
58. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP
60. “ Dato’ Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
61. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
62. “ Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) – SUPP
63. “ Datuk Dr. Leo Michael Toyad (Mukah) - PBB
64. “ Dato’ Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
65. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
66. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
67. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
68. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA
69. “ Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
70. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
71. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
72. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
73. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
74. “ Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
75. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
76. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
77. “ Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
78. ” Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
79. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
80. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
81. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
82. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
83. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
84. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
85. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
86. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
87. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
88. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
89. Yang Berhormat Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
90. “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO

91. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
92. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
93. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
94. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
95. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
96. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
97. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
98. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
99. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
100. “ Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S, S.S.A., K.M.N, S.S.A.P, (Kuala Langat) - UMNO
101. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
102. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
103. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
104. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulong) – UMNO
105. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
106. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
107. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
108. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
109. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
110. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
111. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
112. “ Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO
113. “ Tengku Razaleigh bin Tengku Hamzah, (Gua Musang) – UMNO
114. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
115. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
116. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
117. ” Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
118. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
119. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
120. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
121. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
122. Yang Berhormat Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
123. “ Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB

- 124. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
- 125. “ Datuk Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
- 126. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
- 127. “ Dato' Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
- 128. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen
Haji Kamaruddin Mohamed Baria

Setiausaha Dewan Rakyat
(Jawatan kosong)

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Roosme binti Hamzah

**PETUGAS-PETUGAS
PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Hajah Supiah binti Dewak
Kamisah binti Sayuti
Sarimah binti Haji Amran
Ab. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Hairan bin Mohtar
Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Marzila binti Muslim
Habibunisah binti Mohd. Azir
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Nurul Asma binti Zulkepli
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nur Azilah binti Ahmad Ibrahim
Norasmawati binti Mohamed Nor
Nor Hamizah binti Haji Hassan
Zaida Zuriani binti Mohd Zamli
Azmir bin Mohd Salleh
Azanariah binti Mohd Yunan
Norhasani binti Yaacob

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT**

Selasa, 29 Ogos 2006

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob)

mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk membantu "Industri Kawalan Keselamatan" kerana sejak kebelakangan ini banyak rompakan bersenjata berlaku dan melibatkan kematian kepada pekerja mereka.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Mohd Johari bin Baharum]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian telah mengambil tindakan-tindakan seperti berikut untuk membantu Industri Kawalan Keselamatan:

- (i) Bagi perkhidmatan dengan izin *Cash in Transit* atau CIT yang banyak terlibat dalam kes rompakan bersenjata, Kementerian telah mengeluarkan arahan dan pekeliling kepada semua syarikat pada November 2002. Arahan Tetap telah menggariskan beberapa peraturan yang perlu dipatuhi oleh syarikat yang menjalankan CIT ini. Antaranya ialah:
 - (a) van hendaklah kalis peluru berukuran 9 mm tebal;
 - (b) menentukan jumlah wang yang hendak dibawa dengan bilangan pengawal syarikat. Syarat bagi penghantaran wang RM500,000 ke bawah mestilah sekurang-kurangnya memerlukan tiga orang pengawal iaitu seorang pengawal bersenjata, dua orang pengawal termasuk pemandu. Manakala bagi nilai wang RM500,000 ke atas pula, perlu mempunyai lima orang pengawal yang terdiri daripada dua orang yang bersenjata. Arahan juga telah dinyatakan di dalam Arahan Tetap supaya digalakkan penggunaan dengan izin *unseen escort* sama ada berkereta atau bermotosikal mengiringi van yang membawa sejumlah wang yang besar.
- (ii) Selain daripada itu, Kementerian telah mengeluarkan surat pekeliling kepada semua syarikat kawalan keselamatan berkuat kuasa pada 7 Ogos 2006 bertujuan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan kawalan keselamatan yang telah memberi arahan kepada syarikat untuk mematuhi beberapa perkara syarat yang telah ditetapkan:
 - (a) semua pengawal keselamatan hendaklah mengikuti asas pengawal keselamatan yang telah ditetapkan oleh Kementerian

- Keselamatan Dalam Negeri di samping pengawal-pengawal yang ditugaskan untuk kawalan CIT dikehendaki juga untuk mengikuti kursus-kursus khas mengenai pengendalian CIT;
- (b) syarikat yang mempunyai perkhidmatan kawalan bersenjata perlu menghantar pengawal mengikuti latihan menembak sekurang-kurangnya dua kali setahun;
 - (c) syarikat kawalan keselamatan adalah dikehendaki mengambil perlindungan insurans bagi anggota pengawal dan wang yang dibawa.
- (iii) Kementerian telah menetapkan supaya pengawal keselamatan menghadiri kursus bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pengawal. Antara modul yang terdapat dalam kursus-kursus yang dianjurkan adalah seperti hak mempertahankan diri, pengenalan kepada pengendalian senjata api, pengenalan kepada peralatan elektronik dan sebagainya.
 - (iv) Syarikat-syarikat kawal keselamatan digalakkan untuk memberi kerjasama kepada pihak polis. Syarikat juga digalakkan untuk memaklumkan kepada pihak polis setiap perjalanan untuk menghantar dan mengambil wang.

Di samping itu kementerian telah memanggil syarikat-syarikat yang berkenaan yang telah terlibat dalam rompak dan mereka dikehendaki memperketat prosedur masing-masing bagi mengelakkan kejadian rompak di masa yang akan datang.

Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Yang Berhormat, tidak dengarlah.

Tuan Baharum bin Mohamed: Tidak dengar [*Pembesar suara tidak berfungsi*] Saya melihat industri ini kadang kala meletakkan pekerja-pekerjanya terutamanya yang terlibat dalam pengawalan pemindahan wang ataupun yang duduk di dalam syarikat kewangan misalnya bank ataupun yang duduk menjadi jaga di dalam syarikat-syarikat yang menjual barang-barang kemas di dalam keadaan yang sungguh berbahaya.

Syarikat seolah-olah kita lihat hanya untuk mencukupkan syarat sahaja ataupun hanya sekadar untuk melepaskan batuk di tangga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Terus sahaja soalan Yang Berhormat.

Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Sedangkan... ini soalan Tuan Yang di-Pertua. Sedangkan keselamatan pengawal keselamatan itu sendiri terdedah. Misalnya kalau kita tengok di kedai barang kemas, letak dekat depan. Kalau di bank letak dekat depan. Memang tunggu masa untuk dipukul

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, soalan Yang Berhormat.

Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]:... atau pun ditembak sahaja. Kemudian, mereka ini pula mungkin dibayar insurans yang rendah - berkelompok, yang mungkin kalau mati dapat RM10,000 kemudian yang tinggal anak-anak empat, lima orang. Jadi, ini mendatangkan masalah kepada masyarakat.

Jadi, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, apa pendapat Yang Berhormat dalam keadaan dan situasi ini. Adakah kita memerlukan satu perubahan yang begitu drastik, yang besar, yang perlu dilakukan dalam kita membantu industri pengawal keselamatan ini. Terima kasih.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat, di atas teguran tersebut. Sebenarnya memanglah kita sentiasa memantau keadaan itu. Sebab itulah seperti mana yang saya sebutkan tadi kita baru sahaja mengeluarkan satu pekeling yang baru, iaitu pada bulan Ogos yang lepas mengenai syarat-syarat tertentu yang patut atau perlu dipatuhi oleh semua syarikat keselamatan.

Berkenaan dengan pengawal-pengawal yang berkawal di premis sama ada di kedai-kedai emas atau di mana-mana pun, saya rasa kalau pihak majikan itu tidak berpuas hati mereka boleh melaporkan kepada syarikat yang berkenaan atau mereka boleh memilih syarikat-syarikat lain yang boleh memberi servis yang lebih baik. Kerana memang kita ada peraturan-peraturan yang tertentu yang saya rasa perkara-perkara yang disebut tadi, kalau mereka mengikut peraturan barangkali tidak akan berlaku perkara-perkara seperti Yang Berhormat sebutkan itu. Semua sudah ada. Jika sekiranya kita yang melanggan syarikat tersebut saya rasa kita boleh meminta atau menukar syarikat yang baru. Saya rasa perkara ini sudah kita ambil kira. Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada langkah-langkah yang telah pun diambil oleh kementerian dari segi pengawalan tugas oleh syarikat kawalan keselamatan swasta ini, dari segi keselamatan, saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, jika anggota kawalan keselamatan swasta semasa mereka menjalankan tugas mereka diberikan senjata api untuk mempertahankan diri ataupun menjaga barang-barangan khususnya wang tunai yang diangkut lebih berkesan. Maka saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat setakat ini berapa buah syarikat ataupun firma kawalan keselamatan swasta yang diberikan lesen hak untuk mengguna senjata api semasa mereka ini menjalankan tugas, dan sama ada pada setiap kali jika menjaga wang tunai yang diangkut secara transit semestilah mempunyai anggota yang berhak untuk mengguna pakai senjata api.

Selain daripada itu juga, sama ada kementerian akan mengkaji semula dengan lebih liberal dari segi memberikan lesen kepada syarikat ini berhak untuk membawa senjata api. Sekian.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya syarikat yang kita luluskan, yang mempunyai perkhidmatan CIT di negara kita ini, kita hanya mempunyai 49 buah syarikat daripada 300 buah lebih syarikat. Syarikat-syarikat ini mempunyai kebenaran untuk membawa senjata. Mengenai apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat berkenaan dengan perkara-perkara lain itu, oleh kerana perkara itu agak spesifik, saya akan beri laporan secara bertulis kepada Yang Berhormat iaitu jawapan yang telah diminta tadi. Terima kasih.

2. Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah] minta Menteri Penerangan menyatakan:-

- (a) langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh kementerian bagi menyalurkan informasi, isu-isu semasa dan dasar-dasar kerajaan serta pelaksanaannya; dan
- (b) apakah tujuan penubuhan JASA dan sejauh manakah keberkesanan peranan yang dilaksanakan oleh JASA.

Menteri Penerangan [Datuk Zainuddin bin Maidin]: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh kementerian bagi menyalurkan informasi isu-isu semasa yang dipersoalkan oleh Yang Berhormat adalah diambil oleh media rasmi kerajaan Kementerian Penerangan yang mempunyai peranan dan tanggungjawab untuk menyampaikan maklumat mengenai dasar-dasar kerajaan, program-program pembangunan dan isu-isu semasa kepada rakyat. Pendekatan yang digunakan oleh kementerian ini ialah melalui media elektronik, media cetak dan melalui komunikasi bersemuka.

Pendekatan melalui media elektronik yang diamalkan oleh Jabatan Penyiaran iaitu RTM dan Filem Negara menyebarkan maklumat-maklumat menerusi program yang

disiarkan oleh TV dan radio. Ini termasuklah program-program berita, Bicarawara, umpamanya Debat Perdana bersiri yang diadakan setiap minggu bertemakan RMK-9 yang disertai oleh anggota-anggota Parlimen termasuk juga daripada pihak pembangkang sendiri. Selain daripada itu ialah rancangan-rancangan sketsa, drama dan hiburan serta kapsul-kapsul ucapan dan penjelasan pemimpin-pemimpin negara secara intensif mengenai dasar dan isu-isu tertentu supaya rakyat memahaminya.

Penyebaran maklumat melalui komunikasi bersemuka dilaksanakan oleh Jabatan Penerangan dan JASA melalui program ceramah, taklimat, pentas bergerak, gerak tumpu, Forum Perdana, gotong-royong, pemimpin bersama rakyat, kenduri kampung dan ziarah. Pendekatan komunikasi bersemuka disokong dengan risalah-risalah dan buku-buku kecil mengenai isu tertentu yang diedarkan di program-program berkenaan. Bila rakyat memerlukan penerangan dalam isu-isu yang berbangkit Jabatan Penerangan, RTM dan sebagainya akan berada pada masa itu. Ini telah kita saksikan bagaimana dalam soal kenaikan harga minyak, soal jambatan bengkok dan sebagainya tidak sahaja penerangan itu dibuat oleh RTM, tetapi juga serentak dengan itu risalah-risalah, *booklet* dan sebagainya diterbitkan dengan serta-merta.

Melalui media cetak pula, kementerian menyediakan input yang dijadikan punca berita untuk disiarkan oleh akhbar-akhbar dalam dan luar negeri diselaraskan oleh BERNAMA. Kementerian ini akan terus melaksanakan program-program seperti di atas bagi memastikan rakyat sentiasa mendapat maklumat terkini mengenai dasar-dasar kerajaan dan isu-isu semasa. Pada masa yang sama kementerian ini juga akan mengkaji keberkesanan setiap program yang dilaksanakan dan akan membuat usaha-usaha penambahbaikan.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, JASA ditubuhkan bagi memastikan kesinambungan kestabilan politik, ekonomi, sosial dan pembangunan negara terutamanya untuk menangani isu-isu politik dan agama yang mengelirukan dan menyesatkan pemikiran rakyat yang dibangkitkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Selaras dengan objektif penubuhannya JASA telah melaksanakan program bersemuka secara terancang seperti takaruf, sukan rakyat, majlis ceramah perdana, program belia dan program diskusi dengan pelajar Malaysia dalam dan di luar negara. Adalah sukar untuk mengukur keberkesanan peranan JASA secara keseluruhannya. Walau bagaimanapun, bagi program tertentu seperti takaruf yang mempunyai dua hala komunikasi dan dialog isu-isu semasa telah dibuat kajian keberkesanannya dan didapati tahap kefahaman mengenai dasar-dasar dan program-program kerajaan telah meningkat.

Walaupun terdapat jabatan dan agensi lain yang melaksanakan penyampaian dan pemasaran maklumat, JASA memfokuskan kepada penyelesaian isu-isu agama agar ia selaras dengan dasar-dasar kerajaan. Dalam hal ini, JASA telah berjaya menjelaskan keperluan pemahaman dasar-dasar kerajaan berteraskan agama.

Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberi jawapan tadi. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri di atas usaha-usaha kementerian Yang Berhormat berkenaan dengan penyaluran informasi dasar-dasar kerajaan kepada rakyat.

Satu lagi ucapan tahniah kepada kementerian Yang Berhormat Menteri ialah di atas program sensasi RTM 1 berkenaan dengan kisah Ina-Mawi yang telah ditayangkan serentak dengan persandingan Siti dan Datuk K di TV 3. Soalnya ialah apakah *rating* program tersebut di RTM 1 dibandingkan dengan program TV 3; dan yang penting sekali soalan saya ialah apakah faedahnya program tersebut ditayangkan kepada rakyat serentak pada malam tersebut.

Datuk Zainuddin bin Maidin: Terima kasih, Yang Berhormat. Pertama sekali, *rating*, saya belum dapat lagi. Tetapi menurut *rating* yang di luar sentimen saya sendiri, saya percaya malam tadi Ahli-ahli Dewan di sini juga 99% menonton, melihat RTM 1. Malam tadi adalah jelas sebuah program popular yang telah memukau penonton dari awal hingga akhir, pertemuan semula Mawi dan Ina. RTM dalam pada itu tidak lupa menyelitkan mesej-mesej kemerdekaan dan patriotisme tentang wira-wira kita yang telah terkorban, yang telah berjuang untuk menentang komunis sebagai berselang-seli dalam program itu.

Di samping itu juga, program kita telah menyampaikan kapsul-kapsul tentang pengibaran bendera yang sehingga telah memberikan semangat kepada wakil daripada Kelab *backbencher*, meletakkan bendera, saya difahamkan di kereta pembangkang pada hari ini dan ini semua adalah suatu usaha yang kami tidak lupa. Dalam usaha kami menyampaikan, kadang-kadang terpaksa menggunakan dengan izin, *the lowers common dominator* tetapi tujuan matlamatnya adalah untuk menyampaikan mesej nasional.

Dan saya rasa pada malam tadi juga adalah merupakan satu kerjasama yang pertama kali, yang amat berkesan antara RTM dengan sebuah stesen swasta iaitu Astro dan kami adalah sentiasa mengalu-alukan mana juga stesen TV swasta yang ingin bersama kami dalam menyampaikan mesej nasional dalam membangunkan dan membudayakan masyarakat dengan budaya-budaya kecintaan kepada tanah air kami sentiasa akan bekerjasama.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tak tahulah, saya tak tengok semalam program sama ada persandingan Siti Nurhaliza dengan Datuk K ataupun Mawi dan Ina kerana kami ada agenda di Kementerian Pengajian Tinggi semalam.

Saya ingin menyentuh tentang rancangan RTM memang baik, bagus tidak dinafikan Tuan Yang di-Pertua, kalau bolehlah Datuk, di bawah Datuk ini, kembalikan balik Program *Peristiwa* yang dahulu banyak menyiarkan berita-berita daerah, program khas yang dibuat setiap minggu oleh RTM. *Peristiwa Hari Ini*, ya tiap-tiap hari pun boleh juga, terserahlah. Cuma saya minta program-program ini kalau boleh, janganlah yang diadakan ini *over lapping* ataupun bertindih.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, tentang JASA ini. Kita tahu JASA telah memainkan peranan yang begitu baik dalam memberikan penjelasan setakat mana yang boleh dan banyak juga kawasan-kawasan yang telah pun diisi jawatan Pegawai Penerangan Khas ini dan saya dimaklumkan bahawa Kementerian juga ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat telah berucap, sudah keluar tajuklah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang dalam JASA, soalan JASA ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Soalan Yang Berhormat, ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Pegawai Penerangan JASA di peringkat Parlimen, bilakah akan diisi sepenuhnya dan apakah kelayakan minimum yang akan diambil oleh pihak kementerian tentang pelantikan Pegawai Penerangan Khas peringkat Parlimen yang baru diumumkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Zainuddin bin Maidin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Satu slot atau Program *Peristiwa* memang telah pun dirancang tetapi tidak di atas nama lama, kami akan namakan sebagai *Galeri Perdana* iaitu program yang akan apabila Parlimen tidak bersidang, maka program ini akan mengambil tempat, iaitu akan menyiarkan peristiwa-peristiwa yang menarik daripada seluruh tanah air.

Yang kedua mengenai JASA. Ini memang ada kekosongan-kekosongan dan kita akan cuba mengisi kekosongan ini dan tentang kelayakan adalah sama juga seperti mana yang telah iaitu kebanyakan kita mengambil lulusan daripada Al-Azhar dan juga sekurang-kurangnya mempunyai pengalaman kepetahan berucap dan juga berasaskan kepada kualiti yang diperlukan bagi menyampaikan penerangan. *Insya-Allah* kita akan isi sebab kita telah pun mendapat kebenaran, kelulusan daripada JPA untuk menambahkan pegawai kita.

3. Tan Sri Dato' Seri Dr. Ting Chew Peh [Gopeng] minta Menteri Pelancongan menyatakan langkah-langkah dan kejayaan kerajaan menarik pelancong-pelancong dari negara-negara luar khususnya China dan India dan sama ada ketibaan para pelancong dari China dan India menurun atau bertambah pada tahun 2005 dan 2006.

Menteri Pelancongan [Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, pasaran China dan India sememangnya telah dijadikan pasaran sasaran kerana prestasi ketibaan pelancong yang sangat menggalakkan dan potensinya untuk terus meningkat pada masa-masa akan datang. Kementerian Pelancongan melalui agensinya *Tourism Malaysia*, telah melipatgandakan usaha-usaha promosi pelancong dan sebagai langkah-langkah untuk menarik lebih ramai pelancong dari China dan India ke Malaysia. Di antara usaha-usaha ini adalah menganjurkan misi-misi jualan di bandar-bandar utama bagi menarik lebih ramai pelancong dari kedua-dua pasaran terutama sekali dan sekali gus juga untuk mempromosikan *Tahun Melawat Malaysia 2007*.

Untuk tahun 2006, sebanyak enam misi jualan telah dijadualkan di China yang mana sehingga Ogos 2006, sebanyak lima misi jualan telah dianjurkan oleh *Tourism Malaysia* merangkumi 13 buah bandar-bandar utama di China. Sementara itu terdapat dua misi jualan yang dijadualkan pada tahun 2006 ke India, di mana misi jualan yang pertama telah dianjurkan merangkumi lapan buah bandar-bandar utama di India.

Kami juga bekerjasama dengan pihak hotel, kompleks membeli belah, agensi pelancongan tempatan, stesen radio serta syarikat penerbangan bagi menganjurkan promosi makanan dan kebudayaan serta menganjurkan seminar dengan pengusaha-pengusaha pelancongan di kedua-dua pasaran tersebut.

Ketiga, mengambil bahagian dalam pameran-pameran utama di kedua-dua pasaran sebagai dengan izin, *platform* bagi industri pelancongan Malaysia untuk bekerjasama dengan pengusaha pelancongan tempatan dengan menumpukan kepada promosi imej Malaysia sebagai destinasi pelancongan unggul di rantau ini.

Bagi pasaran China, *Tourism Malaysia* pada tahun ini telah dan akan menyertai pameran-pameran utama di China seperti *Guangzhou International Travel Fair*, *World Travel Fair Shanghai*, *Beijing International Cultural Tourism Festival* dengan izin, *Shanghai Tourism Festival* dan *China International Travel Mart Shanghai*

Manakala bagi pasaran India pula, antara pameran-pameran utama yang telah dijalankan pada tahun ini adalah seperti *Outbound Travel Mart* dengan izin, di New Delhi, Mumbai, Chennai, Bangalore dan Hyderabad. *India Travel Mart* di New Delhi, *India International Travel Mart Bangalore* dan Chennai serta *Travel and Tourism Fair in Calcutta*.

Keempat, menggalakkan program lawatan suai kenal ataupun *mega fame* dengan izin, untuk para pengusaha pelancongan dan wakil media asing di kedua-dua pasaran yang bertujuan untuk memberi liputan dan publisiti yang meluas mengenai produk-produk pelancongan dan acara-acara yang dianjurkan di negara ini.

Kelima melaksanakan usaha-usaha pengiklanan dengan tujuan untuk meningkatkan ketibaan lebih ramai pelancong berkualiti yang mampu berbelanja besar dan tinggal lebih lama di negara ini.

Keenam, pengenalan e-visa yang akan dilaksanakan di mana ia akan menghapuskan masalah mobiliti bagi urusan permohonan visa ke Malaysia oleh kedua-dua pasaran. Dan baru-baru ini kerajaan juga telah meluluskan *visa on arrivals*.

Ketujuh, pemberian kemudahan *multi entry visa* kepada rakyat China dan India untuk menggalakkan lawatan ulangan yang menyenangkan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 2005, jumlah ketibaan pelancong China ke Malaysia yang direkodkan adalah seramai 352,089 orang manakala pelancong India pula direkodkan seramai 225,789 orang. Pada tahun 2006, setakat bulan Mei, data jumlah ketibaan yang direkodkan untuk pelancong China dan India ialah China, Januari hingga Mei 2006 ialah 162,046 orang, India 110,261 orang. Statistik telah menunjukkan bahawa kedatangan pelancong China telah meningkat sebanyak 22.2% untuk tempoh Januari hingga Mei 2006 berbanding dengan tempoh yang sama bagi tahun 2005. Begitu juga dengan pelancong India yang turut meningkat sebanyak 20.3% untuk tempoh yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, adalah sukacita saya memaklumkan bahawa langkah-langkah yang dilakukan oleh kerajaan dan pihak swasta seperti syarikat penerbangan antarabangsa dan pengusaha-pengusaha pelancongan tempatan telah mendatangkan hasil

yang positif. Terdapat bilangan kedatangan pelancong China dan India ke Malaysia, walau bagaimanapun, Kementerian Pelancongan akan terus memantau dan menjalankan usaha-usaha promosi pelancongan yang agresif dari semasa ke semasa bagi memastikan jumlah ketibaan pelancong dari negara China dan India akan terus meningkat. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ting Chew Peh [Gopeng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berdasarkan kepada ucapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri, ternyata bahawa kerajaan agak serius dalam usahanya untuk menarik pelancong dari China dan India. Soalan tambahan saya, iaitu selain daripada langka-langkah yang dinyatakan tadi, sebagai suatu langkah tambahan, adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk mengecualikan keperluan visa bagi rakyat kedua-dua negara dan jika tidak, apakah sebab-sebabnya.

Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat bagi Gopeng sebenarnya adalah persoalan yang patut ditujukan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Walau bagaimanapun, saya akan memberi sedikit pandangan. Sebenarnya apa yang telah berlaku sekarang ialah kita telah memudahkan kedua-dua rakyat daripada kedua-dua negara ini datang ke Malaysia. Tadi saya telah sebut bahawa kita juga telah bersetuju supaya mereka juga kalau tidak mengambil visa di negara mereka, mereka boleh mendapat *visa on arrival* di tiap-tiap tempat masuk di seluruh negara.

Berkenaan dengan kenapa kita tidak beri visa ataupun tidak mengguna pakai visa lagi kepada kedua-dua negara ini, bukan sahaja di dua-dua negara ini yang terlibat, ada lebih lagi negara-negara yang terpaksa menggunakan visa, khususnya negara-negara seperti di Afrika dan ada negara-negara juga di Latin Amerika yang terpaksa mengambil visa untuk datang ke negara kita.

Untuk makluman Yang Berhormat, kita di Kementerian Pelancongan sentiasa berurus dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan kementerian-kementerian lain untuk memastikan kemudahsampaian bukan sahaja pelancong tetapi kemudahsampaian orang-orang yang ingin berniaga di dalam negara kita ini juga dipermudahkan dengan sebaik mungkin. Sekian.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kami sentiasa menyokong usaha-usaha baik yang dilakukan oleh Yang Berhormat Menteri untuk menarik lebih ramai pelancong ke negara kita. Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri ada mengeluarkan kenyataan bahawa salah satu cara untuk menarik pelancong ialah dengan membiar dan membuka kelab-kelab malam hingga ke awal pagi. Ini mendapat respon yang besar daripada rakyat termasuk daripada UMNO Wilayah Persekutuan yang menentang cadangan itu. Jadi, untuk berlaku adil kepada Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat menggunakan kesempatan ini untuk menjelaskan sebenarnya apakah yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri dalam kenyataan tersebut.

Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, soalan sahabat saya Yang Berhormat bagi Tumpat ini terkeluar daripada soalan asal saya, [Disorak] walau bagaimanapun, saya akan menjawab. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, apabila saya membuat lawatan-lawatan saya ke seluruh dunia untuk mempromosikan negara, salah satu pendekatan yang telah saya ambil ialah saya bertemu, dengan izin, *trade paternity* dan juga pengusaha-pengusaha pelancongan dalam negara-negara tersebut.

Yang telah saya sarankan bukanlah saranan saya tetapi saranan daripada pengusaha-pengusaha dari beberapa buah negara yang telah menyatakan bahawa pada waktu malam mereka tidak tahu hendak ke mana. Dan, ada juga mereka menyatakan kepada saya pada waktu malam sehinggakan hotel-hotel lima bintang dalam negara kita, *coffee house* mereka juga ditutup pada jam 12. Jadi, yang telah saya sebut bukan kelab-kelab malam, saya minta supaya pengusaha-pengusaha negara kita khususnya di dalam kawasan-kawasan yang tertentu supaya restoran-restoran, tempat-tempat hiburan dan juga *shopping complex*, dengan izin, dapat dibuka lebih dari waktu jam 9 ataupun jam 10 malam.

Dan untuk tujuan Ahli Yang Berhormat bagi Tumpat, sebenarnya kita tidak ingin melihat Malaysia menjadi seperti Thailand. Saya minta Yang Berhormat bagi Tumpat juga perhatikan Tumpat, saya takut Tumpat jadi macam Golok. *[Ketawa]* Jadi, ini masalah. Kita hendak Malaysia dijadikan sebuah tempat pelancongan keluarga, itu yang kita sasarkan. Kita tidak ada langsung berniat untuk melakukan Malaysia ini seperti Thailand, Indonesia ataupun sesetengah negara yang mengadakan aktiviti-aktiviti seperti apa yang telah Yang Berhormat sebutkan tadi.

Walau bagaimanapun, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana telah memberi saya peluang untuk memberi jawapan. Ini kerana pihak Yang Berhormat pun ada juga yang panggil saya di dalam internet '*Menteri Pelancongan*', dengan izin. Ada lagi satu perkataan, saya tidak hendak sebutlah di Dewan yang mulia ini melalui internet. Untuk makluman Yang Berhormat, tujuan saya adalah untuk memastikan bahawa lebih daripada 2.5 juta rakyat yang mendapat nafkah daripada industri pelancongan ini kekal untuk mendapat nafkah dan mendapat mata pencarian. Ini yang sebenarnya. Saya minta semua Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan izin, *act tourism dan think tourism. Malaysia Truly Asia, Malaysia Welcomes the World.* Terima kasih. *[Tepuk]*

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri Pelancongan menyatakan pelancong dari India dan China, kita nampak angka-angka yang diberikan. Pertama, saya mahu tanya, pelancong-pelancong ini datang ke Semenanjung sahaja atau pergi ke Sabah dan Sarawak juga? Tetapi kalau pergi ke Sabah dan Sarawak, saya kira mereka ini mempunyai masalah kerana Kabinet kita tidak mengurus MAS ini dengan baik. Ini kerana *flight* yang sudah ada di domestik, misalnya dari Tawau ke Kota Kinabalu, daripada lima *flight* sehari tiga tinggal. Perjanjian di antara MAS dan Air Asia ini kononnya jika sekiranya kita kurangkan penerbangan MAS, Air Asia akan *take over*. Tetapi sekarang tidak juga.

Saya ingin tahu daripada Menteri Pelancongan, adakah Menteri menyuarakan perkara ini dalam Kabinet supaya MAS mengembalikan semua penerbangan yang ada di Sabah.

Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, ini pun terkeluar dari soalan asal, walau bagaimanapun, ini sahabat saya Yang Berhormat bagi Kalabakan saya akan memberi jawapan kepada Yang Berhormat walaupun ini bukan dalam bidang kuasa saya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya pelancongan yang hadir ke negara kita bukan sahaja kita tumpukan ke kawasan Semenanjung. Kita juga menggalakkan pelancong-pelancong untuk pergi ke Sabah dan Sarawak, oleh sebab, *caring capacity* Semenanjung.

Sekarang ini kita juga mempunyai masalah di negeri Sabah, khususnya di Kota Kinabalu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kota Kinabalu sendiri sekarang berkehendakkan kerana kekurangan tempat penginapan ia memerlukan lebih daripada 3,000 *hotel rooms*, dengan izin, kerana terlalu banyak pelancong telah dihantar ataupun diagihkan kepada Kota Kinabalu.

Saya amat bersetuju dengan apa yang Yang Berhormat telah sebutkan berkenaan dengan masalah penerbangan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semalam satu mesyuarat telah pun diadakan yang dipengerusikan oleh Menteri Pengangkutan dan saya telah hadir bersama juga dengan Menteri Kewangan Kedua untuk menyelesaikan masalah yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Sebenarnya kerajaan amat prihatin terhadap masalah ini, bukan sahaja untuk kegunaan pelancong tetapi kita juga prihatin terhadap masalah yang rakyat di kedua-dua negeri ini mengalami kesusahan untuk mendapatkan penerbangan-penerbangan seperti apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat.

Kita telah minta ketiga-tiga syarikat penerbangan ini untuk memaklumkan kepada kita dalam masa seminggu supaya kita dapat menyelesaikan masalah ini pada masa Kabinet yang akan datang. Ini yang telah diputuskan pada semalam. Untuk makluman Yang Berhormat saya juga bersama-sama Yang Berhormat bagi Tawau pada minggu lepas dan saya juga telah mengalami kelewatan untuk balik ke Kuala Lumpur. Ini juga saya telah suarakan dan saya juga minta supaya ketiga-tiga penerbangan ini untuk bekerjasama

supaya satu sistem *interlining* bukan sahaja dari segi *booking*, dengan izin, tetapi juga *interlining* berkenaan dengan *cargo transfer*.

Percayalah Yang Berhormat bahawa kerajaan amat serius terhadap apa yang sedang berlaku dan kita akan mengambil tindakan. Sekian, terima kasih.

4. Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada kementerian bercadang menyemak fakta-fakta sejarah yang termaktub di dalam buku teks sejarah yang diajar di sekolah menengah memandangkan ianya mempunyai penekanan yang berbeza dengan buku teks dahulu yang lebih menekankan sumbangan semua kaum di dalam proses pembentukan negara. Apakah sebab-sebab fakta-fakta sejarah ini diubahsuai.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, terdapat sebanyak dua pertanyaan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung semakan semula fakta sejarah di dalam buku teks. Pertanyaan-pertanyaan tersebut adalah daripada Yang Berhormat bagi Air Hitam pada 29 Ogos 2006, iaitu hari ini dan nombor dua, Yang Berhormat bagi Tanjong pada 30 Ogos 2006, iaitu besok. Saya mohon izin untuk menjawab dua-dua pertanyaan tersebut secara serentak.

Tuan Yang di-Pertua, buku teks Mata Pelajaran Sejarah yang digunakan di sekolah menengah sekarang telah diterbitkan berasaskan Sukatan Pelajaran dan Huraian Sukatan Pelajaran yang telah disemak semula dan disediakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia secara berperingkat bermula tahun 2003.

Fakta sejarah yang dikemukakan dalam pengisian sukatan pelajaran memaparkan peristiwa sejarah tanah air yang sebenarnya dalam konteks melahirkan warganegara yang bangga akan warisan sejarah mereka dan seterusnya mengekalkan kedaulatan negara sebagaimana dalam tema "Ke Arah Kemerdekaan" iaitu proses pembentukan negara yang merdeka. Fakta sejarah yang dikemukakan masih mencerminkan usaha pelbagai kaum yang diterajui dan diwakili oleh tokoh-tokoh kebangsaan untuk memperjuangkan kemerdekaan merdeka. Untuk makluman, pemilihan isi kandungan kurikulum pula adalah berdasarkan fakta-fakta sejarah yang telah terbukti dan diterima. Penemuan-penemuan dan dapatan-dapatan terkini adalah diperolehi daripada hasil penyelidikan oleh ahli sejarah, ahli akademik dan individu. Dapatan dan penemuan ini akan hanya dimasukkan ke dalam kurikulum persekolahan sekiranya telah terbukti kesahihannya dan diterima kesesuaiannya dalam kurikulum. Terima kasih.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya pada Setiausaha Parlimen apa yang dijawab oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kalau kita membuat satu perbandingan buku teks dahulu dengan sekarang banyak bezanya. Saya mengambil contoh dahulu Yap Ah Loy sebagai seorang pengasas Kuala Lumpur bekerjasama dengan Raja dan Pembesar Selangor. Wong Ah Fook dengan Sultan Abu Bakar di Johor kesemuanya telah dilynapkan dalam buku Sejarah yang ada sekarang. Tentang sejarah kemerdekaan negara, generasi sekarang hanya tahu Tan Cheng Lock sebagai pengasas Parti MCA dan Tun V.T Sambanthan sebagai Pengasas MIC. Itu sahaja, tidak diterangkan apa ideologi mereka, apa yang diilhamkan oleh mereka, bagaimana mereka memperjuangkan kemerdekaan. Kesemua ini dilynapkan dalam buku Sejarah.

Dan saya hendak tanya dengan Yang Berhormat peranan masyarakat Cina menentang Jepun dahulu dan bagaimana Kampung Baru yang ada 450 buah ini berperanan untuk menentang komunis? Kesemua ini dilynapkan berbanding dengan buku teks dahulu. Dan soalan saya Yang Berhormat kenapa rentetan sejarah yang begitu penting itu telah ditukar dan kandungan itu seolah-olah merupakan satu perkara yang melibatkan pemikiran stereotaip oleh ahli akademik. Saya hendak bertanya pada Yang Berhormat adakah kementerian bersedia mewujudkan satu jawatankuasa melihat semula kerana ini akan menimbulkan kontroversi. Dan saya rasa orang yang membaca sejarah sekarang tidak ada satu kaum pun yang berasa senang dan itu akan menimbulkan kebencian terhadap sesuatu pihak. Apakah pandangan dan pendirian Yang Berhormat....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah ada empat soalan.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: ...tentang perkara ini.

Puan Komala Devi [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua pendidikan kurikulum Sejarah yang diguna pakai pada masa sekarang adalah hasil daripada satu kajian yang telah dijalankan di sekolah-sekolah menengah iaitu kajian tentang isu kurang minat murid terhadap mata pelajaran Sejarah. Dan kajian ini juga telah dijalankan di sekolah-sekolah yang berprestasi rendah SPM dalam mata pelajaran Sejarah. Antara dapatan kajian tersebut adalah seperti berikut iaitu mata pelajaran...

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain sila diam. Yang Berhormat sila. Teruskan Yang Berhormat.

Puan Komala Devi [Kapar]: Adakah Ahli Yang Berhormat sedia mendengar jawapan ke tidak? Jadi hasil daripada kajian adalah bahawa mata pelajaran Sejarah ini sering dianggap sebagai tidak mempunyai nilai komersial. Kemudiannya murid hanya dilatih menghafal fakta di mana banyak konsep sejarah tidak dijelaskan dan murid-murid yang lemah penguasaan bahasa juga bukan hanya sukar membaca tetapi juga sukar memahami fakta. Jadi hasil daripada kajian ini memang *syllabus* dan juga sukatan Sejarah SPM telah disepadukan di mana daripada 13 tema iaitu enam tema di Tingkatan Empat dan tujuh tema di Tingkatan Lima telah disepadukan dan dijadikan enam tema sahaja iaitu tiga tema dipelajari di dalam Tingkatan Empat dan tiga lagi di Tingkatan Lima.

Dan organisasi dan juga penyemakan yang telah dijalankan adalah berobjektif dari segi penyesuaian sahaja iaitu *adjustment* dan bukan dari segi rombakan kurikulum. Dan seperti yang saya katakan tadi semua fakta-fakta telah pun dibentangkan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Pusat yang seperti dipohonkan oleh Ahli Yang Berhormat. Jadi sukatan yang baru ini adalah untuk memberi pendedahan dan juga maklumat dalam satu cara supaya pelajar-pelajar ini minat kepada mata pelajaran Sejarah. Tetapi sekiranya Ahli Yang Berhormat mendapat masih ada kekurangan dalam sukatan ataupun huraian mata pelajaran, bolehlah kemukakan dan kementerian selalu terbuka minda untuk mempertimbangkan semua cadangan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kelana Jaya.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Tuan Yang di-Pertua perkara yang sama pernah saya bangkitkan dalam Parlimen ini semasa ucapan dalam Parlimen bulan Mac. Soalnya memang ada ubahsuai dalam kurikulum sejarah. Dalam buku teks Sejarah Tingkatan Tiga atau Tingkatan Empat, Tuan Yang di-Pertua dari enam bab ditambahkan jadi sepuluh bab ada tambahan empat bab. Bagaimanakah sepadu itu dikatakan telah mengurangkan fakta-fakta itu. Ada fakta-fakta telah digugurkan termasuklah fakta-fakta berkenaan sumbangan penduduk orang India, mengapa dikurangkan? Sedangkan kandungan dalam buku teks telah digambarkan mengapa dikurangkan? Apakah pihak kementerian dapat mengkaji mereka yang duduk di dalam CDC (*Curriculum Development Centre*) itu dapat memberi satu *volume* terbuka. Apakah kementerian sedia mengkaji semula mereka yang duduk di dalam CDC itu, minta penjelasan.

Puan Komala Devi [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua objektif kementerian untuk menyepadukan semua tema tidaklah untuk menyetepikan sumbangan mana-mana kaum. Malahan selepas kita menyepadukan kurikulum kami dapati bahawa prestasi mata pelajaran dalam Sejarah SPM kita dapatkan satu peningkatan dalam prestasi. Di mana pada tahun 2003 peratus lulus adalah hanya 65.4% tetapi pada tahun 2004 kita dapat satu peningkatan iaitu kepada 73.9%. Seperti yang saya katakan tadi memang tidaklah hasrat kerajaan untuk menyetepikan sumbangan mana-mana kaum dan ini semua telah mengambil kira. Cuma kita dapat cuba untuk menyepadukan untuk *consolidate* dan supaya fakta-fakta sejarah itu tidak merupakan membosankan ataupun sukar difahami. Itu sahaja objektif kita tetapi sekiranya Ahli Yang Berhormat tidak merasa puas dengan sukatan bolehlah kemukakan dan kami akan mempertimbangkan. Terima kasih.

Seorang Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Santubong. Cukuplah Yang Berhormat.

5. Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong] minta Menteri Kesihatan menyatakan:-

- (a) adakah dasar pembinaan klinik luar bandar telah berubah, jikalau ya, apa dasar baru. Jikalau tidak berapakah klinik luar bandar akan dibina di seluruh negara dan berapakah yang dibuat di Sarawak dan nyatakan daerah/kawasan tersebut; dan
- (b) apakah jaminan dan langkah persediaan Kementerian agar pengusaha insurans tidak menipu rakyat apabila skim insurans kesihatan terlaksana keseluruhannya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]: Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab soalan bahagian (a), pada masa ini kerajaan tidak bercadang untuk mengubah dasar mengenai pembinaan klinik luar bandar. Dasar ini akan diteruskan bagi memastikan penduduk luar bandar mendapat perkhidmatan kesihatan yang lebih baik. Di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan Kementerian Kesihatan telah merancang untuk membina klinik baru sejumlah 235 buah klinik desa dan 166 klinik kesihatan di luar bandar. Di negeri Sarawak kerajaan merancang untuk membina sejumlah 94 buah klinik luar bandar. Pembinaan klinik kesihatan luar bandar ini melibatkan semua daerah di negeri Sarawak termasuk di kawasan Santubong.

Untuk menjawab soalan bahagian (b), pada masa ini kerajaan masih menunggu hasil kajian dari pakar perunding antarabangsa berkaitan Skim Perlindungan Kesihatan Kebangsaan. Kerajaan mencadangkan supaya mekanisme pembiayaan kesihatan negara ini berdasarkan kepada konsep insurans kesihatan nasional yang meliputi seluruh negara. Mekanisme pembiayaan kesihatan negara ini akan dikendalikan oleh satu badan berkanun.

Oleh yang demikian, kepentingan rakyat akan sentiasa dijaga dan rakyat tidak akan tertipu jikalau akhirnya kerajaan memperkenalkan Skim Perlindungan Kesihatan Kebangsaan ini. Sekian.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Soalan yang pertama, di mana Menteri ini?

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Soalan yang pertama, di mana Menteri? Kalau Kementerian Pelancongan Menteri boleh datang sendiri, kalau Kementerian Penerangan, Menteri sendiri boleh datang, mana Menteri Kesihatan tidak boleh datang?

Beberapa Ahli: *[Menyampuk] [Dewan gamat seketika]*

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tidak pentingkah soalan kesihatan orang luar bandar?

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: 50% orang Malaysia duduk di luar bandar.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Menyampuk]*

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Semuanya orang bumiputera dan orang Melayu. Tidak pentingkah ini?

Beberapa Ahli: *[Menyampuk] [Dewan gamat seketika]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, soalan Yang Berhormat, ya.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Soalan mesti dijawab. Saya hendak dengar itu. Bukan buka PIBG, bukan buka sekolah, buka apa benda yang lain.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Menyampuk]

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Parlimen mesti dijawab dahulu. Tidak pentingkah ini?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Penting.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Itu soalan yang pertama, kena dijawab dengan terperinci. Soalan yang kedua, saya ada fakta menunjukkan *insurance company* sekarang menipu rakyat melalui skim insurans ini.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Betul!

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Adik ipar saya, bayar insurans. Sampai sekarang tidak bayar sudah dua tahun dah. Berselindung di sebalik *small letter and small prints*. Adakah kementerian bersetuju untuk menyelidik semula semua insurans polisi, dasar ini semua dikaji dengan terperinci dan jangan orang tertipu. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bagi jawapan kata dasar tidak diubah. Saya buat soalan ini daripada saya jadi Ahli Parlimen bagi Batang Lupar dahulu. Soalan ini saya bangkit. Soalan yang sama dijawab, tidak ada perubahan. Tetapi Batang Lupar kawasan saya tidak ada satu klinik baru pun dibuat.

Beberapa Ahli: Ohh! [Menyampuk]

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Mana dasar tidak berubah? Jadi persoalan itulah saya hendak tanya di mana Menteri sebab orang yang menjawab, bukan saya merendah-rendahkan Setiausaha Parlimen, tetapi jawapan yang terperinci yang diketahui oleh Menteri sendiri supaya jangan Dewan diselok-belokkan. Saya tidak hendak sebut kata tipu. Insurans boleh tipu tetapi Ahli Parlimen, Menteri, Timbalan Menteri jangan berlaku cerita yang bohong dalam Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tolong jawab.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong. Berkaitan dengan ketidakhadiran Menteri hari ini, ini adalah kerana beliau ada mesyuarat pada pagi ini untuk membuat sesuatu rancangan, beberapa program yang kita ada ini. Yang kedua itu, berkaitan dengan skim insurans kesihatan ini. Sepatutnya skim insurans kesihatan ini tidak di bawah *jurisdiction* kementerian kita. Ia adalah di bawah Kementerian Kewangan. Skim yang kita hendak katakan sekarang ini adalah berkaitan dengan Skim Insurans Kesihatan Kebangsaan iaitu adalah satu skim yang baru di mana kita masih membuat kajian di atasnya. Berkaitan dengan skim-skim insurans yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, itu memang tidak ada di bawah *jurisdiction* kementerian kitalah. Sekian.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, soalan tambahan saya berhubung dengan klinik di luar bandar. Di antara pengalaman rakyat yang berurusan dengan klinik-klinik di luar bandar terutamanya adalah respons yang lambat kerana mungkin doktor lambat datang ataupun menggunakan masa yang lama untuk sampai ke klinik. Mungkin ada urusan yang lain, di mana masa tunggu untuk seseorang pesakit itu kadang-kadang sejam hingga dua jam. Peralatan yang tidak berfungsi mungkin kerana digunakan sekali-sekali. Sekali-sekali, setahun sekali ataupun setahun dua kali baru digunakan. Kemudian *ambulance driver* yang sering hilang. Bila bawa isteri hendak beranak, sampai di klinik *driver* tidak ada. Terpaksa guna kereta sendiri dan melalui *traffic jam* yang sibuk di pekan-pekan.

Kemudian resusitasi awal, *early resuscitation* yang tidak terdaya dibuat oleh staf-staf di klinik dan tidak berdaya untuk *refer* ke hospital dengan cepat dan ubat-ubat kadang-kadang tidak ada di klinik tersebut sampai tiga hingga empat bulan. Saya ada pengalaman

di Klinik Kesihatan Pendang. Ubat 'depoprovera' dan OCP tahun lepas sampai empat bulan tidak ada di klinik Pendang. Tetapi kalau kita ikut kepada *Private Hospital Health Care Facility and Service Act 1998* yang akan dikenakan kepada doktor-doktor swasta di kawasan luar bandar, mereka diperlukan untuk menyediakan bermacam-macam peralatan yang mahal harganya. Jadi terpaksa kos ini kadang-kadang diturunkan kepada pesakit. Jadi persoalan yang saya timbulkan, bilakah agaknya Kementerian akan memastikan bahawasanya klinik-klinik di luar bandar ini mempunyai keadaan yang "tip-top" seperti mana yang dikehendaki oleh Kementerian. Terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pendang. Berkaitan dengan klinik-klinik ini, kita memang sentiasa ambil tindakan untuk mempertingkatkan perkhidmatan mereka. Pada masa yang kita ada, kita adakan klinik desa yang banyak di semua kawasan di seluruh negara. Selepas itu kita ada klinik kesihatan. Untuk klinik-klinik desa yang kita ada ini, apabila keperluan itu sudah meningkat, kita akan *upgrade* ia jadi klinik kesihatan dan sebagainya. apabila kita dapat sesuatu dapat kalau memerlukan fasiliti yang baru, kita akan rancang dan kita akan bina klinik kesihatan yang baru juga di kawasan itu.

Ini adalah rancangan yang kita sentiasa buat dan kita sentiasa ada mesyuarat dengan Pengarah Kesihatan Negeri supaya keperluan di semua tempat itu akan dapat dijaga. Berkaitan dengan prestasi kakitangan ini, kalau ada kes-kes yang spesifik, bagi kepada saya atau kita boleh beritahu kepada Pegawai Kesihatan Daerah atau Pengarah Kesihatan Negeri supaya tindakan dapat diambil dengan secepat mungkin. Sekian.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya ingin bertanya perkara berkenaan dengan sistem insurans kesihatan nasional. Saya rasa sudah berapa lama perkara ini dibangkitkan dan sehingga hari ini masih lagi di peringkat perbincangan. Kalau kita lihat di negara-negara yang melaksanakan sistem Skim Insurans Kesihatan Nasional ini, mesti ada proses transformasi iaitu hospital-hospital ini harus melaksanakan sistem 'kismis'. Sistem 'kismis' ini pun belum lagi dilaksanakan di hospital-hospital kerajaan. Bilakah sistem ini akan dimulakan?

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat bagi Gombak. Berkaitan dengan Skim Perlindungan Kesihatan Kebangsaan ini, tindakan kita telah melantik pakar perunding dan kita telah memberi mereka selama 12 sampai 16 bulan untuk membuat kajian yang mendalam. Masa itu, akan sampai pada tahun depan iaitu lebih kurang bulan Ogos. Kita memerlukan masa yang panjang ini kerana kita kena mengkaji dengan mendalam supaya skim yang kita wujudkan ini adalah lebih baik daripada apa yang kita terdapat sekarang.

Ini adalah sangat penting dan dari pandangan-pandangan Yang Berhormat, kita telah tahu bahawa skim ini dia mempunyai implikasi yang sangat luas untuk setiap orang dalam negara kita dan kita mesti memerlukan masa yang panjang untuk meneliti, untuk mengkaji keputusan yang telah dibagi kepada kita oleh pakar perunding. Sekian.

6. Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan untuk mengemaskinikan rundingan-rundingan FTA dengan Amerika Syarikat dan mengumumkan pengiraan kos / keuntungan untuk Malaysia apabila AS dilaporkan akan mendapat US\$22 bilion setahun daripada FTA ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor ini bersama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Pulau yang perlu dijawab pada 13 November 2006 dan Yang Berhormat bagi Kudat yang perlu dijawab pada 16 November 2006 kerana ketiga-tiga soalan ini berkaitan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Terima kasih. Amerika Syarikat merupakan rakan dagang dan pasaran eksport terbesar bagi Malaysia. Bagi tahun 2005

nilai dagangan dua hala telah mencecah RM160.9 bilion dengan eksport berjumlah RM105 bilion, import RM55.9 bilion dan lebih dagangan bernilai RM49.1 bilion. Dari segi pelaburan pula, Amerika Syarikat merupakan sumber pelaburan asing yang terbesar bagi Malaysia dengan nilai pelaburan berjumlah RM5.8 bilion bagi tempoh tahun 2000 hingga 2005. Rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) antara Malaysia dan Amerika Syarikat telah dirancangkan pada 8 Mac 2006. Sehingga kini, dua pusingan rundingan telah diadakan pada 12 hingga 16 Jun 2006 dan 17 hingga 21 Julai 2006 masing-masing di Pulau Pinang, Malaysia dan Washington DC di Amerika Syarikat. Rundingan ini masih di peringkat awal dan perbincangan tertumpu kepada mendapatkan persefahaman terhadap peranan masing-masing dan memahami isi kandungan perjanjian dicadangkan. Oleh yang demikian tiada sebarang komitmen dan persetujuan yang telah dibuat sehingga kini.

Antara elemen-elemen utama rundingan FTA Malaysia dengan Amerika Syarikat ialah liberalisasi pasaran barangan industri dan pertanian serta sektor perkhidmatan, kerjasama dalam bidang harta intelek, kastam dan alam sekitar, pelaburan, perdagangan elektronik, pematuhan standard-standard utama yang ditetapkan di bawah Konvensyen Organisasi Buruh Antarabangsa atau ILO dan perolehan kerajaan. Dalam kedua-dua pusingan rundingan yang telah diadakan pihak Amerika Syarikat dimaklumkan mengenai kesukaran dan kebimbangan Malaysia untuk berunding dan membuat komitmen berkaitan isu-isu seperti perolehan kerajaan, buruh dan alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, FTA ini mempunyai kebaikan dan faedah kepada negara. Antaranya adalah pembukaan pasaran bagi barangan Malaysia terutamanya tekstil dan pakaian, barangan getah, kayu-kayan termasuk perabot dan papan lapis, kimia, plastik, peralatan optik dan saintifik, seramik, elektrik dan elektronik dan pertanian. Kadar duti semasa bagi produk ini di Amerika Syarikat adalah dalam lingkungan 5% hingga 32%.

Apabila Amerika Syarikat menghapuskan duti bagi produk-produk tersebut yang dieksport oleh Malaysia, maka pengilang dan pengeksport Malaysia akan mempunyai kelebihan daya saing berbanding dengan negara lain yang tidak mempunyai FTA dengan Amerika Syarikat.

Pada permulaan FTA ini nilai duti yang akan dihapuskan dianggarkan berjumlah RM714.6 juta dan ini akan bertambah mengikut prestasi eksport Malaysia ke Amerika Syarikat. Selain daripada pembukaan pasaran, Malaysia juga akan cuba mendapatkan persetujuan dengan Amerika Syarikat untuk mengadakan kerjasama teknikal dengan bantuan kewangan dan kepakaran Amerika Syarikat, adalah diharapkan Malaysia dapat meningkatkan keupayaan di dalam pelbagai bidang seperti pelaksanaan dan pematuhan standard, prosedur kastam, penguatkuasaan hak harta intelek dan e-dagang. Perjanjian ini juga akan terus menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang menarik bagi syarikat-syarikat Amerika Syarikat dan ini akan meningkatkan aliran pelaburan khususnya dalam industri-industri yang digalakkan seperti bioteknologi serta pendidikan dan pembangunan dalam sektor-sektor teknologi tinggi.

Tuan Yang di-Pertua bagi memastikan bahawa kepentingan semua pihak terpelihara, pihak MITI telah mengadakan konsultasi dengan sektor swasta dan lain-lain pihak yang berminat dengan rundingan ini. Konsultasi ini dijalankan secara berterusan di mana pihak-pihak berkepentingan ini akan dimaklumkan mengenai perkembangan terkini rundingan. Maklum balas dan input dari pihak-pihak berkepentingan telah diambil kira di dalam membuat keputusan mengenai pendekatan dan pendirian negara di dalam rundingan ini. Jemaah Menteri juga sentiasa dimaklumkan mengenai status terkini mengenai FTA Malaysia-Amerika Syarikat dan keputusan Jemaah Menteri akan dipohon sebelum sebarang komitmen dipersetujui oleh Malaysia. Malaysia akan memastikan perniagaan negara terpelihara di dalam FTA melalui peruntukan-peruntukan yang memberi fleksibiliti untuk kerajaan melaksanakan dasar dan langkah-langkah bagi mencapai objektif pembangunan dan struktur ekonomi.

Pemilihan rundingan FTA ini tidak bererti Malaysia adalah terikat untuk menandatangani perjanjian FTA dengan Amerika Syarikat. Keputusan untuk menandatangani satu perjanjian adalah bergantung pada hasil rundingan. Jemaah Menteri akan membuat keputusan muktamad untuk menentukan sama ada satu perjanjian FTA akan ditandatangani atau sebaliknya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Santubong, mana menteri? Mana Menteri MITI adakah dia rasa dia permaisuri tidak perlu menghadiri mesyuarat? Kehadiran Yang Berhormat menteri itu lebih kurang daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang sudah kurang. Kenapa mana itu disiplin, mana tatatertib? Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab mana itu menteri? Adakah ini perkara tidak penting, FTA?

Dalam perkara ini bolehkah Yang Berhormat tahu minggu lalu *Deputy United State Trade Representative* Barbara Weisel ada datang ke Parlimen untuk bertukar fikiran dengan Ahli-ahli Parlimen, Barisan Nasional dan Pembangkang.

Kalau *Deputy US Trade Representative* daripada US boleh datang kenapa menteri kita tidak boleh memberi taklimat kepada Ahli-ahli Parlimen mengenai FTA di antara Malaysia dan USA? Kita ada memberi pandangan kita banyak aspek sama ada mengenai *market access*, pelaburan, *intellectual property*, *government procurement*, dan bukannya semua ini kita perlu mengadakan satu Jawatankuasa Pilihan Parlimen mengenai FTA supaya melibatkan semua Ahli Parlimen dalam satu proses yang begitu penting supaya tidak ada satu *outcome* yang berat sebelah dan Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua sudah menyokong ada satu *Parliamentary Select Committee* mengenai FTA. Kenapa Yang Berhormat Menteri tidak bersetuju sampai sekarang tidak ada satu *Parliamentary Select Committee* mengenai FTA.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali Yang Berhormat Menteri MITI sekarang berada di Singapura dan setiap tahun kita adakan seminar di sana di mana selalunya dihadiri oleh lebih 1,000 daripada usahawan daripada Singapura. Kita perlu jelas bahawa Singapura adalah rakan dagang kedua terbesar Malaysia dan lebih kurang 13.5% jumlah perdagangan kita dengan negara Singapura. Negara kita merupakan sebuah negara perdagangan jadi penting perdagangan dan pelaburan ini kepada negara kita.

Kedua mengenai dengan isu Jawatankuasa Pilihan, sebenarnya dari segi proses perundingan dengan Amerika Syarikat, ini melibatkan beberapa pihak *stakeholders*. Dalam rundingan pertama di Pulau Pinang, kita dihadiri oleh 128 ahli-ahli daripada semua agensi kementerian kerajaan termasuk Bank Negara, Securities Commission dan juga badan-badan perniagaan. Bermakna dalam kita hendak berunding semua pihak-pihak yang terlibat ini telah terlibat dalam perundingan tersebut.

Mengenai dengan Parlimen, dalam rundingan tersebut kita telah mendapatkan daripada kelab penyokong kerajaan dua orang wakil daripada Ahli Parlimen dan mereka mengikuti perundingan tersebut. Di samping itu pihak-pihak kementerian telah memberi taklimat kepada Ahli-ahli Parlimen. Terima kasih.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua kepada Timbalan Menteri yang arif dengan perdagangan antarabangsalah. Soalan tambahan saya ialah mengenai FTA dengan Amerika Syarikat ini ialah kita tahu tujuan utama ialah untuk membuka pasaran kedua-dua negara dan tadi telah terima jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa Malaysia mempunyai lebihan dagangan lebih kurang RM50 bilion setahun.

Tetapi satu isu yang paling penting sekali ialah mengenai perlindungan kita terhadap hasil pertanian komersial kita iaitu kelapa sawit. Kita tahu sekarang ini Amerika Syarikat masih bertelingkah dengan European Union mengenai subsidi hasil-hasil pertanian di aman saya ingat berpuluh tahun pun tidak selesai lagi. Kalaulah satu hari ada FTA dengan Amerika, bagaimanakah kementerian boleh memberi jaminan bahawa hasil-hasil pertanian, khasnya kelapa sawit kita ini dapat dilindungi daripada lobi-lobi yang menyatakan bahawa kelapa sawit ini mempunyai kesan-kesan yang kurang baik terhadap kesihatan.

Itu adalah satu isu yang saya sudah bangkit, satu isu yang berkaitan dengan FTA juga iaitu mengenai Amerika Syarikat mungkin akan *impulse* ataupun memberikan satu syarat bahawa isu-isu yang *non-tariff barrier* ataupun isu-isu yang tidak berkaitan dengan perdagangan akan diletak di bawah FTA ini bagaimana kita boleh berunding dengan mereka. Isu seperti gaji minimum, *minimum wedges* ataupun isu *environment* ataupun isu

berkaitan dengan label dan saya hendak tahu bagaimana Malaysia bersedia untuk berunding dengan mereka ini mengenai FTA dengan Amerika Syarikat ini yang sepatutnya diberikan mandat sebelum Julai tahun depan oleh Presiden Bush, Amerika Syarikat. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua terlebih dahulu mandat yang diberi oleh USTA itu bukan satu yang terikat dengan kita. Maksudnya dari segi rundingan kita ialah berdasar kepada *win-win situation*. Kalau kita sudah tidak ada *advantage* kepada kita dan menguntungkan Amerika Syarikat, kita tidak akan memuktamadkan rundingan tersebut ataupun mengadakan perjanjian. Jadi saya ingat jangan kita bimbang seolah-olah kerajaan akan menandatangani perjanjian walaupun ia tidak memihak kepada kita.

Kedua mengenai dengan kelapa sawit di mana kita maklum pertama sekali dari segi subsidi itu isu lain. Ini isu yang sedang di bincang oleh WTO malah dalam mesyuarat menteri-menteri dengan beberapa orang menteri pada bulan Julai lalu, isu subsidi inilah yang akhirnya tidak berkesudahan dengan sebarang keputusan. Mengenai dengan kelapa sawit, kita tahu sekarang ini Amerika Syarikat telah mengklasifikasikan kelapa sawit kita sebagai *palm 'tocotrienol'* (vitamin E), oleh itu dikenakan duti import.

Antara isu yang kita bincang dengan Amerika Syarikat bukan sahaja dari segi mendapat akses pasaran melalui pengurangan tarif seperti mana yang saya katakan pengurangan tarif akan melibatkan penjimatan syarikat Malaysia lebih RM700 juta dari segi duti import. Kita belum melihat dari segi pasaran, jika dari segi pasaran tentulah lebih besar kerana jika rakan saing kita dutinya ialah 30% dan kita 10% tentulah daya saing kita lebih tinggi. Kita melihat juga kepada *non-tariff barriers*, salah satu isu yang saya bangkitkan tadi tentang *phyton-sanitary*, kita mahu perkara ini dihapuskan. Termasuklah isu-isu mengenai dengan getah asli, kita mempunyai *competitiveness* yang begitu besar tetapi oleh kerana ada syarat-syarat tertentu yang diletak oleh Amerika Syarikat, kita tidak dapat mengeksport dengan lebih tetapi sekiranya ini dihapuskan maka akan ada kebebasan untuk kita akses pasaran tersebut.

Kemudian Yang Berhormat menyebut tentang isu buruh, *environment* dan Yang Berhormat tidak sentuh tentang *government procurement*. Perkara ini kita telah beritahu awal, isu-isu ini kita tidak mahu bincang, kita tidak mahu mereka berbincang dan mendapat *advantage* dari segi buruh dan dari segi *environment* termasuk *government procurement* kerana *government procurement* ini kalau kita lihat dalam Rancangan Malaysia Kesembilan RM200 bilion akan dibelanjakan. Itu sebahagian daripada *government procurement* dan *government procurement* ini akan menentukan arah tuju sosioekonomi negara kita dan kita tidak mahu sebuah negara asing mahu terlibat dalam proses tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, kita telah pun membuat *cost benefit analysis* yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri beberapa kali dan dalam kajian tersebut ia meliputi berapa banyak perkara dari segi macam mana *competitiveness* produk-produk tertentu seperti EFE, *wood-based product and rubber-based product* untuk menembusi pasaran berbanding dengan pesaing kita. Seperti mana yang saya nyatakan, kita berbincang dengan pihak-pihak terlibat dan kita tengok *sectoralnya*. Kalau sektornya pertanian - Kementerian Pertanian dan agensi di situ. Kalau kewangan - Kementerian Kewangan, Bank Negara dan Securities Commission. Semua ini akan menjaga kepentingan negara kita. Terima kasih.

7. Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah jumlah elaun perumahan yang diberikan kepada guru-guru dari Semenanjung Malaysia yang bekerja di negeri Sabah berbanding dengan elaun perumahan yang diberikan kepada guru-guru yang bekerja di daerah selain daripada daerah asalnya (misalnya, seorang guru yang berasal dari daerah Penampang tapi bekerja di daerah Sandakan).

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, guru-guru yang berasal daripada Semenanjung Malaysia yang berkhidmat di Sabah adalah layak di peruntukan dengan Elaun Perumahan Wilayah (EPW). Elaun

tersebut dibayar mengikut gred kelayakan dan *locality* pegawai seperti mana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 tahun 1987 dan Bilangan 11 tahun 2001 dan layak juga dibayar Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) seperti mana yang termaktub dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 tahun 2001 dan surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 tahun 2004. Sementara guru-guru yang berasal dari Sabah yang berkhidmat di Sabah adalah layak dibayar Imbuhan Tetap Perumahan. Terima kasih.

Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya rasa soalan saya ini meminta bilangan tetapi ini diberi secara perkataan sahaja, tidak ada bilangan. Bagi saya Tuan Yang di-Pertua, peranan guru ini amat penting untuk membentuk dan membimbing anak-anak kita untuk menjadi insan yang bermutu supaya mereka boleh menyumbang kepada kemajuan dan kemakmuran negara. Dan amat sedih bahawa kedudukan atau kebajikan guru-guru ini lazimnya diabaikan.

Jadi soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, adalah mengenai tempat tinggal guru yang dibekalkan kementerian atau Jabatan Pelajaran. Saya difahamkan bahawa pegawai-pegawai Jabatan Pelajaran diberi keutamaan tinggal di *teachers' quarters* ini. Ini menyebabkan guru-guru dipindah terutamanya mencari tempat tinggal sendiri dan oleh sebab elaan tidak mencukupi biasanya mereka mendapat tempat yang tidak sesuai. Adakah ini benar Yang Berhormat?

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, kadar Elaun Perumahan Wilayah (EPW) yang dibayar kepada guru-guru Semenanjung yang berkhidmat di Sabah tertakluk kepada gred dan pada dasarnya dia ada satu *range* dengan izin daripada RM430 untuk kumpulan sokongan sehingga RM2,500 untuk kumpulan pengurusan tinggi. Pada dasarnya penentuan kelayakan kadar ini adalah berpandukan kepada sama ada kawasan itu terletak di bandar ataupun di kawasan luar bandar. Manakala *range* untuk Imbuhan Tetap Perumahan iaitu untuk guru-guru Sabah yang ditempatkan di Sabah ada juga mengadakan satu *range* iaitu dari RM180 untuk kumpulan sokongan hingga RM900 untuk kumpulan gred 1.

Cuma dari segi adakah keutamaan diberi kepada pegawai-pegawai selain daripada guru untuk menduduki di *quarters* guru, sebelum ini kita tidak mendapat aduan ataupun laporan seperti tersebut tetapi pembinaan rumah-rumah guru ini adalah dikhususkan khas untuk kemudahan dan untuk mengambil kira kebajikan guru-guru yang sedia berkhidmat di luar yang bertukar wilayah iaitu guru-guru daripada Semenanjung yang berkhidmat di Sabah dan Sarawak ataupun dari Sabah dan Sarawak yang berkhidmat di Semenanjung ataupun yang dari Sarawak berkhidmat di Sabah dan dari Sabah berkhidmat di Sarawak. Jadi sekiranya Ahli Yang Berhormat dapat adakan bukti seperti perkara ini berlaku, saya menjemput Ahli Yang Berhormat untuk mengemukakan hal-hal tersebut secara terperinci kepada kementerian dan kami akan siasat, terima kasih.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pekeliling-pekeliling yang telah disebut oleh Setiausaha Parlimen tadi dibuat bertahun-tahun lama. Ketika kementerian berkehendakkan guru-guru daripada Semenanjung untuk sedia bertukar ke Sabah dan Sarawak ke Sabah. Bererti pekeliling itu tidak lagi mengira sentimen tempatan pada ketika ini. Tuan Yang di-Pertua, masalah guru yang berasal daripada Sabah yang ditukarkan di luar kawasan tempat tinggal mereka itu, umpamanya dari Kota Kinabalu ke Sandakan akan berhadapan dengan masalah yang sama guru-guru daripada Semenanjung ditukarkan ke Sandakan.

Daripada Kota Kinabalu ke Sandakan dengan kereta lima jam. Daripada Semenanjung - Kuala Lumpur ini ke Sandakan dua jam setengah dengan kapal terbang. Jadi bererti kementerian harus melihat pekeliling yang dahulu itu untuk diubahsuai kepada kehendak sekarang. Sentimen guru di Sabah sekarang mereka merasa di pinggir kerana guru daripada Semenanjung mendapati EPW dan ITP sedangkan guru di Sabah ini mendapat ITP. Masalah rumah, dapatkah rumah dan sewa rumah. Mereka menghadapi masalah yang sama, kementerian harus mengkaji pekeliling-pekeliling ini berdasarkan kepada keadaan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya adakah kementerian sedar keadaan ini dan bersedia untuk mengubah, mengkaji pekeliling-pekeliling terhadap guru-guru Sabah

yang ditukarkan di Sabah yang di luar daripada kawasan tempat tinggal mereka. Terima kasih.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, dakwaan bahawa surat-surat pekeliling ini adalah dengan izin *out of date*, saya rasa tidaklah benar sebab tarikh surat-surat pekeliling adalah *as recent* dengan izin, 2001 dan juga 2004. Penempatan guru-guru ini adalah juga berpandukan kepada opsyen dan kementerian harus membuat satu keputusan adakah kita ini mahu mengikut keperluan guru ataupun keperluan pelajar. Jadi ini adalah satu cabaran untuk Kementerian Pelajaran Malaysia tetapi sejauh mana yang kita mendapat menampung hasrat guru-guru memang Kementerian Pelajaran sanggup dan juga sedia untuk menampung hasrat tetapi sekiranya perkhidmatan guru diperlukan dan seperti telah dipersetujui oleh semua guru sebelum mereka dihantar untuk latihan guru, mereka ini mestilah sedia untuk berkhidmat di mana-mana tempat di mana perkhidmatan mereka ini diperlukan. Sekian terima kasih.

8. Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun] minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah kontraktor kelas F yang telah mendaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) tetapi belum mendapat sebarang kontrak kerajaan sehingga pertengahan 2006; dan
- (b) apakah langkah-langkah kerajaan bagi mengatasi perkara tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat sehingga 30 Jun 2006 sebanyak 33,107 kontraktor kelas F telah berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) dan untuk pecahan bagi negeri Kedah sebanyak 2,944 lesen kelas F. Mengikut rekod PKK sebanyak 12,247 kontraktor kelas F atau 37% mempunyai rekod kerja di PKK. Manakala 20,860 atau 63% dari bilangan kontraktor tiada rekod kerja yang dinyatakan.

Walau bagaimanapun, ini tidaklah bermakna kontraktor-kontraktor tersebut tidak pernah mendapat kerja kerana maklumat yang diterima masih lagi dikemaskinikan. Memandangkan keadaan tersebut kerajaan telah dan sedang mengambil langkah-langkah bagi mengatasi perkara ini seperti berikut:-

- (i) kerajaan memperuntukkan 10% daripada projek-projek besar yang bernilai RM10 juta ke atas kepada kontraktor-kontraktor kelas F;
- (ii) kerajaan menetapkan projek bernilai RM100,000 ke bawah adalah dilaksanakan oleh kontraktor kelas F berdasarkan undian, manakala projek-projek yang bernilai RM200,000 ke bawah dilantik secara sebut harga di kalangan kontraktor kelas F;
- (iii) kerajaan berusaha untuk mengukuhkan dan memantapkan kontraktor kelas F supaya mereka lebih berwibawa dan membuka peluang kepada mereka untuk mendapat kerja di sektor pembinaan;
- (iv) mengambil tindakan tegas terhadap kontraktor kelas F dengan membatalkan lesen mereka sekiranya tidak aktif dan tidak mengendalikan sendiri kerja yang diperolehi atau di "ali baba"kan supaya memberi peluang kerja kepada kontraktor yang tulen dan berwibawa sahaja, dan
- (v) kerajaan dalam usaha tersebut telah membekukan pengeluaran lesen kelas F yang banyak sejak 8 April 2005 bukan sahaja untuk memantapkan kontraktor kelas F tapi memberi peluang

kepada mereka yang memiliki lesen untuk aktif dan mendapat kerja sebagai kontraktor.

Terima kasih.

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: Tuan Yang di-Pertua, saya pertamanya mengucapkan tahniah kepada kementerian ini yang bersungguh-sungguh dan begitu serius menangani masalah kontraktor kelas F. Soalan saya secara ringkasnya adakah kementerian merancang ataupun bercadang mana-mana kontraktor kelas F yang berdaftar daripada tarikh dia berdaftar dengan PKK dalam masa setahun dijamin mendapatkan projek tidak lebih daripada RM100,000 kerana lagi lama mereka ini tidak diberi peluang mengadakan projek ataupun pekerjaan maka di situlah masalah yang akan timbul. Terima kasih.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Sebagai menjawab soalan tambahan Ahli Yang Berhormat, kerajaan boleh memberikan jawapan iaitu kerajaan telah pun memberikan pengumuman mengenai beberapa kerja-kerja kerajaan yang akan diberikan peluang kepada kontraktor-kontraktor kelas F untuk mengambil bahagian dan selaras dengan pembekuan yang dilaksanakan oleh kementerian adalah untuk memastikan bahawa jumlah lesen F yang terlalu banyak yang boleh dikatakan berlambak ini sebelum pembekuan pada tahun yang lalu iaitu sebanyak 35,520 dan berikutan dengan langkah-langkah untuk memastikan hanya kontraktor-kontraktor kelas F sahaja yang tulen maka sehingga pada hari ini telah dikurangkan kepada 32,820 kontraktor yang pada pandangan dan pengamatan kementerian adalah mereka yang betul-betul tulen dan mengusahakan kerja-kerja mereka. Untuk itu melalui sistem cabutan undi di peringkat daerah di kawasan masing-masing adalah diharapkan bahawa mana-mana syarikat lesen F yang tidak berpeluang akan mendapat peluang kerja dengan sistem pergiliran cabut undi ini. Terima kasih.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dengar Yang Berhormat Setiausaha Parlimen jumlah kontraktor kelas F seluruh semenanjung Malaysia adalah melebihi 33,000. Soalan tambahan saya ialah tidakkah kerajaan merasakan bahawa 33,000 ini terlalu banyak? Saya kata demikian kerana dalam bahagian saya ada 300 kontraktor kelas F dan mereka ini tidak semuanya akan dapat kerja dan yang memelikkan lagi ialah ada kontraktor kelas F ini ada tuannya tapi kerja tidak buat. Kerjanya hanya bagi lesen pada orang. Ada yang tidak ada kelas F pinjam lesen sahaja. Jadi tidak tahu yang mana satu sebenarnya yang betul-betul menjalankan kerja.

Jadi, soalan tambahan yang kedua apakah kerajaan dalam program pemutihannya kalaulah ada di kementerian ini benar-benar memutihkan kontraktor kelas F ini sebab kontraktor kelas F sepatutnya memberi gambaran pada kita bahawa rakyat di bawah bersedia untuk melaksanakan projek-projek yang dilaksanakan oleh kerajaan. Tapi kalau sudah terlalu banyak dan tidak dikawal maka tentu sekali ini menyusahkan bukan menyenangkan. Pohon jawapan.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat bagi Ketereh, bagi maksud rekod di negeri Kelantan terdapat sebanyak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia bukan tanya Kelantan Yang Berhormat.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: ...2,564 kontraktor kelas F bagi bumiputera dan bukan bumiputera 20. Jumlah keseluruhannya ialah 3,257. Jumlah ini memang kita akui banyak dan seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi jika dibandingkan dengan peluang kerja kalau peluang kerja yang dapat diperolehi oleh semua kontraktor ini.

Oleh sebab itulah maka pada tahun yang lalu iaitu pada April 2005 permohonan lesen-lesen baru bagi kelas F khususnya telah dibekukan.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Yang Berhormat, saya tanya lain Yang Berhormat.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Ya, saya ingin menjelaskan bahawa bagaimana banyaknya lesen-lesen kelas F sehingga tidak berpadanan dengan jumlah peluang kerja yang dapat diambil peluang. Oleh sebab itu kerajaan membekukan kerana terdapat perkara-perkara yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi ada lesen ditumpangkan, ada lesen disewakan dan ada satu keluarga memiliki empat hingga lima lesen dalam satu keluarga. Pemilik bapa dia dapat, isteri dia dapat lesen, anak menantu dapat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jadi apa tindakan Yang Berhormat?

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Jadi sebab itulah maka kerajaan telah mengambil.....

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Proses pemutihan itu!

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: ...proses pemutihan telah diambil. Jadi untuk itu dua jawatankuasa telah dibentuk oleh kementerian iaitu Jawatankuasa Pengawasan bagi memutuskan kes mengalibabakan lesen.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Ha, itu jawapan yang saya hendak.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Sabarlah. Sabar sedikit Yang Berhormat. Yang kedua ialah Jawatankuasa Pemantauan bagi tindakan bagi pemilik lesen yang tidak beroperasi secara sepenuh masa iaitu ada kerja *part time* selain daripada pemegang lesen F dia juga bekerja dengan kerajaan ataupun sektor-sektor yang lain.

Bagi meningkatkan mutu lesen-lesen F yang ada sekarang ini maka pertama sekali mewajibkan kontraktor kelas F menghadiri kursus yang merangkumi kursus teknikal, pemantauan oleh jawatankuasa dari pelbagai peringkat dan juga tindakan menggantung kontraktor yang gagal menyiapkan kerja. Jadi saya rasa dapat menjawab soalan Yang Berhormat tadi. Terima kasih.

9. Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta Perdana Menteri menyatakan sejauh mana keberkesanan saranan kerajaan untuk menghapuskan "Kerenah Birokrasi" dan amalan "Little Napoleon" di kalangan perjawat awam.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan terus berusaha untuk mengekalkan imej dan prestasi pentadbiran awam sentiasa pada tahap tinggi. Nilai-nilai unggul yang diamalkan dalam proses penyampaian perkhidmatan menjadi teras utama perkhidmatan awam.

Untuk itu komitmen yang padu diberi kepada aspek-aspek penambahbaikan dan pembaharuan untuk membanteras unsur-unsur negatif seperti penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, gejala rasuah dan dalam masa yang sama berusaha mengatasi kelemahan-kelemahan yang telah dikenal pasti dalam sistem dan prosedur pengurusan kerajaan yang boleh memberi ruang serta mendorong kepada berlakunya amalan-amalan yang tidak sihat dalam jentera pentadbiran negara.

Bagi mencapai hasrat dan harapan tersebut, kerajaan telah melaksanakan gerakan pemantapan keutuhan sistem pengurusan pentadbiran kerajaan yang bermula pada tahun 1988. Di bawah gerakan tersebut, sebuah jawatankuasa peringkat nasional, pemantapan integriti sektor awam iaitu Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan ataupun JKKMPK yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah ditubuhkan.

Jawatankuasa ini memainkan peranan penting dalam menangani isu-isu yang berkaitan dengan pengurusan pentadbiran awam, pengurusan kewangan dan pengurusan tata tertib. Pada tahun 1997, jawatankuasa ini telah diperkukuhkan lagi struktur dan strateginya dengan menjadikan keutuhan dan integriti sebagai salah satu agenda utamanya. Jawatankuasa ini turut menangani isu-isu berkaitan rasuah, penyalahgunaan kuasa serta penyelewengan yang ditegah oleh peraturan, perundangan dan agama.

Pengukuhan struktur JKKMPK ini diikuti dengan penubuhan Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan ataupun JKP di peringkat kementerian, negeri dan daerah yang bertujuan untuk memastikan semua keputusan JKKMPK dapat disalurkan di samping mendapatkan maklum balas mengenai pelbagai isu dan masalah yang sering dihadapi oleh agensi di semua peringkat pentadbiran.

Sejak penubuhan JKKMPK dan JKP, banyak keputusan penting telah dibuat dan dilaksanakan. Antara keputusan penting di peringkat nasional yang turut memberikan signifikan kepada usaha pemantapan integriti di sektor awam ialah:

- (i) penubuhan pasukan petugas bagi mengurangkan kerenah birokrasi;
- (ii) pelaksanaan Pelan Integriti Nasional; dan
- (iii) penubuhan Institut Integriti Malaysia (IIM).

Selain daripada keputusan-keputusan yang berkaitan dengan penambahbaikan proses kerja, JKKMPK juga turut membuat keputusan dalam pembangunan modal insan. Di antaranya ialah memperkukuhkan pendekatan kaunseling dan psikologi dalam menangani anggota bermasalah, pemantapan sikap, kemahiran dan pengetahuan serta pembangunan modul latihan integriti bagi menerap nilai-nilai murni yang boleh mengekang kepada perlakuan negatif, manakala setiap penjawat awam terutama yang baru dilantik dan dinaikkan pangkat pula telah diwajibkan untuk mengikuti modul pengurusan integriti.

Dalam aspek kawalan dalaman pula, pelbagai prosedur telah dikemas kini dan telah dikeluarkan beberapa garis panduan termasuklah mengenai peranan dan tanggungjawab kementerian, Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif dalam pengurusan badan berkanun, Persekutuan serta melaksanakan urusan pembayaran secara *electronic fund transfer* bagi mengelak penyelewengan dan salah guna kuasa serta meningkatkan ketelusan dalam sistem penyampaian kerajaan.

Pelbagai arahan dan garis panduan yang digubal dari masa ke semasa adalah sebagai langkah membendung dan mengekang keadaan yang membuka peluang dan ruang kepada penyelewengan, salah guna kuasa, rasuah dan sikap-sikap lain yang negatif di kalangan penjawat awam.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan telah menerapkan pelbagai cara untuk memastikan bahawa tidak terdapat lagi *Napoleon-napoleon* kecil di kalangan penjawat-penjawat awam, tetapi hari ini jelas masih terdapat lagi *little-little Napoleon* ini di semua agensi kerajaan dan di kalangan penjawat-penjawat awam itu sendiri. Contohnya, Kastam hari ini, pegawai-pegawai kanannya telah menggunakan RM48 juta untuk uniform yang tidak tergazet dan uniform itu macam Jeneral, macam Jeneral Napoleon moden pula. [Ketawa]

Jadi apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa peruntukan RM48 juta ini ditarik balik oleh kerajaan dan diberikan kepada untuk menaik taraf ataupun *upgrading computer system* pejabat-pejabat Kastam di seluruh negara dan rakyat boleh membayar samankah atau apakah melalui *e-payment*, iaitu menggunakan elektronik dan untuk diberi kepada pegawai-pegawai rendahnya yang gaji kecil-kecil ini tetapi bekerja keras supaya kebajikan mereka juga terjaga, dan usaha kerajaan untuk memastikan bahawa tidak adanya lagi *little Napoleon* yang menyusahkan rakyat, bukan menyenangkan rakyat ini berada di kalangan pegawai dan penjawat awam di seluruh sektor kerajaan yang sedia ada ini. Bersetujukah Yang Berhormat?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, lumrah dalam kita mengurus kerajaan, kita mengadakan undang-undang dan peraturan dan kita semua tahu iaitu bahawa walaupun kita mempunyai undang-undang tetapi ia tidak dapat membendung 100% apa yang undang-undang itu cuba halangkan. Itu lumrahlah. Satu daripada peranan atau cara untuk kita mengawal aktiviti *little Napoleon* ini ialah dengan cara yang mana Yang Berhormat sebagai wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat membangkit perkara ini di Dewan yang mulia ini. [Tepuk] Jadi dengan itu tidak perlu pertikaikanlah kerana ini prosedur kita. Mungkin rakyat tidak faham tetapi inilah prosedur kita di mana perkara-perkara ini dibangkit dalam Dewan.

Perkara khusus yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu telah pun dibangkit semalam, kita mengambil nota tentang perkara ini dan insya-Allah dalam masa yang terdekat ini sudah tentu pihak kementerian akan memberi jawapan berkenaan dengan perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masa bagi pertanyaan-pertanyaan jawab lisan telah habis.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT
DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)**

BANJIR DI KUALA LUMPUR

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, sila.

11.36 pagi

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dengan hormatnya saya Ahli Parlimen bagi Bukit Bintang ingin mengemukakan usul di bawah Perkara 18(1) Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat untuk menangguhkan sidang Mesyuarat Dewan Rakyat bagi membincangkan sesuatu perkara tertentu, berkepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan iaitu kejadian hujan ribut yang mengakibatkan banjir di beberapa kawasan rendah di Kuala Lumpur pada 24 Ogos 2006 pada lebih kurang jam 4.00 petang selama dua jam.

Tuan Yang di-Pertua, ini perkara tertentu kerana kejadian hujan lebat itu berlaku dan telah menyebabkan banjir kilat di banyak kawasan rendah dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menjadikan ibu negara kelam-kabut dan lumpuh. Antara kawasan yang teruk dilanda banjir ialah Jalan Sungai Besi, Jalan Lima Off Jalan Chan Sow Lin, Jalan Cheras, Jalan Peel, Jalan Jelatek, Jalan Tun Razak, kawasan Jalan Imbi dan Perumahan Razak Mansion.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah kepentingan orang ramai kerana sebanyak lebih 2 juta kenderaan terperangkap dalam kesesakan selama beberapa jam dan keadaan ibu negara pulih seperti sedia kala selepas jam 10.00 malam. Kejadian ini hampir meragut nyawa seorang wanita yang cedera teruk yang mana kenderaannya dihempap pokok besar sewaktu melalui Jalan Tun Razak sambil pokok yang sama juga menghempap kenderaan-kenderaan lain.

Tuan Yang di-Pertua, ini berkehendak disegerakan kerana sejak beberapa kali kejadian banjir kilat selepas hujan lebat yang berlaku dari masa ke semasa sebelum ini, pihak Jabatan Pengairan dan Saliran dan DBKL gagal memastikan bahawa kejadian hujan lebat dan banjir kilat akan memberi impak yang minimum disebabkan melaksanakan langkah kecemasan yang ditetapkan, seperti penjaga kunci air menghilangkan diri semasa hujan dan projek pembangunan raksasa di kawasan sempadan Selangor masih berterusan meskipun diarah diberhentikan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baiklah. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Pemberitahuan Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Bukit Bintang pada hari Jumaat, 25 Ogos 2006. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi. Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat.

Syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu tertentu. Syarat yang kedua ia adalah bagi kepentingan orang ramai dan syarat yang ketiga ialah ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa:

- (i) tertentu, perkara ini ialah perkara tertentu;
- (ii) kepentingan orang ramai, ia adalah juga bagi kepentingan orang ramai;
- (iii) Berkehendak disegerakan, perkara ini tidak perlu disegerakan.

Saya difahamkan bahawa kejadian banjir di beberapa kawasan rendah di Kuala Lumpur pada 24 Ogos 2006 adalah disebabkan oleh hujan lebat yang luar biasa. Pihak Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur dengan kerjasama pihak Jabatan Pengairan dan Saliran sedang giat melaksanakan projek-projek untuk mengatasi masalah banjir terutama banjir kilat di Kuala Lumpur. Oleh yang demikian saya menolak usul ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2).

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2006) 2006 DAN USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.) (BIL.1) 2006

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2006) 2006 dan Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2006 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." **[Hari Pertama]**

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Minta Yang Berhormat Menteri Kewangan mengemukakan anggaran perbelanjaan bagi semua kementerian. Silakan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Minta maaf saya ingat kita terus kepada perbahasan di peringkat Jawatankuasa. Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Untuk semua kementerian Yang Berhormat silakan. Yang Berhormat Timbalan Menteri ya.

11.44 pagi

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]: Ya. Tuan Pengerusi kita sudah pun selesai penggulungan di peringkat dasar dan hari ini kita teruskan kepada Jawatankuasa kan?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, bentang untuk semua kementerian.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: okey

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Hebatlah Timbalan Menteri

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Sekejap ya saya ingat dia terus debat sahaja.

Tuan Pengerusi saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada RM4,127,483,443 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2006 bagi maksud-maksud bekalan B.4, B.6, B.10, B.12, B.13, B.22, B.26, B.28, B.29, B.31, B.40, B.41, B.42, B.43, B.44, B.45, B.46, B.47, B.48, B.49 dan B.62 untuk Kementerian-kementerian dan jabatan yang berkenaan dijadikan jadual dan wang sejumlah tidak lebih dari RM4,312,327,910 yang diperuntukkan dalam anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2006 bagi maksud-maksud pembangunan P.6, P.10, P.21, P.24, P.25, P.26, P.27, P.28, P.29, P.31, P.42, P.44, P.45, P.47, P.48, P.49, dan P.62 untuk Kementerian-kementerian dan jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 11 tahun 2001 dan Kertas Perintah 12 tahun 2006 masing-masing dijadikan anggaran perbelanjaan.

Tuan Pengerusi keperluan bagi mengadakan peruntukkan-peruntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2006 dan juga Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2006 telah pun dibentangkan terdahulu. Di samping itu penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan Anggaran Peruntukkan Tambahan ini adalah juga diberi dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 11A tahun 2006 bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2006 dan Kertas Perintah 12A tahun 2006 bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2006. Oleh itu saya tidak berhajat hendak memberi apa-apa penerangan tambahan lagi. Tuan Pengerusi saya mohon mencadangkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik. Ahli Yang Berhormat saya ada pemberitahuan. Ahli Yang Berhormat saya telah menerima dan membenarkan permohonan daripada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri untuk mendahulukan giliran perbincangan Perbekalan Tambahan 2006 peringkat Jawatankuasa. Oleh yang demikian susunan giliran Kementerian Keselamatan Dalam Negeri yang disenaraikan nombor 24 dalam ringkasan Jadual yang berwarna kuning ini didahulukan kepada nombor 5 menggantikan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Maksud B.4, B.6 [Jadual]

Maksud P.6 [Anggaran Pembangunan (Tam.)(Bil.1) 2006] –

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepala Bekalan B.4, B.6 dan B.40 dan Kepala Pembangunan P.6 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk di bahas. Yang Berhormat bagi Bagan.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Pengerusi, B.6 Jabatan Perdana Menteri jumlah RM80.8 juta adalah dikehendaki untuk membelanjakan Pengurus Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia. Tuan Pengerusi, sejak Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia ditubuhkan satu tahun dahulu masih berlakunya perompak-perompak atau lanun-*lanun* di lautan Malaysia. Dan sasaran mereka adalah bot-bot kargo atau *steamer-steamer* antarabangsa dan juga nelayan-nelayan. Mereka menahan nelayan kita di lautan negara jiran demi untuk meminta *ransom money* dengan izin dan selepas membayar *ransom money* ini baru mereka melepaskan nelayan-nelayan kita. Dan juga saya ada mendapat tahu bahawa lanun-*lanun* ini bukan sahaja menahan nelayan-nelayan kita bahkan mereka pun ada meminta *protection money* dengan izin. Dari nelayan-nelayan kita sekiranya perahu-perahu nelayan tidak membayar *protection money* maka mereka akan menghadapi kesusahan atau akan dirompak atau akan ditawan oleh lanun-*lanun* ini.

Saya ingin meminta agensi kerajaan memberitahu mengenai peranan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan juga kejayaan-kejayaan mereka dan juga memberitahu kes-kes seperti yang saya sebut tadi sejak awal tahun sehingga sekarang ini. Dan yang kedua RM23.3 juta untuk bayaran tunggakan sewa Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya. Nampaknya baru-baru ini kerajaan telah mengubah strategi atau mengubah cara untuk mengadakan konvensyen-konvensyen *international* bukan ada di Konvensyen Antarabangsa Putrajaya tetapi mengadakan konvensyen-konvensyen antarabangsa ini di KLCC seperti ASEAN *Ministerial Meeting* baru-baru ini semua diadakan di KLCC dan bukan di Putrajaya. Dan saya juga ingin meminta sama ada Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya ini miliki siapa? Dan kadar sewa harian untuk menyewa Konvensyen Antarabangsa Putrajaya. Sekian sahaja.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua saya ingin turut serta berbahas bagi maksud P.6 Jabatan Perdana Menteri Butiran 00102. Projek Kemiskinan Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Tuan Pengerusi, soal pembasmian kemiskinan adalah di antara teras dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan melalui semua rancangan Malaysia yang telah di laksanakan sehingga hari ini. Persoalan yang ingin saya tanya dalam hal pembasmian kemiskinan ini ialah dalam soal bagaimanakah kerajaan melihat data-data isi rumah termiskin? Sepanjang tahun bermula pada tahun 1983 sehingga hari ini kalau kita lihat perangkaan yang telah diletakkan sebagai isi rumah termiskin.

Kita mempunyai satu persoalan yang jelas iaitu bilangan isi rumah termiskin pada setiap tahun bukan pula menurun kita lihat, tetapi meningkat. Kita lihat perangkaan dalam tahun 1990, jumlah isi rumah yang miskin, ini miskin dan yang termiskin keseluruhan dia, lebih kurang 3 ribu lebih. Dan pada tahun 1995, meningkat pada 4 ribu, dan pada tahun 2000, meningkat pada 4,600. Dan seterusnya kalau kita lihat dalam tahun 2004, pada tahun lepas ialah meningkat kepada 5 ribu isi rumah yang miskin. Dan kalau kita lihat dalam dokumen Rancangan Malaysia Kesembilan yang telah dibentangkan dan telah diluluskan baru-baru ini. Perangkaan kemiskinan kawasan bandar, saya ambil contoh di negeri Sabah ialah 6,700 isi rumah yang miskin. Dan saya telah bertanya dalam soal lisan di dalam sidang sekarang ini pada minggu lepas, saya ingin tahu di manakah letaknya isi rumah yang miskin ini di bandar-bandar ataupun pekan-pekan negeri Sabah. Dan saya juga ingin tahu latar belakang, siapakah latar belakang isi rumah yang miskin ini?

Dan saya telah diberi jawapan tiap-tiap pekan di Kota Kinabalu, Tawau, Lahad Datu, Keningau, Ranau dan sebagainya. Dan setelah saya jumlahkan bilangan isi rumah yang dikatakan miskin ini hanyalah lebih kurang 900 isi rumah sedangkan bilangan isi rumah miskin bagi kawasan bandar di Sabah ialah 6,700. Ini bererti masih ada lagi lebih kurang dua ribu yang *it's not found* dengan izin. Saya ingin bertanya bagaimanakah pihak EPU yang telah mendraf dokumen Rancangan Malaysia Kesembilan itu telah mendapat perangkaan tersebut. Dan saya juga ingin tahu bagaimanakah perangkaan-perangkaan isi rumah termiskin ini yang bukan pula menurun tapi meningkat setiap tahun. Dalam kalau kita lihat data-data yang telah diberikan ialah mereka mengatakan bahawa perangkaan itu didapati daripada Jabatan Perangkaan dan yang mendraf ini ialah pihak EPU.

Persoalan yang sentiasa kita lihat ialah dalam Rancangan Malaysia Kelapan, diletakkan telah ditulis dalam dokumen Rancangan Malaysia Kelapan itu bahawa setibanya tahun 2005 iaitu tahun lepas, kadar kemiskinan purata bagi seluruh negara akan turun kepada 0.5%. Dan akhirnya apabila setibanya Rancangan Malaysia Kesembilan, kita dapati bahawa kita tidak mencapai sasaran tersebut. Sebaliknya sasaran baru telah diletakkan iaitu menjelang tahun 2010 iaitu di akhir Rancangan Malaysia Kesembilan, baru kita sekali lagi membuat sasaran 0.5%. Maknanya, kita tidak dapat mencapai sasaran yang telah disasarkan. Persoalan yang ada di depan kita ialah perangkaan-perangkaan yang ada, bagaimanakah sistem dapat perangkaan-perangkaan kemiskinan ini. Bukanlah kita mengatakan bahawa statistik atau perangkaan ini akan menentukan sama ada kita berjaya ataupun tidak dalam usaha-usaha kita. Tetapi yang paling penting ialah pihak kerajaan mempunyai pelbagai program-program dan projek untuk membasmi kemiskinan yang dilaksanakan oleh pelbagai Kementerian.

Persoalan yang kita sentiasa tanya di Dewan yang mulia ini ialah sama ada program itu menepati sasaran ataupun tidak? Dan sama ada dia menepati sasaran ataupun tidak, sekali lagi soal bagaimana kita mengenal pasti orang-orang yang miskin ini? Dan yang paling penting bagi saya di Sabah apabila tiba-tiba dalam Rancangan Malaysia Kesembilan adanya 6,700 yang dikatakan isi rumah termiskin di kawasan bandar. Sedangkan perangkaan ini langsung tidak disebut dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Dari manakah datangnya orang-orang ini dan bagaimana pula tiba-tiba mereka ini dikenal pasti? Agensi manakah yang telah mendapatkan maklumat ini? Apa halnya Jabatan Perangkaan? Atau pihak EPU telah membuat satu kajian khas semasa mendraf dokumen Rancangan Malaysia Kesembilan atau bagaimana?

Sebab itu Tuan Pengerusi, kita amat prihatin sebab kerajaan telah membelanjakan berbilion-bilion ringgit dalam soal pembasmian kemiskinan, tetapi ia tidak mengena sasaran. Seterusnya Tuan Pengerusi, dalam kaitan yang sama saya beralih ke Butiran

0010 iaitu pembangunan tanah adat Sabah dan Sarawak. Tuan Pengerusi, pembangunan tanah adat Sabah dan Sarawak ada kaitan dengan soal pembasmian ataupun projek kemiskinan Semenanjung di Sabah dan Sarawak.

Soalnya di sini Tuan Pengerusi, ialah selama ini apabila kita lihat trend dari segi kemiskinan di seluruh negara. Kita sentiasa mengatakan malah pihak EPU juga menyatakan bahawa *poverty in Malaysia is a rural phenomenon*. Kemiskinan di Malaysia adalah fenomena luar bandar, walaupun sekarang ini sudah ada peningkatan di peringkat rendah. Tetapi kalau kita lihat perangkaan sekali lagi, kita nampak bahawa bilangan isi rumah yang miskin, yang tingginya di bandar, bukan luar bandar yang ada dalam perangkaan. Kita ambil daripada dokumen Rancangan Malaysia. Ini yang tak menghairankan sedangkan pihak EPU mengatakan bahawa kemiskinan di Malaysia ini masih lagi *rural phenomena* ataupun masih lagi satu fenomena luar bandar.

Dan kalau kita lihat mulai dari Rancangan Malaysia Kelima, golongan yang miskin ini adalah pekebun kecil, nelayan, petani-petani tradisi yang pindah randah dan sebagainya, padi bukit dan sebagainya, di Sabah dan Sarawak kita lihat. Tetapi kalau kita lihat dari segi program dan kalau kita lihat dari segi Kementerian yang melaksanakan program itu, sebenarnya kita tidak nampak. Kita tidak nampak mana Kementerian yang akan melaksanakan. Cuma pada hari ini kita berterima kasih dengan butiran baru ini, satu program baru ini di mana akan dibangunkan tanah adat Sabah dan Sarawak. Cuma Tuan Pengerusi, apabila kita menceritakan tentang tanah adat di Sabah, sebenarnya tanah adat di Sabah ini, dalam Undang-undang Tanah, Land Ordinance Sabah, pihak pemilik ...

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Pengerusi, saya ingin Yang Berhormat sedang membicarakan Butiran 00102 di mana peruntukan hanya RM10 diperuntukkan.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Yang Berhormat, saya belum bagi jalan lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau *token* punya tak perlu ambil masa banyaklah.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Saya tahu ini *token* tapi kita juga tahu dalam Rancangan Malaysia Kesembilan sebanyak RM100 juta telah diperuntukkan untuk ini. Saya telah kaji ini Tuan Pengerusi, bahawa sebenarnya peruntukan ada RM100 untuk ini cuma ini baru dibuka, baru dibuat satu. Jadi sebenarnya penting, baru-baru ini di Sarawak ini di antara isu yang paling penting Yang Berhormat pun bangkitkan. Janganlah kacau pula.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sebenarnya sekarang kita di peringkat Jawatankuasa.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Pengerusi, saya setuju kalau RM10 boleh di bahas pun, semua tajuk-tajuk pun dibuka untuk di bahas, saya setuju, saya sokong.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya sokong, saya sokong juga, boleh bahas kalau itu keputusan Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Ini DAP kacau sahaja, sikit mahu sebut pun tak boleh, apa mahu kacau? Tuan Pengerusi, pendek sahaja dalam soal ini, kalau kita lihat, saya mahu buat perbandingan sahaja. Di Sarawak ini memang soal hartanah adat satu isu yang besar dan dalam Ordinan Tanah Sarawak ini masih banyak persoalan. Di Sabah sahaja saya mahu sentuh, saya bukan pakar dalam Sarawak, di Sabah ini harta tanah adat ini walaupun kita mempunyai masalah tetapi sebahagian besar daripada tanah ini sudah mula dipohon untuk pengeluaran geran. Persoalan kami Ahli-ahli Parlimen daripada Sabah ialah bagaimanakah nanti RM100 juta ini akan disalurkan untuk dilaksanakan untuk pemohon harta tanah adat di Sabah ini. Kita banyak persoalan, walaupun *token* RM10 tapi akhirnya bagaimana? Agensi mana, Kementerian mana yang mahu laksanakan? Bagaimanakah nanti orang-orang kampung yang mempunyai tanah ini mendapatkan peruntukan ini, ini persoalan kami? Dan kami Ahli-ahli Parlimen, bagaimana pula peranan kami dalam soal ini sebab ini amat kritikal. Penggunaan pelaksanaan peruntukan ini sebenarnya amat kritikal dalam soal membasmikan kemiskinan pada orang-orang ini, pemilikan tanah sebagai contoh.

Jadi saya cuma ingin memberi, mendapat sedikit pandangan bagaimanakah nanti ini dilaksanakan? Saya diketemukan oleh seorang daripada NGO baru-baru ini di negeri Sabah dan membincangkan soal penggunaan peruntukan yang telah digunakan untuk harta tanah adat ini. Beliau menyatakan bahawa kami NGO sudah bertemu dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Saya pun hairan, kami Ahli-ahli Parlimen macam mana? Dia cakap dia mahu cadangkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk melaksanakan satu program, supaya penanaman padi bukit dua kali setahun, macam yang tanah sawah. Saya cakap ini Kementerian Pertanian pun tidak pernah cerita macam ini, kamu NGO yang cerita. Jadi saya ingat ini amat penting.

Tuan Pengerusi, saya ingin beralih ke seterusnya, ke Butiran 0014, iaitu Penyusunan Semula Masyarakat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sebenarnya semua ini P.6, kena token RM10, jadi...

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Saya tahu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau Yang Berhormat faham...

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Pendek sahaja, saya faham, pendek sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sebenarnya kalau ikut peraturan mesyuarat memang tidak dibenarkan. Tadi Yang Berhormat telah mengambil peluang untuk kemukakan masalah, saya fikir cukuplah.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Pendek sahaja, ini saya sebut.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Semasa perbincangan terhadap *budget*, banyak peluang akan diberikan kepada Yang Berhormat.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Saya tahu, saya pendek sahaja Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau saya benarkan, semua Ahli Yang Berhormat akan mengambil kesempatan, jadi saya cadangkan cukuplah. Saya memang minta maaf, kerana terpaksa saya menjalankan tugas mengikut peraturan mesyuarat.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: *Okay*, bagaimana butiran 00100, "*Inter-State*" *Development*. Satu sahaja soalan saya mahu tanya Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau satu soalan bolehlah.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Satu sahaja. *Okay*, saya ingin bertanya pada pihak Kementerian Jabatan Perdana Menteri, berapakah peruntukan selama ini, projek-projek yang dilaksanakan *enter state* di semenanjung, sebab kalau kita ambil negeri Perak sebagai contoh, banyak juga negeri-negeri lain, *because* link negeri Perak. Dan apakah peruntukkan itu, dikira sebagai peruntukkan yang telah diberikan kepada negeri tersebut. Saya ingin bertanya soalan ini sebab berkali-kali dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini, RM17 bilion diberikan kepada negeri Sabah mengatakan ini besar. Tetapi di Sabah kita tidak ada "*inter-state*", dengan Sarawak sahaja. Ya Yang Berhormat bagi Kalabakan silakan.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat bagi Tuaran menyentuh tentang kemiskinan. Kelmarin Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengatakan kemiskinan 1.2% dari keseluruhan penduduk negara. Kemudian dia katakan di Sabah 11.4%. Erti dia di Sabah ini peningkatan 10.2. Kita bercerita fasal kemiskinan. Kita ada kemiskinan yang tegar di luar bandar, tetapi di dalam bandar, banyak kemiskinan yang kita nampak, yang relatifnya ialah, pemandu teksi, pekerja awam, buruh. Kalau keadaan negara, barang-barang, semakin hari semakin naik. Orang-orang yang kita anggap sudah keluar dari kemiskinan ini, akan menjadi miskin juga. Pendapatan RM1000, sewa rumah, bayar ini, bayar itu, akhirnya RM300 sahaja untuk dia makan sekeluarga. Jadi apa pendapat Yang Berhormat?

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Persoalan itu sebagaimana persoalan saya untuk...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat...

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: ...diserahkan kepada pihak kementerian dan soalan saya tadi itu, berapakah peruntukkan yang diberikan *enter state* ini, bagi negeri-negeri di semenanjung, sebab di Sabah ini dikatakan kali-kali, paling besar RM17 bilion dalam Rancangan Malaysia Kesembilan sedangkan itu seluruh untuk Sabah, tidak ada kena mengena dalam "*inter-state*" ya. Itu sahaja, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bandar Kuching.

12.05 tgh.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin sentuh itu butiran B.4 mengenai Suruhanjaya Pilihan Raya. Adalah satu perkara mengenai pilihan raya Sarawak, DUN Sarawak yang telah berlalu beberapa bulan yang lalu dalam bulan Mei tahun ini. Pada keseluruhannya, keadaan proses mengundi itu telah bertambah baik jika kita berbanding dengan pilihan raya umum yang diadakan di dalam tahun 2004. Keadaan semasa pada hari mengundi tidaklah lagi huru-hara seperti keadaan yang wujud di dalam tahun 2004. Tetapi ada dua perkara yang saya ingin membangkitkan dalam Dewan yang mulia ini. Pertamanya adalah mengenai pos undi. Pos undi saya menganggap bahawa ia dijalankan dengan tidak adil dan kalau kita lihat daripada keputusan pengundi-pengundi pos, ia adalah jelas bahawa proses pengundi pos ini telah dimanipulasikan, dan akibat daripada manipulasi ini DAP hanya dapat 1% atau 2% daripada jumlah pos undi yang diundikan. Manakala dalam pilihan raya Sarawak yang lalu ini, lebih daripada 60% pengundi-pengundi di bandar-bandar di *urban area* yang mengundi DAP. Ini adalah menunjukkan satu manipulasi pos undi dan saya ingin menyebutkan beberapa itu proses yang tidak ada ketulusan dalam pos undi ini.

Pertamanya undi pos dikeluarkan beberapa hari sebelum hari mengundi, *polling day*. Apa tujuan Suruhanjaya Pilihan raya untuk mengeluarkan undi-undi pos ini beberapa hari sebelum hari mengundi. Adakah ia itu memberi kesempatan kepada mereka untuk menjualkan undi-undi mereka, dan akhirnya mengakibatkan satu *load sided voting pattern*. Dan keduanya ada pos undi ini, diberi, diserahkan kepada, jikalau untuk askar, diserahkan kepada *chief* nya, bukan kepada individual askarnya. Dan ini telah memberi peluang kepada *chief* nya, ketua kem itu untuk memanipulasikan undi pos ini. Dan ketiganya adalah semasa mengundi, pada masa undi, pihak pembangkang tidak diberi *permission* untuk hadir dalam bilik mengundi. Dan saya menganggapnya sebagai *institutionalizing a fraud on the voters*. Kerana kalau tidak ada pos-pos undi ini, ada dua lagi kawasan Barisan Nasional akan kalah dalam pilihan raya Sarawak ini, ada dua lagi. Tetapi kerana pos-pos undi ini yang keputusannya hampir 99% sokong Barisan Nasional. Oleh itu kawasan kedua-dua itu ditinggallah. Dan ini adalah untuk "*deprive*" dengan izin, "*deprive*" *the voters in this two areas from the right full candidates, that they want to choose*. So saya menganggap bahawa kalau Suruhanjaya Pilihan Raya, benar-benar berniat untuk mewujudkan satu proses mengundi, satu proses pilihan raya yang berketulusan dan adil, itu sistem pos undi ini akan harus diubahkan, supaya ia dapat dilaksanakan dengan lebih berketulusan.

Dan keduanya adalah mengenai agensi-agensi kerajaan telah digunakan oleh parti Barisan Nasional...oleh calon-calon Barisan Nasional untuk menjalankan kempennya dalam pilihan raya. Saya ingin memberi satu contoh, dalam pilihan raya di Sarawak, satu isu yang amat penting adalah mengenai pemanjangan tempoh hak milik tanah di Kuching. Ini adalah satu isu yang amat penting yang ramai pengundi-pengundi berasa bimbang dalam pilihan raya itu. Semasa dalam masa kempen itu, *land and survey*, tanah dan *survey* di Kuching, dia memanjangkan. Meluluskan permohonan untuk memanjangkan tempoh hak milik tanah untuk beberapa orang pemilik tanah.

Lebih kurang 70 – 80 orang itu. Semasa dia panggil Pengarah *Land and Survey*, dia panggil kelima-lima orang calon Barisan Nasional pergi ke pejabat tanah dan *survey* untuk menyerahkan surat pemanjangan tempoh hak milik tanah itu. Dalam masa kempen

pilihan raya. Saya tidak ada bantahan apa-apa untuk kerajaan, untuk memanjangkan tempoh hak milik tanah kepada rakyat. Tetapi, kenapa, kenapa calon-calon Barisan Nasional diberi peluang untuk menyerah surat pemanjangan hak milik tanah ini? Ada di antaranya adalah *assistant minister* ya? Saya telah diberitahu oleh pegawai-pegawai daripada Suruhanjaya Pilihan raya, *assistant minister* boleh diterima. Tetapi juga ada beberapa orang daripada calon-calon ini tidak ada apa-apa jawatan. Saya telah bangkitkan hal ini kepada Suruhanjaya Pilihan raya dan apa yang saya diberitahu adalah ini tidak boleh diterima. Ia satu untuk menggunakan agensi-agensi kerajaan untuk memberi satu *advantage over campaign*.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Penjelasan. Sedar kah Yang Berhormat dari Bandar Kuching bahawa sekiranya perkara ini berlaku di negara jiran seperti di Thailand, maka calon ini akan dilucutkan haknya sebagai seorang calon, dan bukan sahaja calon-calon dilucutkan haknya, sebenarnya sehingga Perdana Menteri Thailand pun sekiranya ada melakukan kesalahan, maka ia boleh diambil tindakan terhadapnya, seperti diumumkan pilihan raya secara tidak sah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ini adalah dalam satu sistem yang adil tetapi di Malaysia sini. Di negara kita ini, *a lot to learn. Still a lot to learn*. Ya, kena belajar lagi. Tetapi, saya mensyaki sama ada Suruhanjaya Pilihan raya benar-benar berniat untuk mewujudkan satu sistem pilihan raya yang adil. Yang bersih, yang berketelusan. Kerana saya telah membangkitkan hal ini, iaitu berkenaan calon-calon Barisan Nasional menyerah surat pemanjangan tempoh hak milik tanahnya. Apa yang saya diberitahu adalah tidak boleh diterima. Praktis ini tidak boleh diterima. Tetapi tidak ada apa-apa tindakan. Tidak ada apa-apa tindakan yang seterusnya yang diambil oleh Suruhanjaya Pilihan raya. Adakah sama ada siasatan telah diambil?

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Yang Berhormat bagi Bandar Kuching, selaku seorang peguam juga, saya kira di bawah peruntukan undang-undang pilihan raya kita, kalau ada berlaku kesalahan dalam proses pilihan raya, jadi kita diberi hak di bawah peruntukan perundangan tersebut untuk merujuk perkara ini kepada mahkamah. Kalau ada salah laku ataupun tidak mengikuti prosedur segala perundangan, jadi adakah perkara ini telah diguna pakai oleh pihak, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bandar Kuching tadi dan perkara ini telah dirujuk ke mahkamah sekiranya berlaku perkara-perkara tersebut. Ini kira hak yang ada diperuntukkan dalam Akta Pilihan Raya. Terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Kita di sini berbahas untuk mewujudkan satu sistem yang lebih adil. Bukankah semua barang tersiar kepada mahkamah? Jikalau macam ini, apa gunanya kita berbahas tentang keselamatan? Ada *criminal law*? *If somebody breaks the law, you go and charge him in court!* Oleh itu, saya..

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Penjelasan yang saya pohon, adakah segala peruntukan ini diperuntukkan dalam Akta Pilihan Raya. Sekiranya ada, jadi maknanya Akta Pilihan Raya tersebut telah memperuntukkan keadilan untuk semua pihak. Jadi, adakah keadilan ini telah digunakan? Hak ini telah digunakan oleh pihak-pihak yang merasakan mereka tidak menerima keadilan dalam proses pilihan raya? Itu persoalannya.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Itu SPR. SPR telah diberi kuasa untuk menguatkuasakan, untuk melaksanakan satu pilihan raya yang adil dan mereka bertanggungjawab untuk memastikan kempen pilihan raya itu dijalankan dengan adil. Ya, saya ingin tahu, apa dia buat? Sekarang adakah ini adil? Agensi-agensi kerajaan digunakan untuk kempen Barisan Nasional. Adakah ini adil? *Anyone with the sense of justice and fairness cannot accept this*, dengan izin. Saya berharaplah Yang Berhormat bagi Petra Jaya juga seorang peguam telah dilatih dengan prinsip-prinsip keadilan. Saya berasa kesallah Yang Berhormat membangkitkan *argument* seperti begitu. Memberi *argument* sebegitu. Inilah tak dapat diterimalah. Saya haraplah, walaupun penipuan ini meng... ini *or* mahu praktis kena di...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Muar.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Yang Berhormat Bandar Kuching, saya rasa cerita Yang Berhormat ini cerita lama. Yang Berhormat pun cerita awal tadi, dah menang

banyak kerusi. Yang Berhormat kata undi pos tidak betul. Mana Yang Berhormat tahu undi pos ini undi Barisan Nasional? Mungkin Yang Berhormat menang, yang undi Yang Berhormat. Saya rasa cerita lama ini kalau diulang-ulang, Yang Berhormat ini akan mengelirukan ramai orang. Saya rasa Yang Berhormat akan berhenti cerita ini bila Yang Berhormat menang semua. Kita pun bila kita kalah, kita tidak kata Suruhanjaya Pilihan raya tidak mengamalkan perkara yang betul. Jadi kalau Yang Berhormat rasa...Saya bersetuju dengan Petra jaya. Kalau ada salah laku, peruntukan yang ada dalam Akta pilihan raya ini lengkap. Buatlah. Kita bukan tidak pernah terima petisyen pilihan raya dibawa ke mahkamah. Ada diputuskan bertentangan dengan keputusan sebelumnya.

Jadi pada saya, Yang Berhormat sebagai peguam cadangkan di Dewan ini, kalau betul-betul berlaku, janganlah sampai nak menang semua kerusi baru nak bersetuju dengan sistem pilihan raya. Kalau orang luar boleh datang, negara luar datang tengok pilihan raya kita dan kata bagus, Yang Berhormat masih kata tidak bagus, dalam keadaan Yang Berhormat menambah kerusi semasa pilihan raya, saya tak tahu apa yang Yang Berhormat hendak?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Pos undi ini hanya 1%, 2% daripadanya undi pembangkang. Yang lain-lain itu semua undi Barisan Nasional.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Yang Berhormat, undi ini undi rahsia...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *Beneficiary of a...*

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: ..mana Yang Berhormat tahu, undi 1% ini undi pembangkang, ..

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Mana tidak tahu? Buka undi, tak tahu kah?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ayoo!!

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: ..lebih undi..

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Pernah, pernah, pernah *take part in election* kah?

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Memang kita semua duduk sini *election*.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Memang benar. Pos undi, semua pos undi ini dikira dalam satu saluran.

Seorang ahli: Itu buka peti pun tak tahukah?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya, buka peti undi ini, tak tahukah? Ini semua pos undi dalam satu peti. Tak tahukah?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bintulu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat bagi Bandar Kuching.

Saya cuma mahu tanya Yang Berhormat bagi Bandar Kuching, hendak minta pandangan daripada pos undi. Dia memang kata pos undi tidak betul. Baru-baru ini Pilihan Raya DUN di Kidurong. Kalau tidak silap saya, peti undi itu DAP menang. So, sekarang kita mahu terangkan di sini, pos undi itu betul atau tidak betul? Kalau tidak betul, bila mahu bayar balik semula? Peti undi sekarang di kawasan Kidurong, DAP menang, macam mana pandangan?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Kalau tidak betul, mesti disiasat. Kalau awak anggap tidak betul, mesti siasat. Dalam pos undi kawasan saya, 1800 lebih pos undi. Saya ambil 36, 37 undi sahaja. Kenapa pihak suruhanjaya tidak mahu mewujudkan satu sistem yang lebih berketelusan. Sana juga anggap tidak adil, Yang Berhormat bagi Bintulu juga anggap tidak adil. Kita hapuskan semua pos undi.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat bagi Bandar Kuching, jangan pusing-pusing. Tadi aku sudah cakap, kalau Barisan menang peti undi *you* kata

tidak betul. Aku soalkan kalau DAP menang peti undi, itu betul atau tidak betul *you* tidak jawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bintulu, macam mana tiba-tiba gunakan 'aku'? [*Ketawa*]

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ini kita kampung punya. [*Ketawa*] Fasal dia dari Bandar Kuchingkan?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Bandar Kuching bukan kampung, itu Bintulu kampung. Bandar Kuching, bandar raya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat bagi Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya harap pos undi itu, jikalau kita kata askar atau polis mesti mengundi secara pos undi...

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Penjelasan Yang Berhormat bagi Bandar Kuching. Dari pengalaman-pengalaman pilihan raya yang lepas, selalunya pos undi pegawai-pegawai polis atau askar, mereka mengambil kertas undi beberapa hari sebelum membuang undi dan mereka perlu membuang undi di hadapan pegawai-pegawai mereka dan sekiranya mereka memangkah pembangkang-pembangkang, maka mereka boleh diketahui oleh pegawai mereka dan mereka mungkin kehilangan peluang untuk naik pangkat atau mungkin disenaraihitamkan. Selepas itu, saya pernah berjumpa dengan beberapa orang pesara baik dari askar atau polis dan juga pegawai kerajaan.

Mereka berkata kepada saya, "Oh! Kali ini saya boleh membuang undi kepada pembangkanglah". Saya cakap, "Mengapa dahulu tidak mahu buang?" Dia cakap, "Dulu tidak boleh, depan pegawai saya kena buang". Jadi ini tidak adil. Jadi adakah Yang Berhormat akan mendesak SPR supaya menghapuskan cara membuang undi secara pos undi dan membenarkan pengundi-pengundi golongan askar, polis dan pegawai kerajaan supaya membuang undi seperti rakyat jelata.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ini adalah cadangan yang baik, tetapi untuk orang yang tidak ada *sense of justice and fairness*. Mungkin ini tidak dapat diterima. Oleh itu saya haraplah, sekiranya...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat, sudah panjang.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Okey, saya akan gulung atas tajuk ini. Sekiranya Suruhanjaya Pilihan Raya berniat untuk mewujudkan satu pilihan raya yang benar-benar berketulusan dan yang benar-benar adil, sistem pos undi ini haruslah diubahkan. Tajuk kedua saya ialah mengenai maritim. Kita semua tahu di Sarawak, mungkin kerajaan tidak tahu nelayan-nelayan di Sarawak, kehidupan mereka terjejas oleh sistem *Foreign Chartered Vessel*. Dahulu ia telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri bahawa menyewa sistem *Foreign Chartered Vessel* akan ditamatkan pada hari bulan 31 Jun. Tetapi tiba-tiba selepas itu ia pun diumumkan lagi, *Foreign Chartered Vessel* akan dilanjutkan buat enam bulan lagi. Apakah sebabnya untuk melanjutkan sistem *Foreign Chartered Vessel*.

Sekarang kebanyakan nelayan-nelayan di Sarawak sudah tidak dapat tangkap ikan di laut lagi. Kebanyakan hasil lautan telah dirampas oleh *Foreign Chartered Vessel* dan apa gunanya kita mewujudkan dan memperuntukkan berpuluh-puluh juta untuk Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia. Salah satu daripada tujuan agensi ini adalah untuk memajukan perindustrian perikanan di negara kita. Tetapi hasil lautan telah dirampas oleh polisi-polisi yang dilaksanakan oleh Barisan Nasional dan walaupun telah diumumkan akan tamat, tetapi dilanjutkan lagi. Yang menerima manfaat daripada pelanjutan ini adalah bukan sahaja orang asing tetapi kroni-kroni yang dapat lesen menangkap ikan di laut dalam. Saya harap kementerian boleh memberi satu penjelasan yang lebih telus dan membuat satu keputusan sama ada mereka benar-benar untuk memajukan industri perikanan negara kita khususnya di Sarawak kerana kebanyakan nelayan kini tidak dapat menangkap ikan lagi. Hasil lautan terlalu berkurangan. Perkara ketiga adalah berkenaan projek kemiskinan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: [Ketawa] 00100...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Itu kemiskinan penting. Tadi Yang Berhormat bagi Tuaran boleh...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat yang memberitahu saya supaya berhentikan...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Yang di-Pertua, tidak. Saya sokong keputusan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya telah membuat keputusan. Token tidak dibenarkan untuk bahas, cukup Yang Berhormat.

[Ketawa]

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Apa sana boleh bahas, sini tidak boleh bahas?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya sudah buat keputusan kerana cadangan daripada Yang Berhormat cukup.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tidak, saya sokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Okey, tidak apalah. Lain kalilah. Terima kasih. [Ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat bagi Kepong dan Yang Berhormat Menteri jawab.

12.28 tgh.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, B6 yang pertama mengenai Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya. Saya hendak mengetahui daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah jumlah yang begitu besar - RM23.3 juta untuk sewaan Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya ini. Bolehkah Yang Berhormat sebutkan siapa sekarang yang menguruskan Pusat Konvensyen ini, sama ada kapasiti sudah dipenuhi dan pengurusan itu dapat keuntungan daripada Pusat Konvensyen ini. Seterusnya mengenai Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia ini memang satu tajuk yang penting dan sejak akhir tahun yang lepas, memang Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia sudah dipertingkatkan dan beroperasi. Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menjawab bagaimana operasi Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (MMEA) ini dapat dipertingkatkan untuk menjaga pelbagai kepentingan kerana Tuan Pengerusi, yang pentingnya MMEA ini perlu menjaga Selat Melaka dan sekitarnya.

Selat Melaka ini yang merupakan satu laluan yang strategik, salah satu laluan untuk kapal perdagangan yang strategik yang paling sibuk di dunia. Dengan sedemikian keselamatan kapal di Selat Melaka dan sekitarnya adalah penting. Bukan sahaja untuk negara-negara seperti Malaysia (*littoral state*) bahkan juga untuk *stake holder* seperti Amerika Syarikat, Eropah, China dan sebagainya.

Ini bermakna yang pertama kita hendak tahu pertalian. Yang Berhormat Menteri akan jawabkah? [Mengajukan soalan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri – Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]

Seorang Ahli: Timbalan Menteri.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Timbalan ada. Dia ada berkaca mata itu sekarang nampak serius sedikitlah. [Ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak nampak, Yang Berhormat. Dia terpaksa pakai, kalau tidak pakai tidak nampak Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Itulah, saya takut dia kadangkala berkelakuan tidak tepat. Kadang-kadang tidak nampak itulah. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini mana satu butiran?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Masih ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini mana satu butiran?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Butiran.... saya hendak sebutkan untuk Butiran B.6 – MMEA itu yang penting dan di sini sejak September 11, kita nampak masalah *terrorism* itu timbul bukan sahaja lanun tetapi masalah *terrorism*. Saya hendak tahu setakat mana kita dapat pertalian di antara lanun dan juga penjenayah *terrorist* kerana lanun ini hanya mementingkan keuntungan komersial. Walhal *terrorist* dia berperanan bermotifkan politik di dalam melakukan kesalahan itu. Saya hendak tahu dengan MMEA yang bergiat dan menambahkan kegiatannya, adakah pertalian di antara *terrorism* dengan aktiviti penjenayahan di Selat Melaka dan sekitarnya. Ini memang satu perkara yang penting.

Yang kedua, kita mesti dapat kerjasama kerana *littoral state* seperti Malaysia itu kita tidak mampu menjaga keselamatan di seluruh Selat Melaka kerana ini ada Indonesia, Thailand dan Singapura yang perlu. Yang Berhormat bagi Sri Gading pun tahu tidak kita mesti dapat kerjasama yang rapat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kepong pun tidak ada itu selat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Apa dia?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kepong pun tidak ada laut.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tidak ada laut pulak. Selat Melaka itu, kita di Semenanjung itu ada Selat Melaka tak? *[Disampuk]*

Apakah tingkat kerjasama di antara negara-negara *littoral state* ini dengan negara-negara *stake holder* yang lain untuk mencegah kegiatan lanun dan juga untuk mengelakkan daripada berlakunya *terrorism* di Selat Melaka. Di sini kerjasamanya kita yang perlu tidak bermakna keutuhan *territorial* dan juga kedaulatan negara terjejas. Kita tidak boleh menjejaskan *territorial integrity and national sovereignty*. Ini memang satu perkara yang penting.

Perkara yang ketiga ialah mengenai sumbangan untuk pencegahan jenayah lanun dan juga *terrorism* di Selat Melaka dan sekitarnya daripada bukan sahaja *littoral state* bahkan juga di negara-negara yang lain seperti Amerika Syarikat, apakah sumbangan daripada mereka untuk keselamatan selat ini?

Yang keempat, Tuan Pengerusi, ini mengenai keupayaan teknologi baru dan juga kelengkapan untuk agensi penguatkuasaan ini. Kalau kita hendak adakan tinjauan atau pemantauan keadaan dan juga *patrol* di selat dan kawasan laut sekitarnya, kita perlukan kelengkapan dan teknologi yang terkini untuk kegiatan ini, dan setakat manakah dengan MMEA yang sudah dipermodenkan sekarang ini kita dapat meningkatkan kelengkapan dan teknologi baru untuk memperkukuhkan keupayaan MMEA untuk menjalankan tugasnya.

Dari segi ini kita hendak tahulah kesedaran atau *situation awareness* dan *information sharing and intelligence gathering* untuk mengesan dan menangkap para penjenayah. Setakat mana dengan perbelanjaan yang lebih RM80 juta ini kita dapat meningkatkan *information sharing*, kita mesti ada kongsi mengongsi maklumat di antara negara-negara di sekitar Selat Melaka dan juga *intelligence gathering*. Setakat mana kita dapat mempertingkatkan kerana kita perlukan *satellite tracking*, radio, *radar satellite tracking*.

Sebelum ini saya nampak teknologi itu tidak begitu tinggi dan dengan perbelanjaan yang begitu banyak adakah teknologi untuk radar, untuk radio, untuk *satellite tracking* itu sudah dipermodenkan bagi aktiviti yang diperlukan, dan kerana itu bagi saya mungkin latihan dan penyelarasan di antara agensi belum mencukupi kerana kita mesti

menyelaraskan di antara agensi MMEA dengan PACOM - agensi antarabangsa yang mempunyai *mobile training teams* bagaimana kita dapat latihan dan penyelarasan. Adakah kita dapat kerjasama daripada PACOM untuk maksud ini dan setakat ini apakah kadar pengurangan aktiviti lanun di Selat Melaka dan sekitarnya?

Adakah 25% kadar dicapai kerana di dalam media, kita nampak ada sedikit hasil yang baik dan di sini

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kepong tahu tak ini lanun dari mana punya lanun?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tidak tahulah. Saya diberitahu daripada negara jiran. Mungkin daripada Malaysia juga ada. Tetapi saya tidak ada bukti.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tentu Yang Berhormat, tentu bukan dari Sri Gadinglah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Sri Gading itu kita tidak pasti lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sudah 12 minit berucap.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, ya. Sri Gading itu kita tidak pasti lagilah.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, mungkin ada juga hendak jadi lanun itu dan saya haraplah tidak ada *terrorist* di situ, cukup. Apakah terjadi dengan satu *tracking centre* di Batam, kerana dia hendak adakan *tracking centre* di Batam untuk maksud ini dan kita hendak tahulah setakat mana kita dapat menggunakan *tracking centre* di Batam juga, kerana kita hendak wujudkan satu alam sekitar keselamatan yang baik dari negara-negara di rantau ini, dan kita pun berharap semua negara bersatu padu untuk melaksanakan langkah-langkah bagi memperkukuhkan keselamatan di Selat Melaka dan sekitarnya.

Macam mana Yang Berhormat bagi Puchong? Yang Berhormat bagi Puchong sekarang ini, la ni sudah hendak jadi pegawai Kementerian Kewangan. Hushh...[Ketawa]

Mengenai ada syarikat-syarikat keselamatan antarabangsa yang mengadakan *escort services* kepada kapal-kapal dagang, apakah peranan syarikat keselamatan dan apakah pendirian Malaysia mengenai *escort services* daripada ...[Disampuk] Ini bermakna Puchong itu - Puchong itu burung, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Burung apa?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Burung Pucung itu seperti Burung Bangau tetapi dia susah sikit...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Tidak ada perkara baru ke? Pusing saja.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya tidak pusing. *Escort services*, ini kali yang pertama kita sebutkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kerana Puchonglah mengakibatkan Yang Berhormat pusing. Sebenarnya Yang Berhormat tidak pusinglah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Kerana kita tidak dapat membezakan antara Pucung dengan Bangau.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Menteri sudah bersedia untuk menjawab, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Di antara Pucung dengan Bangau itu sudah hendak bezakan, kadangkala. Itu yang masalah pusing tu. *Escort services* itu penting. Kita hendak tahu setakat mana kita membenarkan *escort services* bagi kapal-kapal dagang antarabangsa. Akhir sekali, ada cadangan bagi kapal-kapal negara lain dia hendakkan tentera lautnya yang *escort* dan juga *coastal guard ships* dia sendiri untuk menjaga keselamatan dia dan apakah pendirian Malaysia mengenai hal ini. Bagi Yang Berhormat bagi Puchong ini *external intervention*, bukan pusing-pusing.

External intervantion itu - *Foreign vessels being escorted by the naval of coast guard ships* dan kita hendak tahulah setakat mana kita dapat menangani masalah *external intervention* ini untuk sama-sama menjaga Laut China Selatan dan juga Selat Melaka untuk kepentingan negara-negara di *coral* termasuk Malaysia. Dengan ini saya berharaplah MMA dapat memainkan peranan yang berkesan untuk menjaga keselamatan Selat Melaka dan sekitarnya. Sekian, terima kasih.

12.43 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, dia panggil saya Timbalan Menteri, saya Menteri. Silap.

Tuan Yang di-Pertua Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kadangkala boleh buat kesilapan jugalah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, macam Yang Berhormat bagi Keponglah, banyak kesalahan. Saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Bagan, Tuaran, Kuching dan juga...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bandar Kuching, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dalam *map* tidak tulis Bandar Kuching, tulis Kuching saja. Baiklah, saya akur dengan Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya hendak membetulkan kawasan Bandar Kuching bukan Kuching.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okay, terima kasih. Bandar Kuching dan juga Yang Berhormat yang dari 'terkepong' ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepong bukan terkepong.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Oh, Kepong. Minta maaf.

Tuan Pengerusi, pertamanya, Yang Berhormat bagi Bagan, dia bercakap berkenaan dengan Maritim. Dia ingin tahu apakah aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan semenjak Agensi Penguat Kuasa Maritim ini dilaksanakan beberapa tahun yang lepas. Saya ingin menyebutkan di sini bahawa pertamanya, peranan APMM ini ialah untuk mengawal, melindungi dan menyelamat di dalam kawasan perairan maritim Malaysia. Mereka telah memperoleh beberapa kejayaan dan telah dapat menahan, menangkap dan mendakwa bot-bot nelayan asing yang datang daripada Thailand dan Vietnam, yang telah menceroboh di kawasan kita. Juga, kita telah dapat menangkap kes-kes yang berkaitan dengan tiada permit dan juga penyeludupan balak, macam yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Jasin tadi, dan juga pendaratang tanpa izin (PTI). Ini di antara kejayaan yang telah kita capai.

Berkenaan dengan kes-kes lanun yang Yang Berhormat bangkit, pada bulan Januari tidak ada lanun. Februari tidak ada. Mac pun tidak ada. Mei tidak ada. Jun ada satu kes lanun. Bulan Julai ada tiga kes dan bulan Ogos ini satu kes. Itu setakat apa yang telah kita dapat laksanakan sehingga pada bulan Ogos ini.

Yang Berhormat juga telah bangkitkan berkenaan dengan kes PICC. Yang Berhormat, kadar sewaan *Putrajaya International Convention Centre* (PICC) ini kadar sewaan ditentukan oleh Jabatan Penilaian Perkhidmatan Harta, Kementerian Kewangan. Jadi, sewaan adalah berdasarkan kepada penggunaan dewan iaitu daripada segi masanya dan juga saiz-saiz dewan.

Baru-baru ini bagi mesyuarat ASEAN, kita juga menggunakan KLCC bergantung pada kalau *international conference* KLCC, kalau delegasinya itu besar, maka kita terpaksa buat di KLCC memandangkan KLCC ini berdekatan dengan hotel-hotel bertaraf lima bintang. Jadi, delegasi kita dari luar negara yang datang ini mereka mahukan kepada

tempat-tempat persinggahan yang bertaraf lima bintang. Sebab itu kalau kita tengok jumlahnya besar, kita buat di KLCC.

Jadi mesyuarat ASEAN yang baru-baru ini kita telah buat di Kuala Lumpur *Convention Centre* disabitkan oleh kerana seperti mana yang saya sebutkan tadi iaitu bahawa delegasinya besar yang datang. Walaupun ASEAN hanya beberapa buah negara saja, ada 13 buah kalau tidak silap saya, tetapi delegasinya besar. Jadi untuk menampung jumlah delegasi yang besar itu kita terpaksa buat di Kuala Lumpur *Convention Centre*.

Putrajaya International Convention Centre (PICC) ini merupakan satu ...

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian bangun.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tidak habis lagi. Tadi tidak bercakap. Suka mencelah sangat dia ni. Biar saya habis dulu. Biar saya habis dulu, ya?

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Tidak ada peluang. Masa pendek.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Manalah tidak ada peluang, mari lambat, masuk lambat.

Jadi, PICC ini merupakan satu seksyen di bawah Jabatan Perdana Menteri dan dia dimiliki 100% oleh kerajaan. Ya, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih, Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Minta maaf kerana saya hendak *reverse* belakang sedikit. Penting kerana terdapat beberapa nelayan yang dikenakan tindakan ataupun ditangkap di kawasan yang menjadi pertikaian, sebagai contoh, *dispute zone* seperti Pulau Batu Puteh dan Kepulauan Spratly. Jadi, dalam tajuk 1700 ini, Agensi Penguat Kuasa Maritim ini, bagaimanakah kerajaan menyelesaikan kes ini dengan negara-negara yang bertindih dari segi tuntutan hak ini. Minta penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kawasan-kawasan yang bertindih dari segi tuntutan daripada kedua-dua pihak kerajaan, apa yang kita lakukan iaitu bahawa sudah tentu dalam kawasan itu kita merasakan itu kawasan kita dan kalau mereka masuk, maka itu sudah tentulah ada persetujuan di antara kedua-dua kerajaan untuk sama-sama mengambil tindakan.

Kalau macam di Batu Putih, sudah tentulah Singapura dengan Malaysia yang akan mengambil tindakan, dengan persefahaman iaitu bahawa ini kawasan bertindih belum ada lagi keputusan maka sudah tentu persefahaman itu membolehkan iaitu bagi negara Malaysia ataupun negara-negara mana yang kita ada tuntutan bersama, kita tidak akan mengambil tindakan pencerobohan kalau sekiranya kapal daripada kedua belah negara itu masuk tapi kalau daripada negara lain Vietnam kah atau Thailand yang tidak menjadi parti kepada pertikaian itu, maka tindakan akan diambil terhadap mereka itu. Tetapi di antara Malaysia dengan negara-negara yang tuntutan bertindih, kita ada persefahaman.

Tuan Yang di-Pertua, Bandar Kuching telah bangkit berkenaan dengan undi pos di mana dia tidak berpuas hati dengan apa yang berlaku dalam pilihan raya yang lepas tetapi saya kira sebenarnya yang Berhormat bagi Bagan telah jawab sebab Bagan kata, dia dah jumpa dengan pegawai kerajaan. Dia kata bahawa "Sekarang kami senang. Mengapa senang? Dulu tidak boleh undi kerajaan, sekarang boleh. Jadi kalau Bagan sudah kata sekarang boleh, bermakna pilihan raya baru ini bolehlah. Jadi ini saya pun tidak tahu yang mana satu betul?"

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Minta penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bandar Kuching kah, Bagan?

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi yang ingatnya yang kelirunya dia, ini pembangkang ni...

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bandar Kuching kata baru-baru ini pilihan raya, berlaku tidak adil tentang pos undi, tetapi Bagan bangun tadi memberi kenyataan dan merujuk kepada pegawai kerajaan, mengatakan pegawai kerajaan, bekas pesara semua sekarang seronok. Apa fasal seronok? Sebab dia kata dulu tidak boleh undi, sekarang boleh. Jadi makna tidak ada masalahlah. Fakta pun bercanggah ni.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tapi tak apalah, oleh sebab saya hendak jawab soalan daripada yang Berhormat bagi Bandar Kuching, jadi saya ambil apa yang Bandar Kuching kata itu sebagai yang *valid*, saya nak jawablah.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa fasal Bagan.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Penjelasan apa? Tadi dah cakap. Tadi dah!

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Beri peluang saya hendak bercakap.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tadi dah cakap.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Sebab Yang Berhormat memberi fakta yang salah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tadi dah cakap Yang Berhormat cakap, dulu tak boleh sekarang boleh. Sekarang boleh bermakna okaylah.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Saya kata, saya ada peluang berjumpa dengan pegawai yang bersara...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya lah.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Bersara bermakna mereka tak payah undi pun...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya..., tapi

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Undi secara umum.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, ya, tapi dia kata iaitu bahawa dulu tidak boleh, fasal isu yang kita bangkit....

Tuan Lim Hock Seng: Dulu dikongkong.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, dulu di bawah satu....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Isu-isu yang dibangkit... Ini apa benda ini, perempuan, betina mana pulak ni cakap...

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Dulu dikongkong, sekarang bebas.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya bercakap... [Ketawa] bukan berjalan..

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini cakap putar belitkah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Siapa ada putar?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Putar belit, dia cakap sudah salah boleh dulu..

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tak ada, tak ada putar, yang kaki putar sana tu, banyak kaki putar... , putar aje. Dulu dia bagi tahu, dia kata, bila Bandar

Kuching kata, "Dulu saya dapat 60%.." 60% daripada undi pos, sokong kami. Jadi ini juga, saya pun *confuse*, Bagan kata dulu tak boleh, sekarang boleh. Tetapi dulu dia kata dapat 60%, sekarang dia dapat 1% makna fakta dia bercanggah. Dia tak tahu apa benda yang dia hendak cakap...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Eh..eh! Yang Berhormat apa ni...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Penjelasanlah..! Penjelasanlah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tadi, dan tak bercakap, duduklah..

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan boleh kah?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa benda ni.., apa benda ni..?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Minta penjelasan...! Boleh tak?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Eh! Tak kan la..

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Boleh tak?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tak kan la orang perempuan nak bela ni. Duduklah.. duduk!

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Boleh beri penjelasan tak?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tak bagi jalan, saya tak bagi jalan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dia tak bagi jalan..

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Itulah, saya minta...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tak bagi jalan, ini saya punya floor....

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya faham punya....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa fasal tak tahan telinga kah? Nampak orang dengar, bagaimana *you* tipu ...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...Di Kuching, di Kuching...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ini pelajar ada di sini, *you* tipu ...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Di Kuching, keadaan yang lain la..

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Fakta tipu...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Fakta yang lain la..

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Fakta bercanggah...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [*Menyampuk*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Mana Bandar Kuching, datanglah saya nak jawab...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ya la..

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Mana Bandar Kuching, panggil dia masuk..

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ini perempuan pun *you* tak mahu bagi...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Panggil Bandar Kuching saya nak jawab...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tak kan wanita pun takut...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ini bermakna iaitu bahawa kalau dulu 60% pengundi, makna *okay* lah tu.

Puan Chong Eng [Batu Gajah]: Penjelasan boleh tak...?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia kata pilihan raya yang dulu dia dapat 60%, bila dapat 60% makna...

Puan Chong Eng [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Undi pos okay!.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dia tak bagi, Menteri tak bagi.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bila dapat 1%, tak okay.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Dia tak bagi *chance*, saya tak akan ganggu dia. Minta dia ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dia tak bagi.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi maknanya, di sini saya nak bagi tahu bahawa ..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini, ini Bukit Mertajam minta laluan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Buat apa Bukit Mertajam. Dia tak cakap. Saya boleh jawab, tapi saya nak jawab. Mana Bandar Kuching..?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: [*Menyampuk*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bandar Kuching...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tak ada peraturan...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya hendak jawab, mana Bandar Kuching..?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tak ada peraturan...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Hei you duduk diam-diam lah, hai ya...[*Bercakap bahasa Mandarin*] *Lu kong, kong, kong..* Lu diam-diamlah..

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *You* ada faham peraturan tak, ini saya punya *floor*..

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tapi Yang Berhormat ...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kalau mesyuarat mana kata ...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Duduklah.., duduk..

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Peraturan kita boleh mintak..

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Mana Peraturan Mesyuarat kata..

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Duduklah..duduk.., saya tak bagi jalan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya tak boleh dengar.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Peraturan kita boleh mintak.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Duduk.., duduk, duduk...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Apa dia cakap.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Peraturan Mesyuarat kata.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, sebenarnya pembangkang ni...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kenapa tak boleh ada pertanyaan..

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tak kan ini pun takut...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia mengatakan bahawa...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jadi Menteri takut ya...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Undi pos tidak adil, kalau kira undi pos memihak kepada dia, adil... [*Beberapa Ahli menyampuk*] Kalau undi pos tidak memihak kepada dia, tak adil.... [*Beberapa Ahli menyampuk*][*Disorak*] Apa punya cerita.., duduklah, duduk, duduk...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Bolehkah jangan buat tuduhan macam ini, tapi tak mahu bagi penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, orang boleh tukar selera. Kali ini kita boleh undi kerajaan, yang akan datang belum tentu nak undi kerajaan...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ya kah?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi saya nak bagi tahu sebenarnya...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [*Bangun*][*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: [*Bangun*][*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya tak dapat dengar...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Duduk, duduk... , saya punya ada...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim si Cheng]: Saya tak dapat dengar...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ini lah, suruh dia orang duduk, duduk, suruh dia duduk.

Seorang Ahli: Hey, hey...*Don't waste public fund* lah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tak mahu duduk, boleh keluar, keluar, keluar...

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: *Don't waste public fund* lah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Berambus, boleh keluar, berrambus! Berr-rambus!

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Boleh keluar, sebab saya bukan untuk jawab dia, saya jawab Bandar Kuching. Boleh berambus. Mintak supaya boleh berambus. Bberambus keluar. Berambuslah...

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Berambuslah, apa lah. Tuan Pengerusi....

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Yang Berhormat, boleh saya kata satu

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Hei...saya jawab...

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Berkenaan dengan perempuan ini..

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya dah jawab... saya dah jawab. Sekarang ini berkenaan Bandar Kuching.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Berkenaan dengan perempuan ini..

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bagilah saya dah jawab Bandar Kuching..., *you* dah ada jawab apa lagi...

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Ada kata-kata...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ha.. apa?

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: *Proverb* bahasa Mandrain

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ha..

Tuan Lim Hock Seng[Bagan]: [*Bercakap dalam bahasa Mandrain*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ha..apa?... [*Ketawa*]

Tuan Lim Hock Seng[Bagan]: Kalau *gentlemen*, kalau..

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ha..

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: ...Jantan, jangan berlawan dengan perempuan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tak lawan dengan dia...
[*Ketawa*] Saya tak lawan dengan dia..., saya tak lawan dengan dia...

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Ada..., ada, ada *proverb* ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tak lawan dengan dia. Saya jantanlah. Mana boleh lawan perempuan, dia yang lawan saya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat, bukan perempuan pun, betina..[*Ketawa*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sebab ini saya punya *floor*, dia bangun, dia lawan saya. Saya tak lawan dia. Saya lawan sama jantan juga tahu. Kucing kah, apa kah. Kucing jantan saya lawan... [*Ketawa*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ada peri bahasa Datuk, bahawa mengatakan, "*hang buti nang, kuie buti kuie..*" [*Ketawa*] Orang bukan orang, hantu bukan hantu. Itu pun peri bahasa juga..., betul tak Bagan? [*Ketawa*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Memang Tuan Pengerusi, Jerai, memang dia hantu sebab dia tidak berhak bangun untuk bercakap. Bila dia tiada berhak untuk bercakap, tak boleh berdiri, dia keluar suara, suara hantu la tu. Memang betul saya setuju dengan... "*bung keti nang, keti nang!*" [*Mengajuk kata-kata Yang Berhormat bagi Jerai*][*Ketawa*] Bung, Kinabatangan. Dia bukan *keti nang!*

Tuan Pengerusi, jadi saya hendak sebut di sini berkenaan dengan Bandar Kuching, kita tak bolehlah, kalau dulu maknanya undi pos dapat 60% itu betul, sekarang dia dapat 1%, tak betul. Macam mana? Tak kan lah adil tidak adil sesuatu pilihan raya, pengiraan undi pos ini berdasarkan kepada berapa pembangkang dapat undi. Saya ingat itu satu kepala yang tidak betullah, pemikirannya terkepung, yang tidak betul.

Sebab itu saya hendak jawab di sini, berkenaan dengan perkara ini, pertamanya, saya hendak beritahu bahawa saya bersetuju sebenarnya dengan apa yang disebut oleh Petra Jaya sebentar tadi. Bagi pihak Suruhanjaya, dia cuma memastikan supaya pilihan raya berjalan dengan lancar, itu kerja dia. Menyediakan pos undi, menyediakan kotak undi, kertas undi, itu saja kerja dia tetapi jika sekiranya ada perkara-perkara yang difikirkan bahawa tidak berlaku keadilan, maka bawalah ke mahkamah.

Begitu juga macam Polis. Kita ada macam-macam undang-undang di dalam negara kita ini. Undang-undang tak boleh bunuh oranglah, undang-undang mencurilah tapi Polis kerjanya untuk memastikan supaya keamanan itu wujud. Kalau ada benda-benda yang kita tidak bersetuju, kita boleh saman Polis. Jadi begitu juga, saya bersetuju dengan Petra Jaya ya, saya nak beritahu di sini, Suruhanjaya Pilihan Raya, kerja dia ialah untuk memastikan kelicinan perjalanan proses pilihan raya. Kalau sekiranya ada sesuatu perkara yang kita tidak puas hati, kita diberi ruang untuk membawa perkara ini ke mahkamah dan ini pun yang telah dilakukan oleh ramai Ahli-Ahli...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat banyak lagi atau nak selesaikan...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ada 10 minit lagi..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ha...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bolehlah...lepas ni..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau nak..

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya hendak bagi peluang kepada Kuching, sebab saya jantan. Jadi Bandar Kuching tak ada hari ini, sat lagi dia masuk balik, lepas makan saya nak jawab. Dengan betina saya tak mahu.., kucing betina tak mahulah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ada setengah minit lagi Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ada setengah minit lagi.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Setengah minit lagi, *okay*. Jadi pihak yang tidak berpuas hati boleh mengemukakan Petisyen Pilihan Raya. Pihak mahkamah boleh menentukan sama ada tindakan tersebut bercanggah dengan proses pilihan raya. SPR tidak ada kuasa untuk mengambil tindakan kerana tugas SPR hanya menjalankan pilihan raya sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh Yang Berhormat sambung nantilah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih Tuan Pengerusi....
[Ketawa].

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Dewan bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] Ahli-Ahli Yang Berhormat saya tangguhkan mesyuarat ini sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat ada satu usul daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, silakan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

2.32 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua,

"Mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) saya memohon mencadangkan bahawa mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.30 malam ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari esok, 30 Ogos 2006".

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah pada majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi: Saya minta Yang Berhormat Menteri untuk menyambung jawapan.

2.33 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bandar Kuching saya ingin menyebutkan di sini iaitu kalau sekiranya di masa yang lepas Yang Berhormat mendapat daripada undi pos 60% sekarang....

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tidak, tidak.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat sebut tadi.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Bila?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tadi sebut.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Bukan. Tidak pernah, tidak pernah. Mana dapat 60%.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tadi ada sebut, tadi sebut apa?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya tidak pernah sebut saya dapat 60%.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Hah, berapa peratus dapat?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: 1%, 2%.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak! Sebelum ini. Dahulu punya.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tidak ada. Awak *check* Hansard, awak *check* itu rekod SPR.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kita boleh *check* Hansard.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dapat atau tidak dapat, you sudah menanglah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Okey, Yang Berhormat Menteri boleh *check* rekod dengan SPR.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Boleh, boleh. Tidak ada masalah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Bila saya sebagai DAP dapat....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sebab saya dengar Yang Berhormat....

Tuan Pengerusi : Cukup Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Haiya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okey, boleh. Kita *check* Hansard.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat tidak *pay attention, that's why?* [Ketawa]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Haiya, you sudah menanglah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sebab Yang Berhormat kata dahulu dapat banyak, sekarang dapat 1%....

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya tidak pernah, saya tidak pernah cakap.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okey, kita *check* Hansard. Itu saya dengar.

Tuan Pengerusi: Baik, baik.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi, itu bermakna bahawa mood punya *swing*, ada kala kita dapat, ada kala kita tidak dapat, kita tidak boleh marah. Ada ketika dapat banyak, kita suka. Bila tidak dapat kita marah. Jadi, kita tidak boleh

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan, minta penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, tidak apa saya mahu jawab.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ada fakta-fakta Yang Berhormat Menteri salah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okey.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Memang ada salah. Saya tidak pernah. Aku tidak pernah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak apa. Cakap 'aku' tidak apa.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terdapat 60%. Itu pos undi mana dapat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okey, tidak apalah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: DAP tidak ada duit.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okey, tidak apa.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Boleh dapat RM60 ribu

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: duit tidak dapat beli.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kita *check* hansardlah. Kita *check* hansard, tengok. Sebab saya dengar macam itu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: DAP dapat undi semua belikah?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tetapi saya mahu beritahu Yang Berhormat bagi Bintulu cakap 'aku' tidak apa sebab macam orang Islam dengan Tuhan kita cakap aku. Bukan kerana kampung atau apa, tidak. Itu biasa, ya.

Tuan Pengerusi, ini berkenaan dengan kertas undi pos di keluarkan lebih awal. Saya ingin menyatakan di sini iaitu bahawa proses undi pos yang dikeluarkan oleh SPR adalah mengikut undang-undang. Oleh itu soal sama ada tidak adil ataupun tidak, tidak berbangkit. Kerana ini semua dijalankan secara bebas. Kita terpaksa mengeluarkan, membenarkan undi pos di keluarkan lebih awal kerana pengundi-pengundi pos ini ia tinggal bertaburan. Mungkin ia merupakan pengundi dalam kawasan Bandar Kuching tetapi ia menjalankan tugas bagi pihak kerajaan mungkin mereka ada di sempadan, kalau mereka ini merupakan askar jadi mereka tidak boleh balik cepat.

Sebab itu mereka diberikan kelonggaran supaya kertas undi ini dikeluarkan lebih awal dari hari kita membuang undi. Jadi, tidak berbangkitlah ini kerana hendak berlaku tidak adil atau apa. Untuk kita hapuskan pos undi, itu adalah tidak adil kepada pengundi kerana dia berhak mengundi dan dia menjalankan tanggungjawab, tugas yang diberikan oleh kerajaan kepada dia. Jadi, dia tidak patut dinafikan daripada mengundi maka oleh kerana itu tidak berbangkit soal kita hendak menghapuskan sistem ini.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Kalau Yang Berhormat Menteri kata ini adalah di bawah undang-undang, tetapi undang-undang ini tidak adil. Bukankah ini tanggungjawab Ahli Parlimen untuk menggubal undang-undang supaya pengundian pos ini akan dijalankan dengan lebih telus dan dengan lebih adil. Kita di sini adalah ahli Parlimen. *[Disampuk]* Ini tidak adil, dan satu masalah lagi walaupun mereka yang bertugas sebagai pegawai kerajaan yang perlu ambil undi lebih awal tetapi apa kata ahli keluarga mereka, isteri-isterinya. Isteri atau suami mereka juga mengundi secara pos. Ini tidak adil. Apa yang sangat *special* untuk mereka? Kenapa semua rakyat datang untuk satu hari tetapi mereka tidak dapat? Adakah ini satu penipuan? *Institutionalizing the fraud to give Barisan Nasional advantage*, dengan izin.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Ada, kalau undi pos you menang, ada adilkah?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi,

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tidak adil, tidak adillah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, kita jawab dia. Pertamanya, sebagai contoh kalau tentera, ia satu batalion, ia dihantar ke Bandar Kuching. Satu batalion 800 orang. 800 orang pindah satu batalion duduk di Kuching. Alamat isterinya di Sri Gading. Jadi, sebab itu takkanlah isterinya kita hendak hantar balik ke Sri Gading waktu mengundi kerana suaminya bertugas di Kuching. Oleh kerana itu ia diberikan kebenaran untuk mengundi dengan pos.

Ini nampaknya Yang Berhormat tidak adil kepada askar dan pegawai kerajaan. Suruh dia orang bertugas selepas itu hendak pisahkan keluarga. Mana boleh. Dan, perbelanjaan sudah tentu lebih. Kalau isteri kepada batalion ada 800 orang, pada hari mengundi kita hendak hantar dia balik, kerana apa, kerana dia dikehendaki mengundi pada hari mengundi di tempat di mana dia didaftar. Dia pilihan dia, dia ikut suami dia, ini tidak adil kepada wanita, ini *gender concerns* kita kena ambil kira juga.

Jadi sebab itu mereka berhak untuk mengundi dengan pos kerana mereka, kita kena hormat peranan yang dimainkan oleh wanita sebagai isteri kepada kakitangan kerajaan kita. Jadi oleh kerana suami juga dapat hak untuk mengundi tidak mengundi dengan pos, maka mereka juga mesti diberikan juga hak untuk mengundi mengikut pos. Sebab dia tidak berada di kawasan yang mana dia daftar sebagai pengundi.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Itu Yang Berhormat Menteri memang pandai itu putar belit ini. *[Ketawa]*. *Best* punya, tetapi di kawasan saya, pengundi pos ini 80 peratus terdiri daripada itu orang-orang dari Semenanjung. Bukan dari Kuching atau dari kawasan saya.

Saya ada *check* itu IC mereka, bukan *thirteen*. *Thirteen* itu dari yang tengah ini *thirteen*, tiga belas. Ini dari orang-orang Sarawak. Tetapi saya *check* itu *list* di *list* pengundi-pengundi pos di kawasan saya Kota Sentosa. 80 peratus yang bukan orang Sarawak. Adakah ini itu untuk *Gerrymandering*? Untuk supaya *transfer voter* supaya itu Barisan Nasional ada *advantage*?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya dengar daripada *intervention* dia, kalau orang pengundi dia itu adalah orang yang bukan daripada Semenanjung, bermakna itu lah hak dia untuk mengundi dengan pos. Sebab dia bukan orang Sarawak, dia orang Semenanjung jadi dia mengundi la di sana. Di mana-mana yang dia daftar sebagai pengundi. Jadi dia kenalah daftar undi pos.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Dia undi di kawasan saya, dia bukan orang Sarawak dia undi di kawasan saya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okay.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: 80 peratus daripada itu pengundi-pengundi pos. Mereka bukan orang Sarawak tetapi patut dihantar balik. Kalau awak kata mereka undi di tempat mereka asal.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, tidak boleh awak, awak.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okay, sebenarnya macam kalau dia bukan orang Sarawak sebagai contoh la ya. Kalau dia bukan orang Sarawak dan dia mendaftar sebagai pengundi di situ, itu telah diputuskan oleh pihak SPR. Bukan salah dia, dan kita sebenarnya kita ada pilihan sama ada kita hendak mengundi daripada tempat kita tinggal atau pun daripada mana yang kita asal. Daftar dalam kita punya kad pengenalan, itu pilihan kitalah. Jadi sebab itu kepada saya hak untuk kita bercakap tentang pos pengundi kena beri juga kepada isteri-isteri dan anak-anak kepada kakitangan kerajaan untuk mengelak daripada kos yang tinggi ya. Nombor dua...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Datuk.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ada lagi?

[Ketawa]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya ingat tentang undi pos ini, Yang Berhormat Datuk. Terima kasih Tuan Pengerusi. Tentang undi pos ini, tak payah layan DAP punya pertanyaan. Dia sebenarnya dia tidak puas hati, tapi dia lupa banyak kawasan pilihan-pilihan raya kecil, saya sendiri mengalami di kawasan-kawasan di Malaysia ini, yang kita kalah dalam undi pos ini. Kita tak bising pun, kita terima pun. Ini jenis nak buang masa lah. Datuk jawab yang lain lah Datuk.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat betullah sebab mungkin tahun 1999 Yang Berhormat bagi Bandar Kuching tak tahu tapi banyak undi pos kita PAS menang pada ketika itu. Sebab itu PAS duduk diam sahaja, dia tak kata salah pun. Ya betul, masa itu memang pos undi banyak telah mengundi pihak pembangkang. Kemudian Yang Berhormat bagi Bandar Kuching mengatakan itu bahawa kertas undi pos diserahkan kepada ketua.

Tuan Yang di-Pertua, Tuan Pengerusi. Undang-undang membenarkan undi pos dikeluarkan, minta maaf. Ini adalah tidak benar dakwaan ini kerana kertas undi ini, kertas undi pos diserahkan kepada ketua adalah tidak benar. Kertas undi pos diserahkan kepada anggota itu sendiri. Ya, itu anggota itu sendiri. kemudian Yang Berhormat juga bangkit bahawa pembangkang tidak dibenar mengikut proses pengundian pos.

Sebenarnya soal pengundian pos, tidak dibenarkan untuk diperhatikan oleh parti-parti politik. Dia juga terpakai kepada parti Barisan Nasional, Barisan Nasional pun tak boleh hantar wakil untuk melihat proses pengundian ini. Tak tahulah kalau Yang Berhormat kata pegawai kerajaan menipu, saya tak tahulah kan. Mungkin tentera tipu, polis tipu. Itu dakwaan Yang Berhormat bagi Bandar Kuching lah. Tapi pada kami, kami tetap mengatakan itu bahawa tidak ada penipuan yang dilakukan oleh ketua-ketua jabatan kerajaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kemudian Yang Berhormat itu sahaja dibangkit berkenaan dengan pos undi. Ini berkenaan dengan carta *vessel*, *foreign vessel* ini bukan bawah tanggungan AP Maritim kita. Ini bawah Jabatan Laut. Yang Berhormat bagi Batu Gajah mahu tanya? Oh, merajuk ya.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya, saya mahu tanya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okay, okay.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Okay, saya masih ingat semasa kita membentangkan itu Akta untuk menubuhkan itu apa ini, Agensi Maritim. Penguat kuasa Maritim. Salah satu tujuan adalah untuk koordinat, mengkoordinasi itu askar, marin polis, kemajuan ikan, perikanan. Beberapa badan kerajaan supaya koordinasinya lebih baik. Tetapi kenapa hari ini Yang Berhormat Menteri kata itu tidak di bawah bidang kuasa ini agensi? Bukankah ini adalah bercanggah dengan tujuan itu Akta?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Itu fasal. Dia tidak bercanggah. Yang bercanggah otak ini Yang Berhormat sahaja. Kita kalau kita macam kata mengeluarkan permit untuk nelayan pergi ke laut menangkap ikan. Itu pertanianlah, dia yang keluar permit. Takkan *postal guard* yang keluar permit? Sebab *postal guard*, dia cuma jaga keselamatan. Ya, permit itu atau pun pembaharuan apa-apa juga keizinan itu masih lagi dalam tangan jabatan yang berkenaan.

Tetapi kalau ada apa-apa berlaku, kesalahan ataupun perkara yang menjejaskan keselamatan. Itu bukan lagi Jabatan Laut yang bertanggungjawab, tetapi itu adalah tanggungjawab Maritim. Itu perbezaan dia ya. Jadi, jangan bercanggah otak lah. Saya betul, saya bentang semua betul. Tak ada yang salah.

Tuan Yang di-Pertua, kemudian Yang Berhormat bagi Kepong yang *last* sekali. Yang Berhormat bagi Tuaran kita saya minta Yang Berhormat, saya tidak boleh menjawab untuk menghormati keputusan di mana yang RM10 kita tak bahas ya. Itu saya tidak akan jawab, okay?

Yang Berhormat bagi Kepong, Yang Berhormat bagi Kepong ada bangkit berkenaan dengan siapa menguruskan PICC ini. Jadi saya ingin menyatakan di sini itu bahawa PICC diuruskan oleh Seksyen Pengurusan PICC, Bahagian Istiadat dan Urus setia Persidangan Antarabangsa Jabatan Perdana Menteri ya. Dia yang mengurus PICC. Kemudian Yang Berhormat kata pula, tanya sewaan dan jumlah sewaan di dewan di PICC.

Penyewa di PICC ini kebanyakannya adalah jabatan-jabatan kerajaan. Seperti mereka mengadakan majlis-majlis konvensyen, mesyuarat dan yang paling terbaru sekali ini Konvensyen TUNZA ini, Konvensyen Alam Sekitar Kanak-kanak. Ini yang terakhir sekali. Dan jumlah pendapatan pada tahun 2005, jumlah pendapatan ialah sebanyak RM1,92,250.00 Dan pada tahun, itu tahun 2005. Nak menulis ya? Tulis, RM1,92,250.00. Bagi tahun 2006, sehingga bulan Ogos, kutipannya sebanyak RM785,750.00. Dan majlis yang diadakan di PICC pada tahun 2004, ada 80 majlis yang diadakan.

Tahun 2005, ada 65 majlis diadakan dan pada tahun 2006 sehingga Ogos, ada 52 majlis yang telah diadakan. Yang Berhormat juga bangkit berkenaan dengan apa ini, Maritim.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Kejap.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ha? Ini apa macam *Mr. Bean* pula ini?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Oh, penjelasan. Okay.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Dia tak tunggu Tuan Pengerusi, dia nak jadi pengerusi sendiri. Tuan Pengerusi, saya nampak PICC ini sibuk juga. Mungkin keupayaan boleh di... kapasiti boleh dipertingkatkan lagi dan apakah kalau kita berbanding dengan konvensyen baru, konvensyen Pusat Konvensyen Kuala Lumpur. Adakah ini di bawah Jabatan Perdana Menteri juga? Konvensyen Kuala Lumpur yang baru ini yang mungkin kemudahan lebih canggih lagi saya nampak. Yang dekat dengan KLCC.

Adakah ini kalau kita ada Konvensyen KL ini, ini bermakna penggunaan PICC akan kurang.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi sebenarnya dia tidak akan kurangkan kerana dia memberikan saingan sebenarnya. Kita tidak boleh *monopolize* lah. Kalau ada mana-mana, macam kata kita dengar ada bukan Guthrie, lagi satu apa, Sime Darby pun ada juga. Jadi kita tidak boleh hendak menghalang takkan kita bagi tahu kepada orang you jangan buat fasal kerajaan sudah ada, tidak boleh macam itu. Kita akan bersaing dan saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa kita akan mempertingkatkan apa yang dikatakan keupayaan kita. Tetapi kita ada sedikit *advantage* di sini kerana oleh kerana kita ini kerajaan banyak daripada konvensyen-konvensyen yang dijalankan oleh kementerian ini kalau dia tidak sebesar-besarnya macam kata yang diadakan untuk konvensyen antarabangsa tidak cukup hotel tetapi kerajaan punya banyak dibuat di PICC. Seperti mana saya sebut dalam sebentar tadi jumlahnya ada 80 majlis, 65 majlis, 52 majlis ikut tahun. Jadi maknanya kerajaan punya memang kita utamakan penggunaan PICC. Daripada segi keupayaan, daripada segi sistem semua saya rasa tidak ada perbezaan. Cuma sudah tentulah mana-mana *convention centre* yang dibina yang paling terakhir terkini sekali sudah tentulah dia akan dapat yang terkini punya

teknologi, itu tidak boleh elaklah. Walau bagaimanapun saya kira apa yang ada di PICC itu sememangnya mencukupi untuk mengadakan konvensyen-konvensyen.

Tuan Pengerusi balik kepada APMM Yang Berhormat Kepong bangkit berkenaan dengan konsentrasi operasi kita. Konsentrasi kita ialah di Selat Melaka itu kita utamakan. Yang Berhormat bertanya berkenaan dengan kelengkapan alat-alat APMM, sekarang ini kita dalam proses perolehan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan bagi tujuan pemodenan peralatan dan kelengkapan APMM termasuklah seperti kapal-kapal peronda, radar dan peralatan serta kelengkapan lain bagi maksud pemodenan APMM ini, memang sedang kita usahakan.

Kemudian Yang Berhormat bangkit berkenaan dengan latihan. Tahun ini kita ada mempunyai dua latihan iaitu dengan Indonesia dan juga dengan United States punya *post guard* ini kita adakan. Dan Yang Berhormat bertanya berkenaan dengan sistem pengawasan laut. Kita dalam proses meningkatkan sistem penguasaan ini. Yang Berhormat juga bangkit berkenaan dengan sama ada kita ada kerjasama ke dengan negara-negara litoral di sebelah sini saya sebut tadi dengan Indonesia ada. Dan kita memang ada kerjasama dengan Singapura juga dalam kita berhadapan dengan cabaran-cabaran di dalam kawasan laut di bawah penguasaan kita. Berkenaan dengan *training centre* di Batam, Yang Berhormat sebut tadi kita sudah ada kita punya sendiri. Dan yang akhir sekali...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *Tracking?* Okay. Kita sudah ada kita punya sendiri *tracking*.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [*Bercakap tanpa pembesar suara*] Ini memang penting, memang penting. Tidak dengar?

Beberapa Ahli: Tidak.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tidak dengar? Ini memang alat ini walaupun canggih ada kesilapan dari semasa ke semasa. Seperti Yang Berhormat Menteri itu dia memang sikap dia begitu luar biasalah itu. Tetapi setinggi-tinggi terbang bangau hinggap ke bumbung juga itu jangan lupa ya.

APMM ini memang merupakan satu agensi yang sangat penting kerana kita mesti menjaga. Ada ura-ura misalnya Amerika Syarikat dia hendak hantar dia punya kapal perang dan sebagainya untuk menjaga keselamatan di selat dan sebagainya. Dan itu *escort services* yang belum lagi dijawab itu dia ada firma keselamatan yang mengiringi kapal-kapal dagang besar dan sebagainya. Ini memang menjejaskan kedaulatan dan sebagainya dan Yang Berhormat belum lagi jawab dia hendak elakkan lah itu saya nampak.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia ini kepala tidak betul ke? Saya tidak habis lagi jawab saya belum kata saya hendak berhenti saya hendak jawab lah itu jadi dia awal-awal lagi. *Escort service* ini *escort service* yang macam mana yang bukan *escort service* bagi hantar dekat *post guard* ke, *escort service* yang malam ke apa ini?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *Escort* kapal.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Oh *escort* kapal, okay. Fasal sebut *escort service* macam-macam *escort service* Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: *Escort* orang ke kapal?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Fasal dia daripada Kepong dia tahulah banyak tempat *escort service* di Kepong itu fasal dia tidak ada lautan. Jadi *escort service* untuk kapal. Baik kita tidak membenarkan *escort service* kapal di negara kita. Tuan Pengerusi itu sahaja terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM31,571,643 untuk Maksud B.4 dan RM104,067,500 untuk Maksud B.6 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM31,571,643 untuk Maksud B.4 dan RM104,067,500 untuk Maksud B.6 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM180 untuk Maksud P.6 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2006 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM180 untuk Maksud P.6 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2006.

**Maksud B.10, B.12 [Jadual] -
Maksud P.10 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2006] –**

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.10 dan B.12 dan Kepala Pembangunan P.10 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk di bahas. Ya Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi saya ambil masa pendek iaitu saya hendak bertanya sedikit kepada Bank Negara iaitu tentang bank-bank luar negara dan bank-bank tempatan ini Tuan Pengerusi. Kerana saya nampak bank-bank tempatan ini dia terpaksa buka cawangan-cawangan dia di kawasan-kawasan luar bandar dan kawasan-kawasan kampung dan kawasan-kawasan daerah-daerah ataupun negeri-negeri yang kecil.

Tetapi saya tengok *Bank of America*, bank-bank lain yang ada di sini dia hanya Hong Kong Bank, dia hanya buka di kawasan-kawasan bandar dan juga saya difahamkan bahawa minimum untuk seseorang untuk buka akaun di bank-bank besar ini bank-bank luar negara ini dia ada had minimum dia, RM5,000 atau sebagainya. Tetapi bank tempatan ini RM10 pun kita sudah boleh buka *saving account* dan sebagainya. Jadi mengapakah keadaan sedemikian rupa berlaku, tidak keseimbangan di antara bank daripada luar negara yang datang melabur di negara kita dengan bank-bank tempatan. Jadi saya kira ini kerana kita sedia maklum bahawa kadang-kadang dia buka cawangan di kawasan yang bukanlah kawasan bandar sudah tentu dia punya....

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: [Menyampuk]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sabarlah, sabarlah Bagan, apa mahu kacau?

Tuan Pengerusi: Dapat tepati sedikit ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, jadi Tuan Pengerusi ini untuk kebaikan rakyat, tidak apalah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Menteri tidak payah jawab pun tidak guna juga tadi sudah ada *example* sudah. Yang Berhormat ucap panjang lebar pun tidak guna, tidak ada jawapan, apa gunanya?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya bercakap panjang lebar berisi, Bandar Kuching bercakap panjang lebar tidak ada isi. Jadi bila tidak ada isi macam mana orang hendak jawab?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang tidak ada isi dia menuju kepada Tuaran. Tadi Yang Berhormat Menteri menuju kepada Tuaran.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Fakta kan ada. Adakah Yang Berhormat ini menyokong bank-bank luar negara yang menentang bank-bank tempatan? Tidak apalah yang ini termasuk di bawah Kementerian Kewangan.

Tuan Pengerusi: Tepati tajuk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Selepas ini Tuan Pengerusi sabarlah, apa Kuching ini tidak sabar ini. Gajah ada dekat Kuching pun duduk gaduh lagi.

Tuan Pengerusi: Cepat sedikit Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, ya, ya. Jadi saya minta tidak apalah saya minta juga kalau boleh kerana kita dapati bahawa banyak bank-bank tempatan dia jumpa pegawai-pegawai dia merungut tentang sistem ini. Lagi satu Tuan Pengerusi saya berterima kasih kepada Kementerian Kewangan dari segi menguruskan peruntukan. Cuma saya hendak memberi cadangan Tuan Pengerusi ke depan-ke depan ini, kadang-kadang di satu-satu kementerian itu sudah kita lulus sudah peruntukan dia. Tetapi apabila kita kementerian itu hendak menjalankan satu projek, tugas atau tanggungjawab, dia terpaksa *refer* balik ke ICU dan *refer* balik kepada Kementerian Kewangan.

Jadi ini menyebabkan kelewatan dari segi menjalankan projek, *delivery* itu terlambat. Sebab itulah kadang-kadang *at the end of the year* atau penghujung tahun kita terpaksa hantar balik duit kerana kita tidak boleh menggunakan duit tersebut disebabkan oleh birokrasi yang begitu panjang. Jadi pada pandangan saya kalau peruntukan sudah diberi kepada satu kementerian atau satu jabatan, biarlah kementerian itu yang menyusun kerana kelulusan sudah diberi pasal apa pula kita hendak kena minta sekali lagi kelulusan daripada Kementerian Kewangan.

Tuan Pengerusi: Baik Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini memakan masa. Jadi dua benda itu sahaja Tuan Pengerusi. Okay Kuching.

Tuan Pengerusi: Tanjong.

3.03 ptg.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Pengerusi. Maksud P.10 butiran 04800, peningkatan modal berbayar SME Bank. Tuan Pengerusi baru-baru ini...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Itulah tadi saya bercakap pasal bank juga.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Bank ini dengan bank itu tidak sama.

Tuan Pengerusi: Terus Yang Berhormat.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Ya saya teruskan, jangan kacau. Baru-baru ini dalam surat khabar dan berita TV ada mengandungi berita mengenai aduan yang dibuat oleh *Associated Chinese Chamber of Commerce* dan *Industry of Malaysia*, ACCIM dan juga pengusaha-pengusaha SME di negara ini yang mengadu bahawa mereka menghadapi kesulitan untuk mendapat pinjaman bagi menjanakan operasi mereka. Kata mereka, mereka hadapi dasar-dasar struktur pinjaman dan juga kerenah birokrasi dalam bank-bank ini dan aduan ini pun disokong oleh satu kajian yang dibuat oleh kerajaan sendiri yang menunjukkan pengusaha-pengusaha SME menghadapi masalah "collateral" apabila mereka ingin memohon pinjaman dari Bank SME ataupun bank pembangunan dan Exim bank dan sebagainya.

Perdana Menteri juga telah memberi arahan baru-baru ini kepada SME bank dan lain-lain institusi kewangan yang berkaitan dengan kerajaan supaya jangan mengamalkan sikap diskriminasi terhadap ahli-ahli perniagaan bukan Melayu yang memohon pinjaman SME ini. Arahan Perdana Menteri memang tepat pada waktunya sebab masalah ini telah pun dibangkitkan oleh ACCIM ini dengan pengusaha-pengusaha bukan Melayu dalam pertemuan mereka dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya juga membaca berita bahawa sejak operasi awal tahun ini Bank SME sudah memberi pinjaman kepada kira-kira 90% pengusaha bumiputera yang terbabit dalam perusahaan SME di negara ini yang berjumlah kira-kira RM400 juta.

Ini memang haruslah digalakkan memandangkan tujuan kerajaan untuk mewujudkan visi bumiputera dalam bidang *commerce* dan industri ini. Tetapi kita perlulah menjurus kepada SME Bank, Bank Pembangunan dan Exim Bank ini untuk menyahut peringatan yang diberikan oleh Perdana Menteri supaya jangan diskriminasi kepada pengusaha-pengusaha yang lain. Jadi saya ingin tahu sekiranya 90% diberikan kepada pengusaha bumiputera, apakah peratusan yang diberikan kepada bukan bumiputera khususnya oleh SME Bank setakat ini.

Memandangkan SME Bank pun melalui belanjawan tambahan ini pun mendapat peningkatan modal berbayar dan dikatakan SME Bank akan menerima peruntukan sejumlah RM2 bilion yang merupakan satu dana yang amat besar. Jadi saya berharap kementerian boleh memberi statistik kepada Dewan ini supaya menghakis apa-apa sangsi buruk terhadap SME yang dikatakan menyusahkan pengusaha-pengusaha berkenaan. Tuan Pengerusi, saya juga mendapati di negeri Pulau Pinang yang menjadi satu tapak di mana 2400 SME beroperasi di negeri Pulau Pinang memainkan peranan yang amat besar untuk menyokong syarikat-syarikat MNC dalam sektor elektronik, *electricity* dan sebagainya.

Tetapi mereka juga menghadapi kekangan dari segi dana dan kekurangan dana ini telah menghalang SME di negeri Pulau Pinang ini untuk menerokai bidang R&D kerana kurang tanah dana ini. Mereka masih menjadi OEM kepada syarikat-syarikat tertentu tetapi mereka tidak maju setapak untuk meneroka bidang R&D dan sebagai sebuah bank yang dikatakan *Development Finance Institution*, SME Bank perlulah memberi perhatian kepada perkara ini sebab bukan di negeri Pulau Pinang sahaja, saya rasa SME memainkan peranan yang amat penting dalam menjana pembangunan industri di negara ini.

Jadi saya berharap SME Bank dapatlah membantu SME-SME yang berpotensi dalam bidang ini. Saya pun mendapati bahawa mengikut kajian yang sama cuma 16% SME yang dikatakan mendapat pinjaman-pinjaman untuk menjana operasi SME mereka ini merupakan satu peratusan yang amat rendah. Jadi apakah masalah yang menghindar SME dari mendapat pinjaman dari institusi kewangan yang berkaitan dengan kerajaan. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian untuk mengarah bank-bank ini untuk memudahkan lagi proses permohonan sama ada "*collateral*" adalah terlalu tinggi dan sebagainya bagi memudahkan SME mendapat *financing* daripada institusi-institusi ini. Sekian.

3.10 ptg.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk berbahas bagi Maksud B.12 di bawah Butiran 06000 iaitu mengenai sebanyak RM150 juta dikehendaki untuk membiayai tambahan tanah modal teroka bukan ICT, iaitu *venture capital*. Saya hendak tahu sejumlah RM150 juta ini ialah untuk mana? Iaitu bukan untuk ICT, *the venture capital fund* ini untuk siapa? Kerana ini adalah sangat penting kerana dalam proses pembangunan negara kita ini, khasnya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini, tanah teroka ini adalah sangat penting bukan sahaja di dalam IT, tetapi juga dalam industri *biotech* ataupun sektor-sektor yang tertentu. Kerana bagi saya, saya selalu mendapat rintihan, rungutan daripada pihak-pihak swasta bahawa Malaysia memang ada banyak *venture capital fund* tapi pada masa yang sama mereka tidak tahu macam mana untuk memohon, apakah kriteria-kriteria tertentu untuk membenarkan ataupun memberi peluang mereka untuk memohon *venture* ini dalam sektor-sektor tertentu.

So ini ialah satu isu dan saya berharap Kementerian memberi perhatian yang serius kerana dalam proses pembangunan negara kita ini memang tanah-tanah teroka ini yang sangat penting kerana bermula satu *seed fund*, *seed funding* macam satu dana permulaan untuk sesuatu sektor yang baru tetapi mempunyai potensi yang tinggi. Dalam masa yang sama kita juga hendak tahu bagaimana keberkesanan, adakah Kementerian telah membuat satu kajian dan analisis bagaimana tanah-tanah ini telah memberikan kesan, impak yang lebih positif kepada sektor-sektor yang mungkin di anjur oleh Kementerian seperti *bio-tech* ataupun ICT.

Saya masih ingat dalam tahun 1996 bila kita melancarkan MSC, kita telah menggunakan banyak tanah-tanah dan diteroka. Tetapi sampai hari ini saya tidak tahu tanah mana yang masih dipergunakan oleh sektor di MSC. Walaupun saya tahu ini mungkin tidak di bawah Kementerian Kewangan, tetapi tanah ini adalah sangat penting untuk sesuatu sektor yang saya anggap berpotensi, *growthnya* adalah sangat penting.

Maka dalam isu ini saya ingin tahu, untuk kes ini B.12 ini, RM150 juta ini adalah untuk siapa? Bagaimana kita boleh menyedarkan masyarakat berniaga ini untuk memasuki ataupun memohon tanah ini? Itu ialah mengenai tanah teroka bukan ICT. Tetapi dalam Butiran yang sama, mengenai RM120 juta adalah dikehendaki untuk menjelaskan pemberian berdasarkan tahap pembangunan ekonomi dan juga kesejahteraan hidup atau tahap kepada negeri-negeri. Saya hendak tahu ini untuk apa? Apakah aktiviti dia? Atau RM120 juta ini kepada negeri mana? Apakah tahap pembangunan ekonomi atau program yang telah disusun ini? Saya hendak tahu apakah latar belakangnya?

Dan untuk P.10 iaitu mengenai SME Bank yang telah dibahaskan tadi. Saya juga ada mendapat banyak rungutan dan juga rintihan bahawa cara untuk memilih ataupun memohon tanah ataupun di bawah SME Bank ini memang ada pelik sikit. Cawangan-cawangan lain mempunyai kriteria yang lain, mungkin cara untuk mengurus ataupun memproses permohonan pun lain. Sebagai contoh, saya dapati bahawa bila kita hendak memohon tanah ini ataupun SME Bank ini, kriteria yang pertama mereka hendak tengok senarai pekerja ataupun senarai *staff*. Saya tidak faham, saya berharap ini tidak berlaku tetapi kemungkinan besar yang berlaku mereka hendak tengok ini ialah kerana mereka hendak tahu adakah ini syarikat bumiputera ataupun syarikat bukan bumiputera.

So kita mesti menyahut apa yang telah disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa kalau kita betul-betul ingin menolong SME kita. Sebagai contoh, sebanyak 42% sumbangan ekonomi kita ini adalah datang dari SME. Ini adalah satu tahap yang rendah tetapi ada potensi untuk dibangunkan lagi. Kalau kita lihat di negara Jepun ataupun di negara Germany, kegiatan ekonomi ataupun sumbangan SME mereka tarik ke dalam GTP mereka adalah sebanyak 60% ataupun 65%. Ini bermakna ekonomi kita mesti ada potensi untuk dibangunkan kalau kita betul-betul boleh menolong SME di negara kita. Kalau kita melihat daripada senarai ataupun jumlah syarikat yang telah didaftarkan di bawah SME ini, saya difahamkan lebih daripada 520 ribu syarikat telah didaftarkan dan lebih daripada 90% daripada syarikat ini adalah terdiri daripada syarikat-syarikat SME.

Maka di sini saya hendak tahu dan saya berharaplah Kementerian melalui Kementerian Kewangan SME ini, mesti memberikan pinjaman-pinjaman tertentu mengikut kriteria-kriteria yang telah ditetapkan dan juga mestilah mengikut kriteria-kriteria yang lebih realistik, lebih *pragmatics*. Sebagai contoh kriteria yang paling penting sekali ialah mengenai kalau kita memberi pinjaman kepada sesuatu syarikat, kita mesti tahu adakah kemampuan ataupun keupayaan syarikat ini untuk membayar balik apa yang telah dipinjam. Bagi saya itulah yang sangat penting.

Yang kedua, kita mesti tahu apakah sektor-sektor, saya hendak tahu apakah sektor-sektor SME Bank, ada satu *limitation* atau satu had kepada pinjaman kepada sektor-sektor tertentu sahaja ataupun ianya terbuka kepada semua sektor di dalam sektor ekonomi kita? Kerana kalau kita hanya menghadkan dalam sektor-sektor tertentu, ini juga akan memberi satu tamparan yang hebat kepada sektor-sektor yang tidak di bawah senarai SME. So ini saya hendak tahu apakah sektor-sektor yang telah di bawa ataupun di bawah senarai SME bank ini yang tidak boleh dipinjam kalau ada. Saya berharap SME Bank ini mestilah membuka kepada semua sektor yang ada di dalam ekonomi negara kita.

Dan isu yang terakhir saya hendak tanya mengenai promosi. Sampai sekarang ini saya ingat kebanyakan syarikat SME di negara ini masih tidak tahu bagaimana ataupun di mana tempatnya, apakah cara yang paling mudah sekali untuk memohon pinjaman daripada Bank SME. Adakah Kementerian bercadang untuk memohon pinjaman melalui internet ataupun bercadang untuk memohon pinjaman ini secara mungkin *out-sourcing*. So mereka ini masih tertanya-tanya apakah caranya untuk kita kalau kita betul-betul untuk mensasarkan kepada semua SME, saya mencadangkan kepada Kementerian kalau boleh kita mesti, ada satu *website* di mana permohonan ini ataupun kelulusan ataupun notis

kelulusan ataupun kegagalan ini melalui internet supaya lebih ramai lagi lebih banyak lagi SME dapat menyertai pinjaman ini. Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

3.19 ptg.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya juga ingin mengambil bahagian di dalam Perbelanjaan Tambahan Pembangunan di bawah P.10 Butiran 04800 berkaitan dengan SME Bank. Tuan Pengerusi, seperti mana yang kita tahu sejak bank ini beroperasi banyak membantu pengusaha-pengusaha IKS sebagaimana matlamat bank ini.

Tapi saya ingin menyatakan di sini masih lagi terdapat rungutan daripada pengusaha-pengusaha IKS ini di atas kelewatan SME Bank memproses permohonan mereka. Walaupun dikatakan satu bulan setengah kalau tidak silap saya, tapi ada terdapat permohonan yang melebihi tiga bulan masih belum dapat jawapan walaupun pihak bank ini telah berurusan dengan pengusaha-pengusaha ini.

Yang kedua Tuan Pengerusi, berkaitan dengan permohonan ini juga. Didapati pihak bank perlulah memperbaiki lagi perkhidmatan supaya pihak bank dapat memberi penilaian yang secukupnya terhadap permohonan pengusaha-pengusaha ini kerana ada rungutan yang kita dapati bahawa pihak pengusaha mengemukakan pinjaman misalnya RM10 juta atau RM15 juta tetapi pegawai bank cuma memberi tidak sampai separuh daripada permohonan pinjaman itu sedangkan mereka tahu jika diberi sebanyak itu pihak pengusaha ini tidak dapat berbuat apa-apa.

Jadi saya berharaplah pihak bank supaya mengkaji sepenuhnya kerana matlamatnya untuk membantu bukan setakat hendak mendapatkan pinjaman sahaja tetapi bantuan atau pinjaman itu boleh memberi pengusaha ini mengembangkan perniagaan mereka seperti yang diharapkan. Jadi saya berharaplah pihak SME dapat memperbaiki lagi mutu perkhidmatan supaya penubuhan bank ini benar-benar mencapai matlamat untuk melahirkan ramai lagi pengusaha-pengusaha IKS. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

3.22 ptg.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengambil kesempatan ini untuk membahaskan di bawah Maksud P.10 04800 juga tentang SME Bank. Tuan Pengerusi, di dalam kita membicarakan tentang IKS, sudah tentu kita tidak dapat melupakan ataupun kita tidak dapat memisahkan tentang bagaimana kebergantungan sektor ini kepada SME Bank. Dalam penghujahan saya ini, saya ingin menarik perhatian tentang bagaimanakah kerajaan telah melihat tentang peranan SME Bank ini di dalam membangunkan IKS di dalam negara kita terutama di dalam memberikan kesempatan terbaik kepada IKS bumiputera dan juga kepada IKS bukan bumiputera yang sememangnya mereka layak untuk mendapatkan pinjaman dan bantuan daripada SME Bank ini.

Kita tidak boleh lagi tersasar dalam matlamat RMK-9 bahawa dalam menjelang tahun 2010 esok kita sekali lagi akan menangi dan melihat IKS ini masih duduk pada tahap yang lama dan tidak berganjak apatah lagi dalam kepentingannya untuk mencapai angka keramat 30% pemilikan bumiputera dalam penguasaan ekuiti negara masih jauh dan tidak kesampaian.

Tuan Pengerusi, dalam hal ini saya ingin mengambil contoh bagaimana kerenah birokrasi yang masih terdapat dalam pengurusan SME ini terutama kepada mereka yang sangat memerlukan. Saya bersetuju dengan rakan saya tadi Yang Berhormat bagi Puchong sebagai contoh yang telah mengaitkan dan mengambil contoh tentang negara maju seperti Jepun, Korea dan seperti juga negara Eropah, Jerman dan juga negara-negara *Scandinavian* yang kita dapati bahawa keberhasilan mereka dalam menjana IKS ini dan menyumbang kepada 60% hingga 70% kepada pendapatan negara menunjukkan betapa mereka sangat peka kepada pembangunan IKS ini.

Di Jepun dan Korea sendiri kita lihat bagaimana ia bermula dalam bentuk *cottage industry* ataupun industri yang berbentuk pondok-pondok ini yang akhirnya kita melihat menjadi gergasi besar. Honda, Toyota dan Mitsubishi sebagai contoh berasal daripada IKS yang kecil tetapi mereka telah bangun dan dapat membeli dunia dengan jenama-jenama yang hebat ini. Maka dengan itu kalau kita melihat tentang masa depan IKS di dalam negara kita sebagai contoh, kita melihat bagaimana peranan SME Bank ini yang pada saya masih gagal lagi untuk memberikan suatu suntikan baru kepada pembangunan IKS dalam menjana kekuatannya apatah lagi untuk menempatkan dirinya dalam pasaran nasional dan juga mampu bersaing dan menjadi lebih kompetitif di dalam pasaran di peringkat global. Itu belum lagi kita bincang bagaimana IKS kita mampu bersaing ataupun tidak dengan jenama-jenama lain daripada luar negara apabila lambakan-lambakan barangan luar negara ini akibat daripada FTA, AFTA dan seumpamanya.

Tuan Pengerusi, sebagai contoh yang dekat dengan kita adalah bagaimana dan adakah kerajaan telah memantau dengan serius tentang bagaimanakah hasil-hasil yang dikeluarkan oleh IKS ini dapat ditempatkan dalam *hypermarket* kita. Ini contoh yang paling dekat. Kalau ini pun kita tidak boleh berjaya maka bagaimana kita ingin bicara tentang visi dan misi yang lebih besar dalam kita mengangkat ataupun memartabatkan IKS dalam negara kita.

Oleh itu saya melihat tentang bagaimana peranan yang mesti dimainkan oleh SME Bank ini. Saya lihat dari segi orientasi pegawai-pegawainya mestilah melihat dalam bentuk yang lebih proaktif bukan sekadar melihat tentang individu yang datang ke bank ini hanya memerlukan pinjaman semata-mata tetapi bagaimanakah dari segi elemen kaunseling yang lebih profesional membangunkan jiwa dan minda mereka, membangkitkan suatu pendekatan modal insan yang lebih baik. Saya rasa ini input-input baru yang semestinya dibekalkan kepada individu-individu yang bertanggungjawab khususnya pegawai-pegawai yang terlibat dalam bank ini dan juga yang terlibat dalam membangunkan IKS ini.

Kita tidak boleh hanya duduk pada tahap yang lama dan kita hanya menjalankan kerja, hanya fotostat kerja daripada orang dahulu dan kita kemukakan hanya sebagai melepaskan batuk di tangga. Kalau dengan inilah paradigma kita maka saya melihat bahawa usahawan bumiputera ini dalam bidang IKS ini masih jauh daripada matlamat untuk dapat menguasai dan membantu menjana ekonomi dalam negara kita.

Kita melihat tentang sebagai contoh, adakah kita telah merebut peluang-peluang di mana kita melihat bagaimana Dubai sekarang ini sebagai contoh, yang telah menjadi satu *distribution centre*. Dubai telah mengubah imejnya daripada imej padang pasir kepada satu imej kumpulan-kumpulan korporat, ahli-ahli perniagaan di peringkat global bertumpu ke Dubai melambakkan barangan mereka dan menjadi satu *distribution centre* yang sangat aktif dan sangat proaktif pada hari ini.

Maka adakah kita yang terlibat dengan IKS ini pada mereka yang bertanggungjawab menteri yang berkenaan mengambil kesempatan ini bagaimana kita meletakkan nama kita dan IKS kita. Adakah kita telah dapat bersaing ataupun kita menjadi sebahagian daripada *player* di dalam satu permainan perniagaan yang lebih besar ini. Jadi saya mengharap perkara-perkara yang saya sebutkan tadi dapat diambil perhatian supaya matlamat kita kepada sektor IKS ini akan dapat menjadi satu kenyataan pada masa yang akan datang.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, kepada Maksud B.12 tentang kumpulan wang cadangan untuk negeri-negeri ini...

Tuan Pengerusi: Belum lagi.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Belum lagi? Jadi setakat itu Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Pensiangan.

3.29 ptg.

Tuan Bernard S. Maarat @ Ben [Pensiangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih kerana memberi saya peluang juga untuk mengikut perbincangan mengenai dengan peruntukan tambahan ini. Saya hanya menyentuh mengenai dengan Butiran P.10 mengenai 13000 mengenai Cyberview Sendirian Berhad peruntukan tambahan sebanyak RM31, 272,000 dibayar kepada Cyberview Sendirian Berhad.

Saya difahamkan kalau kita lihat daripada segi peruntukan yang telah diberi kepada Cyberview ini daripada peringkat permulaan lagi, kita lihat di sini telah memberi peruntukan yang agak besar iaitu tahun 2005 sahaja kita nampak RM962 juta yang telah diperuntukkan dan sekarang ini kita dalam anggaran bagi tahun 2006-2010 adalah RM100 juta untuk Cyberview ini.

Kita difahamkan Cyberview ini daripada peringkat permulaan lagi adalah satu institusi yang perlu dibangunkan sebagai satu pusat *entertainment* ataupun *Hollywood of the East* ataupun *Bollywood* dan sebagainya, ada persamaan. Tetapi pada setakat ini saya ingin tahu daripada Jabatan Perbendaharaan, apakah kejayaan yang telah dicapai oleh Cyberview dalam kita mempertingkatkan atau dalam kita membangunkan infrastruktur dan fasiliti di kawasan tersebut.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Kita difahamkan pusat-pusat ataupun organisasi ini sepatutnya telah mendirikan industri filem kita ataupun industri perfileman ataupun industri televisyen dan sebagainya. Tetapi setakat ini saya rasa kita hanya memberi peruntukan-peruntukan yang sedemikian besar tetapi belum kita nampak lagi institusi yang amat berkesan. Jadi saya melihat daripada aspek ini, Cyberview ini ataupun pusat yang perlu dibangunkan ini adalah satu pusat yang saya rasa gagal pada masa kini dan kita memang mahu tahu, mungkin rakyat mahu tahu juga apakah ini telah perkembangan semasa pada masa kini.

Kalau kita lihat lagi gagalnya hingga kini sebelum ada tanda-tanda yang boleh kita banggakan semua ini. Rakyat difahamkan Cyberview ini sepatutnya telah boleh mengubah dari segi *entertainment* dan sebagainya, lebih-lebih lagi kita bila dalam arena ataupun spektrum WTO ini di mana *entertainment* ataupun industri-industri perfileman daripada luar negara akan bersaing di negara kita dan kalau kita tidak berdaya saing, tidak berdaya maju dan tidak berdaya tahan, saya pasti Cyberview ini juga akan menjadi satu lagi "gajah putih" yang hanya memohon permintaan-permintaan sebesar itu. Rakyat ingin tahu sejauh manakah kejayaan Cyberview yang telah dicapai setakat ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bagan, selepas ini kementerian menjawab.

3.32 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Pengerusi, B.10, bolehkah Yang Berhormat memberitahu apa itu Kumpulan Wang Amanah Pencen? Apa peranan dan tujuan perbadanan ini? Itu satu pertanyaan saya sebab saya tidak faham apa dia.

Yang B.12, RM300 juta untuk membiayai tambahan dana Tabung Untuk Makanan. Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya, PFA iaitu *pig farming area* khususnya di Pulau Pinang, Melaka dan Negeri Sembilan kerana negeri-negeri ini telah mengisytiharkan bahawa ladang-ladang menternak khinzir akan ditutup dan sekiranya ditutup maka bekalan makanan ini tidak akan diadakan, maka kita perlu mengimport makanan ini. Juga ada satu cadangan di mana *pig farming area* akan diwujudkan di Pulau Pinang, Melaka dan Negeri Sembilan, saya ingin tanya apa perkembangan berkenaan dengan PFA ini.

Yang B.12, tajuk kepala kecil nombor 3 iaitu Kumpulan Tabung Pinjaman Pelajaran. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu setakat ini berapa jumlah tunggakan yang belum dibayar balik oleh penuntut-penuntut atau pelajar-pelajar yang meminjam pinjaman pelajaran ini? Sekian sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, sila.

3.34 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Banyak juga yang hendak saya jawab ini, kalau boleh diizinkan, kalau tidak secara tersusun rapi, saya minta maaf.

Pertamanya, Yang Berhormat bagi Jerai saya harap tidak tidur. Saya hendak jawab. Kalau tidur, saya tidak jawab. *[Ketawa]* Tidur atau tidak?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tidak, khusyuk!

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Tidak. *[Ketawa]* Yang Berhormat bagi Jerai sebenarnya telah menimbulkan soal-soal yang berhubung kait dengan Bank Negara dan bank-bank yang lainnya sebenarnya tidak ada dalam butiran ini, tetapi oleh kerana Yang Berhormat sahabat saya, kalau tidak ada bangkangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, saya boleh menjawab. Saya takut nanti ada bangkang kata. Boleh ya?

Okay, Yang Berhormat, sebenarnya tentang perbezaan operasi bank-bank luar negara dan bank-bank tempatan ini sememangnya wujud kerana bank-bank luar negara ini bank milik asing yang beroperasi di negara kita ini sememangnya mempunyai struktur yang berbeza daripada bank-bank kita. Bank-bank tempatan kita mempunyai rangkaian yang luas, cawangan yang banyak, beribu-ribu, manakala bank-bank luar negara pada sebelum ini tidak dibenarkan membuka cawangan-cawangan baru. Kebanyakan mereka mempunyai hanya satu, dua cawangan sahaja.

Oleh itu oleh kerana apa yang berlaku dalam sejarah di mana pada masa itu Malaysia mungkin – Malaya pun pada masa itu – tertumpu di pusat-pusat bandar kerana luar bandar pada masa itu mungkin tidak membangun seperti mana yang wujud sekarang, maka semestinyalah bank-bank yang dibina atau ditubuhkan pada masa itu tertumpu di bandar-bandar. Oleh itu selepas sekian lama dasar tidak membenarkan mereka membuka cawangan di tempat-tempat lain maka hari ini kita lihat seolah-olah bank-bank milik asing ini hanya berpusat di bandar-bandar sahaja. Tetapi ini adalah juga disebabkan oleh dasar kita sendiri.

Hari ini sesetengah bank asing, sebahagian daripada proses liberalisasi kita, sektor kewangan kita membenarkan mereka membuka dua, tiga cawangan dengan syarat-syarat yang dipenuhi oleh mereka dan kalau mereka ingin membuka cawangan, kita terpaksa pula sekurang-kurangnya satu daripada cawangan ini mestilah dibuka di luar bandar. Jadi ini tidak timbul lagi soal pilihan yang ingin dibuat oleh bank-bank milik asing ini.

Tentang keperluan minimum yang dikenakan oleh bank-bank ini, saya rasa ini adalah satu ruang yang fleksibiliti yang diberikan. Kita dalam suasana hari ini di mana soal-soal kewangan dan perbankan tidak seharusnya dikendalikan begitu *rigid* kerana seluruh dunia sudah berubah. Kita tidak mahu lagi tetapkan setiap bank mesti menggunakan minimumnya RM500 ke, tidak boleh berganjak dan sebagainya. Kalau bank asing mengenakan jumlah minimumnya lebih tinggi tidak mengapa. Mengapa harus kita khawatirkan sangat? Kita sudah mempunyai banyak bank tempatan kita yang pun ada di segenap pelosok, kebanyakan. Jadi biarlah orang-orang kita pergi beroperasi dan berinteraksi mengendalikan perniagaan dan urusan perbankan ini dengan bank-bank tempatan, tidak menjadi masalah. Saya tidak nampak ini satu masalah yang besar.

Soalan yang kedua yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Jerai iaitu kelewatan *delivery*. Memang...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: *[Bangun]*

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Sekejap ya, Yang Berhormat bagi Puchong. Nanti saya jawab Yang Berhormat bagi Puchong, Yang Berhormat bagi Puchong hendak tanya pun, tanyalah.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Tidak apa, tidak apa, Yang Berhormat bagi Puchong. Jangan banyak sangat tanya sebab ini pun sudah terkeluar daripada butiran mengenai Bank Negara. Kita tidak hendak banyak sangat tertumpu di situ. Yang Berhormat bagi Jerai pun *happy*, senyum, suka hati. Mengapa Yang Berhormat bagi Puchong tidak suka hati? Yang Berhormat bagi Jerai suka hati.

Tentang *delivery system* ini, sebenarnya kita ada beberapa faktor mengapa masa yang diperlukan untuk mengendalikan satu-satu projek. Kita jangan lupa bukan semuanya kewangan. Jangan anggap kewangan semata-mata. Memang kewangan satu faktor penting tetapi kita juga kadangkala terlibat dengan pengurusan tanah dan soal-soal tanah.

Keduanya soal meletakkan skop kerja ini. Ini juga ditetapkan oleh agensi-agensi pelaksana dan kadangkala JKR yang menentukan. Kadangkala umpamanya soal projek-projek Rancangan Malaysia Kesembilan, kita sudah mengalami sedikit masalah di mana sesetengah projek, skop yang ditentukan atau dicadangkan hari ini melebihi daripada skop ataupun siling yang ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Jadi ini sudah tentu akan melibatkan proses dikembalikan semula, datang semula dengan skop yang bersesuaian kerana pada peringkat awal Rancangan Malaysia Kesembilan ini pun, kalau kita sudah membenarkan skop-skop ini melebihi siling-siling yang ditetapkan, maka ia akan menyebabkan masalah – masalah kewangan, masalah disiplin dan sebagainya.

Jadi saya difahamkan bahawa kebanyakan kes-kes kelewatan ini tidak semestinya berhubung dengan kewangan semata-mata. Bahkan saya boleh memberi jaminan di sini kerana saya sudah pun mengadakan perbincangan di peringkat kementerian bahawa masalah kewangan tidak ada masalah.

Peruntukan untuk Rancangan Malaysia Kesembilan ada, peruntukan untuk tahun 2006 ada, bekalan tambahan juga kita sedang bahaskan yang di luar daripada *budget-budget* ini itu soal lainlah. Tetapi apabila ia sudah ditetapkan melalui Rancangan Malaysia Kesembilan dan pelaksanaan dalam tahun 2006 ini, insya-Allah kewangan tidak akan ada kekangan bukan 'kangkangan'. Kekangan ini *constraint*lah Yang Berhormat. Oklah Yang Berhormat bagi Puchong apa lama sangat berdiri Yang Berhormat bagi Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang arif tentang hal-hal kewangan dan juga perbankan negara. Mengenai perkhidmatan bank-bank asing dan juga bank-bank tempatan memang saya setuju dengan apa yang dipanggil oleh Yang Berhormat bagi Jerai tadi, walaupun bukan dalam butiran ini mengenai bank-bank di luar negara seolah-olah ada satu sistem diskriminasi terhadap pengguna ataupun rakyat kita. Tetapi sedarkah Yang Berhormat Timbalan Menteri walaupun bank-bank tempatan mereka masih mempunyai perancangan atau tindakan yang juga tidak memberikan manfaat yang baik kepada pengguna ataupun rakyat kita sendiri. Sebagai contoh sedarkah Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa sebuah bank tempatan yang besar, telah ada rancangan untuk mengenakan *fee* sebanyak RM2 untuk setiap pengeluaran wang yang kurang daripada RM4,500.

Saya hendak tanya mengapa mereka hendak memberi bebanan kepada rakyat Malaysia, dan saya masih rasa sangat sakit hati bila pengarah/pengurus bank itu telah mengatakan bahawa dengan tindakan ini dia akan memberikan keuntungan kepada bank sebanyak 150 juta dengan transaksi ini. Dan tujuan mereka berbuat demikian ialah dengan alasan bahawa kita akan menggalakkan rakyat kita menggunakan ATM *machine*. Tetapi sedarkah Yang Berhormat ATM *machine* kalau penghujung bulan mesti jam untuk bank itu. Saya tidak mahu namakan bank itu saya ingat Yang Berhormat tentu sudah tahu. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan apakah dasar kita untuk melindungi rakyat kita khususnya di kawasan-kawasan luar bandar ataupun golongan-golongan miskin di bandar ataupun golongan yang berpendapatan rendah. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Puchong. Memang saya tidak nafikan masih ada lagi perkara-perkara yang harus diperbaiki dari segi kelicinan urus niaga, dari segi keberkesanan, dari segi mesra pelanggan dan sebagainya.

Dan ini saya rasa juga tidak dapat menafikan bahawa perubahan sudah ada. Bukan mengatakan bahawa perkhidmatan perbankan kita masih kekal manakala dunia sudah banyak berubah kita masih lagi tidak berubah. Sudah ada macamlah perkara-perkara lain, dan saya merasa saya tidak berdiri di sini untuk mengatakan bahawa segala-galanya sudah sempurna. Dan kalau Yang Berhormat mempunyai kes-kes tertentu, tadi Yang Berhormat kata tidak mahu sebut nama dan sebagainya maka Yang Berhormat boleh menulis surat kepada kementerian, kepada saya ataupun kepada Bank Negara. Kalau ianya berhubung dengan satu-satu bank, satu-satu amalan bank yang dirasakan mungkin tidak menepati dasar dan hasrat kerajaan.

Keduanya kita juga menggalakkan persaingan kalau ada sesetengah bank yang bersikap tidak mesra pelanggan, yang bersikap tidak begitu berkesan dengan pelanggan maka bank-bank lain ada. Kita juga harus mempunyai pelanggan-pelanggan (*customer*) yang dapat melihat, yang dapat menilai, yang dapat memberi perniagaan kita, urus niaga kita kepada bank-bank yang lebih efisien. Inilah satu-satu cara juga kita menyuarakan pandangan, hasrat kita supaya apa yang dikehendaki oleh pengguna ini dapat dipakai.

Saya baru soalan pertama, saya minta tangguh dahulu Yang Berhormat sebab saya banyak ni, nanti saya tidak terjawab pula soalan-soalan lain. Yang mana lebih penting pada saya hari ini, satunya soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Tanjong dan juga Yang Berhormat-Yang Berhormat lain berhubung dengan SME Bank.

Saya rasa ini merupakan satu isu yang agak terserlah hari ini baik di akhbar-akhbar dan juga melalui soalan-soalan Parlimen yang saya lihat yang dikemukakan. Iaitu kedudukan SME Bank dan kedudukan sama ada bank-bank yang ingin membantu SME ini, IKS ini menepati hasratnya supaya tidak menyulitkan, tidak menyukarkan dan satu lagi ialah dari segi kelihatan wujudnya diskriminasi antara kaum melalui pemberian pinjaman oleh SME ini. Jadi pertamanya saya ingin menyatakan secara umum bahawa hasrat atau dasar kerajaan untuk membantu golongan bumiputera itu masih wujud, masih tidak terhapus. Jangan kita anggap bahawa kita berada dalam suasana yang kita anggap semuanya ini sama sahaja. Ada pada dasarnya untuk membantu golongan bumiputera terutamanya golongan bumiputera yang merupakan IKS, peniaga-peniaga kecil. Itu pertama.

Yang keduanya, saya ingin Yang Berhormat semua melihat sesuatu perkara dari kaca mata yang lebih luas, yang lebih besar jangan tertumpu kepada satu-satu dan melihat segala masalah tertimbun, tertumpu kepada sesuatu tersebut secara sempit. Kalau kita lihat pinjaman kepada IKS, kepada SME ini, SME Bank satunya cukup kecil cuma RM2 bilion sahaja. Portfolionya hari ini RM2 bilion dan separuhnyanya, sebenarnya dibawa dari Bank Pembangunan yang dahulu. Jadi yang dia baru baginya kurang dari RM1 bilion. Jadi kita duduk bercakaran mengenai portfolio sebanyak RM1 bilion yang baru diberi berbanding dengan jumlah pinjaman dalam negara ini ialah RM574 bilion. RM574 bilion pinjaman yang diberikan oleh sistem perbankan dalam negara ini.

Dan saya merasakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang begitu peka kepada kedudukan orang-orang Melayu bumiputera juga sepatutnya bertanya RM574 bilion ini bagaimana pecahan dia? Kumpulan bumiputera berapa, yang bukan bumiputera berapa? Tidak ada yang tanya. Sahabat saya dari Kubang Kerian juga tidak bertanya saya harap dia tadi bertanya kerana saya tahu dia cukup peka. RM574 bilion ini hanya 29% sahaja bumiputera, 62% adalah bukan bumiputera. Jumlah SME *loan* yang diberikan oleh sistem perbankan bukannya SME Bank yang satu bilion inilah adalah sejumlah RM102 bilion untuk bukan bumiputera 80.8 bilion ataupun 80% untuk bumiputera hanya 18.2 bilion - 18%. Betul SME Bank memberi untuk hari ini 80% kepada bumiputera dan 20% kepada bukan bumiputera. Tetapi 80% daripada portfolio yang tidak sampai RM2 bilion. Exim Bank samalah dengan SME Bank, Bank Pembangunan Industri yang sepatutnya membantu golongan-golongan kecil ini portfolio, Exim Bank 66% adalah bukan bumiputera, 34% adalah bumiputera.

Jadi saya menyeru Yang Berhormat-Yang Berhormat kadangkala kita terlupa atau terlepas pandang. Kerana saya bimbang sedikit-sedikit kita ungkit soal kaum, perbezaan mengapa tidak kumpulan bukan bumiputera diberi, jangan diskriminasikan. Tetapi kalau kita lihat fakta-fakta ini siapa sebenarnya yang kelihatan didiskriminasikan. *Appearing*, sebab saya tidak mahu jelaskan bahawa pemberian sehingga 80% ini adalah satu tindakan

yang merupakan tindakan diskriminasi. Tetapi kelihatan, jadi saya tidak mahu lagi jawab soalan-soalan yang sama sekali tidak membayangkan keadaan sebenarnya. Ok, Yang Berhormat bagi Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memang saya terkejut kalau *figure* yang telah diberikan itu tetapi kalau kita lihat balik kepada soalan ataupun persoalan yang asas. Saya hendak tahu apakah tujuan dan matlamat utama SME Bank? Adakah ini untuk SME Bank untuk menolong SME dalam sektor-sektor tertentu ataupun kita menubuhkan SME Bank ini semata-mata untuk membantu sektor ataupun SME secara keseluruhan supaya kita boleh membantu syarikat SME bersaing dengan syarikat-syarikat SME daripada negara lain ataupun memberi satu peluang kita untuk bersedia terhadap gelombang-gelombang liberalisasi ataupun globalisasi sekarang ini. Ini adalah satu persoalan yang asas sekali. Boleh saya mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang arif dalam perbankan ini, terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Tuan Yang di-Pertua, seharusnya itulah yang kita harus tumpukan, masalah di hadapan kita masalah dalam negara kita adalah terlalu besar dan terlalu luas. Jangan kita cuba sempitkan, jangan kita habiskan masa yang tidak produktif dan mencari-cari kesalahan sesama kita melihat sekeliling kita, melihat tepi kain kawan kita padahal cabaran kita adalah lebih besar dan kalau kita lihat kedudukan negara kita berbanding dengan negara-negara lain dunia ini pun sudah cukup membimbangkan kita, sudah cukup seharusnya meningkatkan semangat kita, iltizam kita. Jadi saya harap Yang Berhormat-Yang Berhormat yang bertanya tentang kedudukan. Satu lagi tentang *collateral*, saya ada satu maklumat yang ingin saya berikan iaitu dari segi *collateral* SME ini saya beri contoh ya. Pinjaman yang dikeluarkan oleh SME Bank ini 60 peratusnya adalah *clean, clean* ini bersih, tidak ada cagaran. 40.....

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tangga Batu hendak beri jalan atau tidak Yang Berhormat?

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tangga Batu?

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]: Sekejap...40 peratusnya adalah berdasarkan kepada cagaran itu pun cagaran yang kurang daripada 100 peratus. Ini statistik-statistik yang berguna jadi saya kena sebutkan supaya...Yang Berhormat Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih juga sekali lagi kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberikan angka-angka yang membuka mata dan saya percaya fakta-fakta dan angka-angka tadi memang benar-benar dapat menjelaskan dengan sejelas-jelasnya apakah kedudukan sekarang. Jadi Yang Berhormat apabila Yang Berhormat memberikan pecahan-pecahan mengikut bumiputera dan bukan bumiputera tadi dan kita dapat melihat di manakah kedudukan yang sebenarnya. Kalau boleh Yang Berhormat boleh berkongsi juga fakta dari segi *performance*, dari segi prestasi di antara bukan bumiputera dan bumiputera dalam bentuk pengagihan pinjaman-pinjaman tadi. Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak ada agihan seperti mana Yang Berhormat minta kalau kita ambil ingatan, mungkin dalam keadaan yang lain ini dapat kita ketengahkan. Saya ingin menyebut tentang soal beberapa perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Puchong atau sahabat saya dari Puchong ini yang sentiasa....tidak perlu cakap, "up" Tuan Yang di-Pertua.

Yang pertamanya mengenai dana modal teroka bukan ICT, ini sebenarnya ialah merupakan peruntukan *venture capital* kepada MTDC, Malaysian Technological Development Cooperation supaya menyediakan tabung-tabung untuk bidang-bidang yang bukan ICT iaitu bioteknologi pertanian, perubatan, bidang-bidang baru. Sama ada soal berkesan tabung-tabung kita ICT dan sebagainya, saya rasa penjelasan yang lebih lanjut

mungkin kementerian yang berkenaan boleh beri kalau Yang Berhormat ingin mendapat kemudiannya. Tetapi saya mempunyai statistik umpamanya dari segi syarikat-syarikat MSC yang kita ingin bangunkan, saya dimaklumkan bahawa kita ada 1,566 syarikat MSC hari ini. 1,566 dan 76 nya merupakan MSC *Multinational Cooperation*, 76 ya dan jumlah pekerja ialah 31,000. Jadi mungkin ini tidak kecil soal sama ada dia berkesan dan sebagainya itu boleh kita bincang selanjutnya. Mengenai tahap ini sebenarnya Yang Berhormat Kubang Kerian ini pun sentuh sedikit ini tadi tetapi dia ingat tidak ingat sampai lagi, memang sudah sampai pun sudah terlepas sudah pun.... [Ketawa]

Tahap ialah geran yang diberikan oleh Kerajaan Pusat kepada kerajaan-kerajaan negeri, bantuan yang diberikan untuk menjalankan projek-projek dan sebahagian merupakan pemberian untuk menjalankan perbelanjaan pengurusan, *operating*. Kerana apa? Kerana pelaksanaan projek-projek Kerajaan Pusat di negeri-negeri masing-masing. Sesetengahnya itu mungkin juga ditanggung dari segi beban kerja dan tugas oleh kerajaan negeri.

Yang Berhormat Puchong ada menyebut tentang pembahagian pinjaman-pinjaman SME ini kepada sektor-sektor mana? Saya hendak sebut *services* (perkhidmatan) - 58 %, *manufacturing* - (36%) dan *construction* - (6%). Jadi sewajar dengan penekanan kerajaan hari ini tumpuan kita kepada *services and manufacturing* ini merupakan dua sektor utama yang diberikan oleh SME Bank. Bagaimana peniaga-peniaga kecil ingin mendapat pinjaman SME. Memang SME Bank ada mewujudkan pejabat dia di seluruh negara. Di setiap ibu negeri ada, kita jemput semua mereka untuk ke sana dan cadangan untuk mewujudkan *internet banking* dan sebagainya, *processing* dan sebagainya saya rasa ini adalah sesuatu yang boleh dipertimbangkan kemudian. Jangan lupa bahawa SME Bank ini secara barunya, cara entiti barunya baru ditubuhkan dalam bulan Oktober 2005, tidak berapa lama ya. So dia akan memakan masa sedikit tetapi saya yakin lama-kelamaan ia akan dapat memperbaiki keadaan.

Yang Berhormat bagi Parit - dari segi masa memproses agak panjang, Yang Berhormat kata memang ini kita akui bahawa sesetengah itu agak panjang dan kita sedang memperbaikinya, tambah-tambah lagi SME Bank ini adalah dalam proses baru. Sekarang dari segi puratanya kalau kita lihat apabila semua maklumat itu sudah sampai, sudah *complete, application complete* dengan izin maka jumlah masanya secara purata antara 7 minggu hingga kepada sebulan setengah, ini apabila maklumat cukup tetapi maklumat tidak cukup, sebulan lagikah itu, ini yang susah.....

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Putatan bangun Yang Berhormat.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Walau bagaimanapun, kita sedang berusaha. Sekejap Yang Berhormat saya beri, sekejap ya.....khidmat, satu keistimewaan mungkin Yang Berhormat bertanya apa bezanya ini, SME Bank dengan bank-bank lain dengan Bank Pembangunan dahulu apa bezanya, nanti buat pun sama juga katanya yang baru. Satu perbezaan ketara selain daripada dahulunya, Bank Pembangunan dahulu dia hanya mengendalikan tabung-tabung kerajaan tetapi SME Bank bukan sahaja mengendalikan tabung-tabung yang aktifnya yang lebih 20 tabung, macam-macam tabung tetapi juga dia menggunakan kewangan sendiri, portfolio sendiri untuk memberi pinjaman secara khusus, secara kategori-kategori tertentu, secara *francais* kah, kontrak kah, dia ada pula ini satu keistimewaan di mana, *even the main line of business* dengan izin tertumpu kepada menyediakan kemudahan kepada SME.

Keduanya ia akan memberi tumpuan kepada khidmat nasihat, *advisory services*. *Advisory* ini penting dan akan wujudkan di seluruh negara ini, setiap negeri dia akan ada satu khidmat nasihat dan khidmat nasihat ini akan juga menggunakan pelanggan-pelanggan SME terutama sekali yang sudah berjaya, peniaga kecil. Kita akan rangkumi dalam satu *networking* supaya pusat khidmat ini dengan rangkaian ini dapat bekerjasama, dapat mengembangkan lagi supaya lebih ramai yang akan masuk, lebih ramai yang berjaya, lebih ramai yang dapat membayar balik hutang-hutang SME dan saya rasa ini adalah sesuatu yang agak menarik, *exciting* untuk perjalanan SME di masa akan datang, silakan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasihlah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberi kami penjelasan yang begitu jitu, tentang pinjaman SME ini. Tetapi Yang Berhormat, bumiputera-bumiputera di Sabah ini, saya telah mendapat beberapa rungutan daripada Ahli-ahli Dewan Perniagaan Bumiputera Sabah, termasuklah mencadangkan kepada saya di Dewan yang mulia ini, yang saya ada buat, yang pinjaman mikro kredit ini, kami Ahli Dewan telah menjadi mentor kepada beberapa pemohon mikro kredit ini. Kami telah membuat surat rayuan, kita memberi kertas kerja, dan apabila dikemukakan permohonan itu Yang Berhormat, dikatakan peruntukkan wang itu sudah habis.

Jadi bagaimana pendirian kementerian yang membantu bumiputera yang berada di Sabah dan Sarawak ini. Kerana ini kita minta dia punya statistik, berapa ramai, berapa jumlah yang dibagi. Kita diberitahu begitu jumlah yang boleh dipohon. Setiba-tiba tidak ada peruntukkan itu, siapa memohon dan kenapa tidak di bagi kepada pemohon-pemohon ini. Dan ada yang dibagi sikit, RM10 ribu, RM20 ribu, tetapi itu sahaja, yang lain itu tidak dapat. Dan masalah pula, yang mentor yang kena kejar sekarang. Jadi masalah Yang Berhormat katakan ada pakar nasihat, khidmat, mana dia? Jangan kita cakap sahaja di dalam ini, tetapi apa yang berlaku dalam, di bawah sana, tidak ada. Ini sudah janji dari RMK-8 lagi, khidmat nasihatlah, itulah, mana ada. Jadi saya minta penjelasan...

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Cukup Yang Berhormat saya faham.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: ...supaya ada cadangan, supaya ada kuota, *special* kuota bagi negeri Sabah dan Sarawak.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Ini mikro kredit ini, tidak ada kena mengena dengan SME bank. Sudahlah tidak ada kena mengena dengan butiran dalam perbincangan kita. Ini Yang Berhormat ini bila ada orang suruh bawa usul ini, bawa saja, tidak tahu di mana tempatnya, lepas itu hendak bercakap pula, seolah-olah hendak menyalahkan kita pula. Mana kerajaan, ini tidak kena-mengena. Ini mikro kredit ini, soal lama, soal pemberian melalui BSN, dulu yang pinjaman RM5 ribu. Mikro kredit ini yang kecil-kecil, yang Amanah Ikhtiar, yang TEKUN, yang melalui BSN, melalui Bank Rakyat pun kalau tidak silap saya. Itu sudah habis peruntukkan Yang Berhormat, memang ada, tetapi oleh sebab begitu menarik, oleh sebab begitu senang, oleh sebab kerajaan mempunyai niat yang terlalu baik, maka habis disapunya dalam masa yang sekejap. Jadi memang orang ingat RM1billion, banyak, tiba-tiba hendak pergi, memang habis. Tetapi tidak kena-mengena dengan khidmat nasihat yang saya beri ini. Ini SME Bank yang hendak beroperasi, hendak mengembangkan, yang mempunyai potensi, yang merasakan bahawa khidmat nasihat ini adalah sesuatu yang penting.

Kalau kita bagi pinjaman sahaja, macam bank-bank perdagangan lain, macam institusi kewangan yang lain, nanti Yang Berhormat pula marah dekat kita, bagi sahaja lebur. Ini bagi, lepas itu wujudkan khidmat nasihat, Yang Berhormat kata mana ada, tidak ada guna satu sen pun semua, tidak kena juga. Jangan Yang Berhormat, kalau hendak tanya, tanya elok-elok, saya pun jawab elok-elok, supaya kita mewujudkan silaturahim yang kukuh ini antara kita bersama.

Jadi saya teruskan kepada Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, ada menimbulkan...Yang Berhormat bagi Kepong nampak sudah tidur. Kalau orang dia marah, kalau dia tidur...tidur ke Yang Berhormat?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Mata tutup, dia punya fikiran jalan.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Tak, dia malu sebab ramai yang tengok ini, Pegawai-pegawai kerajaan hendak tengok Ahli-ahli Yang Berhormat yang bekerja kuat seperti Yang Berhormat bagi Kepong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Timbalan Menteri.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Okey, ini Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, sebenarnya Yang Berhormat bagi Kubang Kerian ini banyak menyentuh umumlah, tetapi saya hendak jawablah sebab dia sahabat saya. Dari segi menepati sasaran, matlamat, bersih, ikhlas, memang betul-betul, dan kita memang ada, saya tidak hendak

menyatakan apa yang dilakukan oleh kerajaan ini sudah 100% berjaya. Ada yang kurang berjaya, ada yang berjaya. Tetapi kalau kita lihat dari segi percubaan yang hendak dibuat oleh kerajaan dari segi berbagai-bagai institusi, berbagai-bagai kemudahan, dengan penubuhan MASDEC nya, supaya yang kecil-kecilnya menjadi besar, supaya dapat bersaing di peringkat *regional* kalau tidak antarabangsa. Ini tujuannya, jangan kecil selamanya kecil, supaya dia dapat pergi *listing*, dapat modal yang lebih, dapat berkembang, dan kita ada syarikat-syarikat kita yang sudah tersenarai dalam MASDEC yang sudah berjaya di peringkat antarabangsa. Yang mana pelanggan hari ini, syarikat-syarikat IT yang mana lebih pelanggannya berada di luar negara, daripada kita. Ada, tetapi tidaklah ramai, tidaklah sebanyak yang mana kita boleh bergembira, melompat-lompat. Tetapi ada, tetapi ini yang penting, kita ada berbagai-bagai tabung, kita ada CGC, *venture capital*, Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Dalam Negeri, untuk *trading, retail trade* dan sebagainya. Maka kita ada, Insya-Allah kita akan mencapai kejayaan kalau kita bersama-sama, kita yakin dengan apa yang kita lakukan dan kita cuba atasi kelemahan-kelemahan yang ada.

Dan Yang Berhormat bagi Persiangan, Cyber View ini saya hendak maklumkan sikit kepada Yang Berhormat, ada tak Yang Berhormat bagi Persiangan? Ada, *okay*. Saya takut tersilap Yang Berhormat, Cyber View ini tidaklah semata-mata yang *entertainment* itu. Cyber View ini sebenarnya lebih untuk mewujudkan suasana infrastruktur di Cyberjaya. Pemberian ini untuk membangunkan umpamanya kita tahu bahawa satu daripada kompetitor utama mengenai Cyberjaya ini, MSC ini ialah sewa yang mahal dan kita tempatkan hanya syarikat-syarikat yang ada dalam MSC itu sahaja, yang ada di Cyberjaya sahaja boleh MSC. Jadi, Cyber View ini diberi tugas untuk menyelesaikan masalah ini. Sekarang Cyber View sudah membentuk apa yang dinamakan pusat SME, supaya syarikat-syarikat MSC yang kecil-kecil dapat berada di sana dengan sewa yang murah iaitu RM2.50 sahaja satu kaki.

Jadi tidak ada timbul lagi soal tidak boleh hendak masuk ke Cyberjaya kerana sewanya yang tinggi. Dan juga perumahan, perumahan sekarang in banyak perumahan yang sewa tinggi, yang di jual oleh swasta dan sebagainya. Jadi Cyber View oleh sebab untuk membangunkan tempat itu, dia juga sedang proses untuk mereka yang bergaji murah sikitlah, yang dapat menyewa kediaman-kediaman. Jadi peruntukkan ini sebenarnya untuk pembangunan infrastruktur, untuk pembangunan ruang-ruang pejabat dan rumah-rumah kediaman yang murah. Jadi saya rasa jangan bimbang tidak ada Bollywood yang akan digunakan untuk peruntukan, 'bollywood' ke, 'hollywood' ke apa? Yang digunakan untuk ini.

Dan akhirnya kalau tidak silap saya, Yang Berhormat bagi Bagan, ada Yang Berhormat bagi Bagan? *Okay*, ini kumpulan wang pencen ini yang RM5 juta ini, kalau itu yang dimaksudkan, ini ialah untuk perbelanjaan meng*corporatised* kumpulan wang ini. Kumpulan wang ini ada RM40 bilion aset. Jadi kita hendak *corporatised* supaya pengurusannya yang baik, pengurusannya yang mampu untuk melabur dalam aset-aset ini, tabung ini supaya memberi pulangan yang baik untuk pesara-pesara kita. Jadi RM5 *million* yang kita ini, dan dari segi *pig farming area*, apa ini, saya minta maaf, saya tidak payah jawablah, tetapi kalau hendak tanya, tanya kementerian yang berkaitan dengan *pig farming* ini. Dan tabung pinjaman pelajaran ini juga, ia ini tidak ada kena-mengena dengan PTPTN, itu lain. Tabung ini sebenarnya untuk membantu pelajar-pelajar yang tidak masuk universiti, IPT, tetapi ada yang hendak masuk politekniklah dan sebagainya yang betul-betul miskin. Jadi ini tidak merupakan sesuatu yang lama, yang besar seperti PTPTN. Jadi ia tidak ini.

Jadi Yang Berhormat saya berharap jawapan-jawapan saya tadi sudah menemui jangkauan, dan saya minta maaf kalau ada sedikit-sedikit yang rasa ini, harap maaf Yang Berhormat bagi Putatan, maaf kita, saya kadang-kadang itu bergurau sikit-sikit. Dan kesemua, dan saya harap kita semua sekiranya ada apa-apa lagi, dapat kita bincangkan, kalau pun tidak dalam Dewan di luar nanti, Insya-Allah. Sekian terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM5,000,000 untuk Maksud B.10 dan RM662,700,000 untuk Maksud B.12 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM5,000,000 untuk Maksud B.10 dan RM662,700,000 untuk Maksud B.12 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,331,272,030 untuk Maksud P.10 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2006 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,331,272,030 untuk Maksud P.10 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil 1) 2006.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ada satu Pemberitahuan. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima dan membenarkan permohonan daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk mendahulukan giliran perbincangan Perbekalan Tambahan (2006) 2006 peringkat Jawatankuasa. Oleh yang demikian, susunan giliran Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang disenaraikan di nombor 22, dalam jadual kuning itu, dalam ringkasan Jadual, didahulukan kepada nombor 10 menggantikan Kementerian Kerja Raya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah kita tahu sebabnya? Memang ada sebab. Bolehkah kita tahu apa sebab atau oleh sebab semua Menteri mahu pergi Kuching hari esok untuk hari kemerdekaan?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Salah satu sebab itu, ada permohonan daripada kementerian berkenaan. Jadi kita..

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, apa sebabnya? Tentulah ia adalah lebih mustahak daripada kementerian-kementerian yang lain atau menteri mahu pergi ...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tak apalah. Sama juga.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...ke Kuching? Kalau begitu saya percaya, lebih baik esok kita tangguhkanlah. Tak payah kita bermesyuarat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Janganlah ini macam.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukan dia lari Yang Berhormat. Dia cuma minta didahulukan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Janganlah macam itu. Tak apalah, sama juga.

Maksud B.13 [Jadual] –

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tak apalah Yang Berhormat, ada alasan. Ya, kepala bekalan B.13 di bawah Kementerian Luar Negeri dibuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat bagi Tuaran.

4.12 ptg.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk turut serta membahaskan peringkat Jawatankuasa bagi Maksud B.13, Kementerian Luar Negeri, Butiran 020100, hubungan dua hala politik dan ekonomi yang telah diperuntukkan sebanyak RM15,540,781 iaitu satu perbelanjaan untuk pembiayaan Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN. Pertamanya, saya mengalu-alukan perbelanjaan tersebut. Tentu sekali, perbelanjaan ini telah digunakan sebaik-baik mungkin khusus untuk pentadbiran ASEAN dan mempertingkatkan lagi hubungan dua hala di kalangan negara-negara ASEAN.

Tuan Pengerusi, ini juga bererti bahawa Menteri-menteri Luar ASEAN dan Pegawai-pegawai Kementerian Luar ASEAN senantiasa bertemu dan berbincang tentang hal-hal yang ada hubung kait di kalangan negara-negara ASEAN. Dalam hal ini Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian di Dewan yang mulia ini, apabila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berada di negeri Sabah baru-baru ini dan telah mengeluarkan kenyataan dalam akhbar di mana beliau telah meminta Kementerian Luar Negeri ataupun Wisma Putra supaya dengan segera berbincang dengan Kerajaan Filipina tentang bagaimana mempercepatkan pemberian dokumen-dokumen kepada rakyat Filipina yang telah ditahan di beberapa *sub* tahanan di negeri Sabah.

Penyataan arahan beliau itu telah keluar dalam akhbar-akhbar di negeri Sabah yang telah memberikan harapan yang tinggi. Bukan sahaja rakyat negeri Sabah yang prihatin tentang keselamatan, tetapi juga kerajaan negeri Sabah yang sudah sekian lama telah mengharapka supaya rakyat Filipina itu yang ditahan di kem-kem pusat tahanan negeri Sabah itu dapat diatur dengan cepat. Yang keduanya, baru-baru ini keluar pula kenyataan daripada Kedutaan Filipina daripada Kuala Lumpur menyatakan *go easy on this Filipino in Sabah*. Maknanya dia, jangan terlalu ketat dengan pendatang-pendatang Filipina yang ditahan di pusat tahanan itu. Sedangkan Tuan Pengerusi, ada di kalangan mereka yang sudah berada di sana hampir empat tahun, lima tahun dan sebagainya.

Untuk memastikan supaya mereka ini diberi pembelaan, supaya mereka ini dapat dihantar balik dan sebagainya, perlukan dokumen. Sebab tanpa dokumen, pihak kerajaan Filipina tidak akan menerima mereka. Oleh sebab mereka sudah begitu lama di kem-kem tahanan ini, maka dalam pada setakat ini, sepanjang tahun lepas dan tahun ini sudah empat kali, ada yang keluar daripada kem-kem tahanan khususnya yang ada di meratarata. Dalam hal ini, kita hairan kenapa mesti perlu dikeluarkan arahan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, sedangkan sebenarnya pihak Wisma Putra, pihak menteri dan pegawai-pegawainya sentiasa bertemu dan berbincang dengan pegawai-pegawai malah pihak kementerian. Apakah ini tidak sentiasa dibincangkan sebab sudah sekian lama telah mengakibatkan banyak masalah keselamatan di negeri Sabah?

Baru-baru ini bila saya membincangkan hal pelarian Filipina di negeri Sabah sebab mereka yang memegang dokumen IMM13 dan apabila dalam ucapan penangguhan saya baru-baru ini, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyatakan bahawa tidak ada masalah dari segi ekonomi, politik, keselamatan dan sebagainya. Tidak lama selepas itu, berlaku pembunuhan di antara pihak pasukan keselamatan dengan orang-orang Filipina yang berada di Pulau Gaya. Barulah seluruh negeri mengatakan bahawa, "Ya, memangnya ada masalah keselamatan". Ada yang memegang dokumen IMM13 dan ada yang langsung tidak ada. Selepas itu, serbuan dibuat dan sebagainya. Masalah ini bukanlah masalah baru. Mereka sudah berada di negeri Sabah sudah lebih daripada 30 tahun. Kita tertanya-tanya apakah dasar pihak kerajaan?

Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Luar Negeri untuk menyelesaikan masalah ini? Hari ini kita memerlukan pembinaan sekurang-kurangnya dua lagi pusat tahanan. Kerajaan negeri bersedia memberi tanah untuk membina. Kita perlukan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dan sebagainya. Ini bukannya murah. Kita kena bagi dia makan dan sebagainya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, kita bincang soal emolomen dan Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Ya, jadi yang persoalan saya di situ sahajalah Tuan Pengerusi, yang saya ingin membangkitkannya. Arahan dibuat sedangkan kita ini sentiasa bertemu. Apakah ini tidak dibincang? Itu sahaja persoalan saya dan kita mohonlah supaya perkara ini dapat diatasi. Kadang-kadang tidak terfikir, ya? Pernah kita mencadangkan, apakah Wisma Putra perlu satu cawangan di negeri Sabah supaya setiap hari ia nampak keadaan masalah di sana? Seheinggakan diberi arahan sampai Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sampai sana, baru beri arahan. Seolah-olah pihak Wisma Putra tidak nampak masalah yang ditimbulkan. Saya mohon menyokong, terima kasih.

4.18 ptg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pertama sekali ingin mengucapkan syabas dan tahniahlah kepada Kementerian Luar Negeri kita melalui Wisma Putra, sebab telah berjaya menyelesaikan beberapa isu berhubung dengan negara-negara ASEAN yang lain. Walau bagaimanapun, nampaknya masih ada isu tertunggak. Walaupun mungkin kekerapan perjumpaan itu telah dilaksanakan. Contohnya, keengganan Kerajaan Filipina membuka Konsul mereka di negeri Sabah.

Saya bersetuju dengan rakan saya dari Tuaran, sebab dengan keengganan itu maka masalah ini berterusan sehingga tahun ini. Daripada awal tahun 70-an hinggalah ke tahun 2001 ini. Jadi saya ingin tanya, apakah persoalan yang dihadapi oleh hubungan kedua-dua negara ini? Sehingga tidak boleh menyelesaikan kekalutan yang begitu memakan masa yang panjang dan membuat masalah. Saya lihat memang ada unsur-unsur dan elemen-elemen masalah. Sebab apabila tidak ada Konsul Filipina di Sabah, maka pendatang-pendatang yang dari negara Filipina itu ditangkap, ditahan dan dihantar ke 'rumah merah'.

Apabila dihantar ke 'rumah merah' seperti yang dikatakan, perbelanjaan dikeluarkan oleh kerajaan berjuta-juta ringgit. Satu orang, kalau saya tidak silap budgetnya, RM13.00 ke RM15.00 satu hari. Kalau ada tahanan di seluruh Sabah itu ada tiga atau empat. Kalau ada 1000 orang dalam satu masa, berapa yang dibelanjakan oleh kerajaan? Anak-anak mereka juga bagaimana masa hadapan mereka? Sehingga dibangkitkan di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Sebab, macam mana hendak terima anak mereka jika tiada dokumen? Tetapi tugas kerajaan iaitu walaupun dia orang pelarian, kena juga diberi *knowledge* dan sebagainya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Putatan bangun.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasihlah sahabat saya dari Kinabatangan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat, soal keengganan negara Filipina ini untuk menubuhkan satu pejabat Konsul di Sabah.

Banyak yang dikatakan bahawa Kerajaan Filipina ini sebab dia masih menganggap negeri Sabah ini sebagai sebahagian daripada negara dia. Jadi tidak begitu sesuai bagi negara itu untuk membuat satu pejabat kaunselor yang tanah yang dianggap sebagai negara, adakah ini Yang Berhormat bersetuju ataupun apa pendapat Yang Berhormat, soal ini.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini yang saya hendak tanya kepada Kementerian Luar Negeri, hubungan sudah nampak baik, tetapi masalah begini tidak dapat diselesaikan. Apakah Sabah ini tidak diiktiraf merdeka melalui Malaysia? Kenapa perkara yang sebegini, saya tahu Kementerian Luar Negeri kena menggunakan diplomasi iaitu berbicara pun kena hati-hati dan sebagainya. Tetapi, ini bukan soal hati-hati. Ini soal maruah, ini soal keselamatan negara. Kalau kita kena berhati-hati dengan dia, tetapi dia datang mengancam keselamatan negara kita, saya rasa kita harus ada *priority*, mana satu kepentingan hormati dia kah ataupun kepentingan bagaimana negara kita ini tidak di ceroboh oleh sesiapa dalam apa waktu jangka masa sekali pun.

Jadi Kementerian Luar Negeri, dalam sifat-sifat diplomasi ini, kena tegas. Kalau hendak selesai masalah ini, kamu kena iktiraf negara Malaysia sebagai sebuah negara merdeka dan berdaulat dan Sabah Borneo adalah salah satu dari negara Malaysia tersebut. Susah kah? Kalau dia hendak perang, peranglah. Kita hendak pertahankan negara kita, tidakkan negeri Sabah di biar? Kita bercampur aduk dengan masyarakat negara kita tidak kenal pasti, akhirnya timbul masalah, bunuh membunuh, pengedaran dada, jenis syabu berleluasa. Ini fakta, dari mana? Orang Sabah tidak tahu benda-benda macam ini, tetapi datang daripada luar, negeri Sabah menjadi negara transit terbesar dadah jenis syabu yang membimbangkan kita.

Kita sudah ada maritim baru di lulus, ada kastam, ada polis, ada tentera masuk juga. Sudah orang menagih baru kita tahu ramai penagih. Apa fasal, belum ada orang menagih, kita tahan, tangkap. Jadi saya rasa Kementerian Luar Negeri perlu bertegas

dalam soal-soal ini. Dalam soal-soal lain saya bersetuju kerana ada diplomasi, tetapi dalam soal melihat bagaimana kepentingan keselamatan rakyat di Malaysia itu menjadi keutamaan. Kalau boleh saya minta kementerian ini menyelesaikan persoalan ini dan minta kerajaan Filipina mewujudkan konsul mereka di negeri Sabah dan menyelesaikan masalah-masalah pendatang tanpa izin. Sebab apabila hantar minggu ini, minggu depan dia balik lagi.

Itu sahaja, kerajaan keluar duit, tahan belanja makan, minum semua. Di sebalik masalah ini ada orang yang buat untung, memang saya tahu, ada orang yang buat kemenangan keuntungan. Bukan kita mahu itu. Kita mahu wang berjuta-juta ini disalurkan kepada rakyat kita di luar bandar, naik tarafkan api elektrik kita, naik tarafkan bekalan air bersih kita, jalan raya kita sebab semua sudah naik, tambang MAS sudah naik, gula sudah naik, minyak sudah naik, bola sepak sahaja tidak naik sampai sekarang. Jadi kerajaan kena prihatin melihat isu-isu di mana keutamaan. Saya menyokong Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

4.23 ptg.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengambil kesempatan untuk membahaskan tentang Butiran 030300 dan juga 020000 Hubungan Dua Hala dan Perancangan Dasar dan juga melibatkan perhubungan antarabangsa. Tuan Pengerusi, pertama sekali saya ingin mengajukan soalan kepada pihak Kementerian Luar Negeri, apakah rasionalnya di saat peperangan sedang berjalan di antara Rejim Zionis dan juga Lebanon baru-baru ini. Maka kita telah mengizinkan kehadiran Setiausaha Negara Amerika Condoleezza Rice ke Persidangan kalau tidak silap saya Persidangan Menteri-Menteri Luar ASEAN baru-baru ini. Tidak bolehkah sekali-skala kerajaan Malaysia menunjukkan sikap terhadap Rejim Zionis ini? Dengan mengizinkan dia datang pada hari tersebut sudah tentu menimbulkan kemarahan semua pihak.

Saya rasa bukan sekadar parti pembangkang, tetapi semua pihak rakyat yang prihatin kepada peperangan tersebut datang dan diberikan layanan, saya tidak menafikan layanan berstatus sebagai layanan tahap negara kepada beliau, tetapi diberikan suatu semacam *endorsement* untuk beliau bermain piano pada malam tersebut. Jadi adakah ini merupakan suatu sikap yang saya rasa tidak sepatutnya. Kadang-kadang saya berpandangan kita perlu tegas dalam sesuatu hal di saat mereka mengganyang, membunuh serangan yang tidak berperikemanusiaan terhadap umat Islam di Lebanon, tiba-tiba kita mengizinkan dan memberikan layanan yang terlalu istimewa kepada Condoleezza Rice pada waktu itu.

Keduanya saya ingin juga meminta penjelasan daripada pihak Kementerian Luar Negeri, apakah dasar kita terhadap negara-negara yang kita anggap sebagai *state run terrorism* ini yang menggunakan atas nama negara untuk melancarkan serangan seperti Amerika dan Rejim Zionis srael ini. Adakah Malaysia termasuk dalam negara-negara yang menandatangani suatu perisytiharan tentang membolehkan individu ataupun negara untuk mengheret seorang pemimpin ke mahkamah perang antarabangsa atau Mahkamah Jenayah Perang Antarabangsa kerana telah berlaku satu kes yang boleh kita rujuk di sini, bagaimana berlaku dalam akhir 90-an, yang akhirnya kita melihat pengganas seperti Slobodan Milosevic dan Raghavan Karadzic itu diheret ke Mahkamah Perang Antarabangsa ini dan dia dibicarakan.

Adakah Malaysia sebagai sebuah negara yang mengetuai OIC dan juga NAM tidak bercadang untuk memulakan satu tindakan yang lebih proaktif kalau sekadar menghantar memorandum, saya juga boleh, biarlah tahap seperti saya ataupun tahap-tahap angkatan muda ini yang menghantar memorandum, tetapi atas nama OIC. Kenapa Malaysia tidak bertindak lebih proaktif untuk membawa, mengheret dan menyaman Perdana Menteri Israel ini ke mahkamah, perang jenayah, perang antarabangsa ini. Ini baru dilihat satu tindakan yang proaktif, adakah kita ada *locus standy* ataupun tidak? Ini saya perlukan satu penjelasan daripada Kementerian Luar Negeri yang melibatkan masalah dasar negara terhadap isu-isu yang seperti ini. Kita perlu dilihat proaktif. Sekarang ini kita melihat ada kecenderungan yang Lebanon akan membuka pintu kepada kehadiran tentera-

tentera pengaman di bawah payung PBB dan saya menyokong tindakan Kerajaan Malaysia yang berhasrat untuk bersama menghantar tentera di dalam misi ini.

Tetapi, satu perkara yang perlu kita ingat bahawa kita perlu melihat dengan teliti apakah agenda kehadiran tentera-tentera pengaman ini, adakah untuk *disarm* Hizbullah dan adakah kita akan termasuk lagi dalam perangkap di mana kita termasuk dalam negara yang sendiri secara langsung ataupun tidak langsung untuk menggelar atau melabelkan Hizbullah sebagai *terrorist*. Saya suka untuk mengambil perhatian di sini, pada malam tadi saya cukup merasa bangga kerana TV3 menyiarkan satu laporan yang saya rasa sangat penting kepada negara, iaitu bagaimana wartawan TV3 Tyenmolly Subramaniam dan krewnya tiga orang yang bukan beragama Islam yang disyaki pada peringkat awal oleh anggota Hizbullah yang ditahan buat sementara waktu, tetapi apabila disiasat dengan teliti akan kehadiran mereka, mereka mewakili negara untuk membuat liputan yang sewajarnya untuk memberikan pendedahan kepada dunia, akhirnya mereka dibebaskan baik, dengan begitu sopan dan tidak dcederakan ataupun tidak diapa-apakan di *torture* dan seumpamanya. Saya rasa sedikit sebanyak boleh *clear the air*, dengan izin, boleh memberikan gambaran yang jelas antara sikap yang ditunjukkan oleh puak Hizbullah ini yang semata-mata mereka hanya mempertahankan tanah air mereka.

Jadi, saya mengharapkan Tuan Pengerusi supaya perkara-perkara seperti ini kita lebih proaktif, perlu dilihat Malaysia walaupun negara kecil, tetapi biarlah dalam isu-isu seperti ini kita mendahului negara-negara yang lain dalam menunjukkan sikap kita yang konsisten terhadap rejim yang ganas yang tidak bertamadun ini. Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Santubong.

4.31ptg.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh dua perkara dalam kementerian ini iaitu Maksud B.13 ini di bawah 04000 – Pusat Serantau Asia Tenggara Bagi Mencegah Keganasan.

Satu persoalan sahaja saya hendak bangkitkan iaitu bahawa saya telah dimaklumkan iaitu *Convention by United Nation* berhubung dengan keganasan atau *Trans Border Crime*. Malaysia telah menandatangani konvensyen United Nation ini tetapi apa yang masih tertinggal ialah *supplementary Protocol* di bawah konvensyen ini belum ditandatangani oleh pihak Malaysia dan dalam konvensyen ini menentukan bahawa kita perlu menentukan prasarana undang-undang dan juga prasarana fizikal untuk menangani masalah *Trafficking in Woman and Minor* yang banyak telah dibincangkan di rantau ASEAN.

Tetapi oleh kerana tiga protokol yang masih belum lagi ditandatangani oleh pihak Malaysia dan di rantau ASEAN hanya tiga negara yang belum menandatangani protokol ini iaitu salah satu daripadanya ialah Malaysia. Saya ingin tahu kenapakah kita terlambat untuk menangani protokol ini dan persoalannya kenapakah kita terlambat sangat membuat sesuatu penyelidikan dan kajian ke atas *supplementary protocol* yang tiga ini kepada konvensyen ini dan apakah peringkat yang kita telah capai sekarang?

Ini amat penting Tuan Pengerusi sebab Malaysia, saya dimaklumkan dahulu telah diletakkan di bawah *tier* kedua oleh United Nation kerana menangani masalah-masalah wanita dan *minor*. Tetapi sekarang telah menurun kepada *tier 2 watch lists*. Maknanya prestasi kita telah menurun.

Saya tidak tahu sama ada penurunan ini ada hubung kait dengan kelambatan kita menandatangani protokol ini ataupun kita tidak mewujudkan undang-undang yang khusus untuk menangani masalah *Trafficking in Woman and Minor*. Oleh kerana rantau ini, Malaysia adalah sebuah negara yang telah disebut-sebut sebagai *the transit centre* ataupun *consumer nation* juga kepada *trafficking in woman* ini. Kita patut mengambil sikap yang cepat, positif dan proaktif untuk melaksanakan apa sahaja protokol atau konvensyen yang telah kita tandatangan. Kalau tidak, kita nampaknya betul-betul kata Perdana Menteri bahawa kita ini mempunyai prasarana *first world* tetapi mentaliti kita masih tertinggal ke belakang.

Mungkin ini salah satu daripada faktor-faktor yang patut kita selidiki dengan mendalam dan mengambil tindakan secepat mungkin. Saya pernah membangkitkan Tuan Pengerusi bahawa di Wisma Putra kekurangan pegawai-pegawai yang berkelulusan perundangan untuk mengkaji protokol dan *treaty* dan juga konvensyen untuk kita mengetahui di mana implikasi kepada negara.

Saya pernah menyarankan di Dewan ini dan di luar Dewan ini supaya kita mengambil lebih banyak lagi pegawai perundangan yang berkemampuan dan berkepakaran untuk membantu Wisma Putra mengkaji semua protokol, konvensyen dan *treaty* supaya kita boleh mempercepatkan perjalanan kita untuk sama dan menerima ataupun tidak tetapi di peringkat ini konvensyen ini kita tidak ada lagi ruang untuk mengatakan tidak hendak *sign* oleh kerana semua negara-negara di ASEAN secara prinsipnya Malaysia telah bersetuju tetapi yang ketinggalan ialah *supplementary protocol* kepada konvensyen ini belum ditandatangani.

Saya juga dimaklumkan bahawa protokol ini telah diserahkan kepada Kementerian Dalam Negeri untuk diselidik dan soalnya kenapa begitu lambat sangat? Saya juga dimaklumkan bahawa pihak *Attorney General office* telah memberi pandangan berasingan berhubung dengan perundangan untuk menangani masalah *trafficking in woman and minor* yang belum dipersetujui. Saya memberitahu kepada Yang Berhormat Menteri, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bahawa kita jangan mendengar cakap AG dalam soal ini. Ini adalah soalan keputusan politik dan bukan persoalan keputusan undang-undang.

AG hanya dikehendaki memberi jawapan kepada persoalan undang-undang, bukan soalan politik. Soalan politiknya sama ada protokol ini berkehendakkan perundangan yang khusus ataupun perundangan yang boleh dicari dalam mana undang-undang di negara kita. Misalannya menangani persoalan *trafficking in woman and minor* ini terdapat dalam Penal Code, terdapat dalam *immigration law* terdapat dalam Undang-undang Keganasan Wanita dan macam-macam lagi undang-undang. Tetapi kita berkehendakkan satu perundangan yang khusus untuk menangani masalah ini kerana dengan itu nanti bolehlah kita mewujudkan satu prasarana fizikal dan juga kemudahan-kemudahan yang diperlukan supaya kita boleh menaikkan semula tahap Malaysia kepada sekurang-kurangnya kepada *tier 2* lagi akan di bawah *tier 2 watch list*. Itu yang pertama.

Yang kedua Tuan Pengerusi, pendek sahaja cerita saya iaitu 05000 – Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri. Saya berbincang banyak dengan pihak-pihak yang berpengetahuan dan berkepakaran berhubung dengan institut ini. Ada banyak kelemahan yang didapati dalam institut ini. Ada yang mencadangkan kenapa pula kita tidak menggunakan kepakaran yang ada pada pihak-pihak yang kanan, pihak yang mempunyai kepakaran yang mendalam dalam hubungan diplomasi dan kepakaran mengetahui apakah latar belakang tiap-tiap negara yang dahulunya pernah kita *study* dan kita lihat.

Tetapi malangnya pihak-pihak yang kanan umpamanya KSU-KSU yang dahulu-dahulu, pihak-pihak Ambassador kita yang lama-lama berkhidmat tetapi sekarang sudah menjadi orang pencen, umpamanya macam "*habis manis sepah dibuang*" tetapi kepakaran mereka ini masih amat berguna kepada negara ini tetapi kita tidak mengambil faedah daripada kepakaran mereka ini.

Saya bertanya dengan pihak kementerian, kenapa kita tidak *support* kerana *intelligent* dan kemampuan mereka ini untuk dibawa bersama ke dalam Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri ini dan digunakan kepakaran ini mereka ini sebagai *lecturer*, sebagai penulis buku, sebagai konsultan dan sebagainya, apa sahaja bidang dan janganlah selepas habis 56 tahun disuruh *retired* padahal ini *this a prime of a men age especially* di dalam intelektual dan bidang kepakaran sedemikian.

Kita sepatutnya menggunakan kepakaran ini. Saya diberitahu sekurang-kurangnya lima atau enam orang Ambassador iaitu orang yang bertaraf Ambassador dan bertahap Ketua Setiausaha Kementerian yang mempunyai kepakaran yang orang lain tidak ada. Kepakaran yang luar biasa tetapi malangnya kepakaran ini telah terbuang begitu sahaja akhirnya mereka ini duduklah di mana-mana mereka macam orang pencen lain.

Saya ingin mencadangkan dan juga bertanya kepada kementerian kenapakah ini tidak diambil kira dan apakah kementerian akan mengambil kira selepas ini nanti supaya kepakaran ini tidak hilang begitu sahaja. Bagi mereka untuk menulis buku, jurnal dan sebagainya atau pengalaman mereka dahulu sebagai bahan rujukan kepada pihak institut ini dan boleh diguna pakai pada masa-masa yang akan datang kerana banyak perkara yang tidak dapat dicari dalam buku-bulan di universiti dan di institut tetapi boleh didapati daripada pengalaman seseorang hamba Allah yang telah mengendali ataupun melihat sendiri satu-satu perkara itu dan perkara ini boleh diguna pakai sebagai bahan penyelidikan.

Tuan Pengerusi, saya menyokong, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gombak.

4.39 ptg.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan berbahas tentang perkara 02000, 020000 dan 30000.

Tuan Pengerusi, kita tidak boleh menafikan bahawa dalam dunia globalisasi ini, hubungan luar semakin lama semakin penting dan oleh itu kita tahu bahawa peranan Kementerian Luar Negeri juga semakin lama semakin penting. Kalau Kementerian Luar Negeri ini berkesan bukan sahaja boleh membawa keuntungan dari segi ekonomi, politik dan juga boleh mengembang budaya kita, selain daripada itu boleh membawa kesan kepada sosial ataupun kemasyarakatan.

Oleh itu Tuan Pengerusi, saya melihat peranan duta-duta ini semakin lama semakin penting. Itulah sebabnya saya merasakan bahawa duta-duta ini harus diperkasakan dari masa ke semasa, sama ada diperkasakan mereka ini dari segi kemudahan. Contohnya, kalau kita bandingkan, saya banyak mendengar rungutan-rungutan bahawa duta-duta kita kalau dibandingkan dengan duta-duta negara lain dari segi contohnya, dengan izin, *entertainment allowance* jauh lebih kurang dibandingkan dengan duta-duta negara asing. Saya rasa demi imej negara, kerana mereka ini mewakili negara kita di tempat mereka bertugas, maka saya mahukan bahawa Kementerian Luar Negeri melihat perkara ini bagaimana mereka ini boleh diperkasakan.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, kita juga mahu melihat bahawa duta-duta kita ini mempunyai keterampilan yang tinggi, iaitu sama ada dari segi penampilan diri ataupun dari segi ilmu pengetahuannya. Jadi, kita berharap bahawa juga dilihat duta-duta ini diperkasakan melalui ilmu, dihantar kursus-kursus dari masa ke semasa, sama ada kursus bahasa, mereka ini saya harap mempunyai kebolehan berkomunikasi yang baik kerana ini melambangkan imej negara. Selain daripada itu, kursus-kursus contohnya yang berkaitan dengan etika dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, saya juga melihat bahawa kedutaan kita harus mempunyai seorang kakitangan ataupun yang tugas mereka dari segi hubungan *public relation* - hubungan luar. Dengan lain perkataan, kakitangan ini bukan sahaja boleh berhubung dengan secara lisan, memberitahu tentang negara kita, mempromosikan negara kita, selain daripada itu berkebolehan menulis tentang perkara-perkara yang baik mengenai negara kita kerana ini perlu. Ini pada saya *dissemination* apa-apa yang berlaku tentang negara kita, kemajuan negara kita dan kestabilan politik negara kita.

Bagi saya, ini bukan sahaja boleh memberi keuntungan dari segi politik tetapi juga dari segi ekonomi. Jadi, saya berharap mungkin ada diwujudkan ataupun diperkasakan lagi kakitangan yang bukan sahaja boleh memberi syarahan, boleh bercakap tentang negara kita di kedutaan tersebut, tetapi juga kakitangan yang boleh menulis di akhbar-akhbar yang utama di sesebuah negara tersebut tentang negara kita, ataupun memberi komen kalau ada perkara-perkara yang berkaitan dengan keganasan, kalau dikaitkan negara Islam kerana Malaysia sebuah negara Islam, ada di antara mereka yang di kedutaan itu berupaya menulis, memberi komen tentang pandangan negara dan sebagainya kerana pada saya ini lebih berkesan dan tidak perlu kita menunggu forum-forum yang rasmi (*official*) sahaja untuk kita memberitahu perkara-perkara yang demikian.

Tuan Pengerusi, saya melihat Yang Berhormat Menteri Luar Negeri kita seorang yang begitu aktif, banyak membuat lawatan-lawatan. Misal kata baru-baru ini beliau melawat Lebanon, tempat yang menjadi kemusnahan perang akibat kezaliman Israel. Kalau boleh, saya rasa lawatan Yang Berhormat Menteri ini akan lebih perkasa kalau dalam lawatan-lawatan yang akan datang dilibatkan beberapa orang Ahli Parlimen, kerana ini bukan sahaja mewakili kerajaan tetapi juga mewakili satu institusi yang lebih besar iaitu Parlimen sendiri.

Begitu juga bukan sahaja tempat-tempat yang mana dilanda peperangan tetapi tempat-tempat ataupun negeri-negeri yang dilanda bencana. Contohnya baru-baru ini yang berlaku di Surabaya, Indonesia, kalau berlaku bencana yang terlibat bukan sahaja Menteri Luar Negeri itu sendiri datang melawat, tetapi dilibatkan dalam lawatan Menteri Luar Negeri itu beberapa orang Ahli Parlimen mewakili Parlimen Malaysia, menunjukkan keprihatinan negara kita terhadap bencana yang berlaku di sesebuah negara.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Luar Negeri kerana telah dapat menjalankan Mesyuarat Menteri-menteri Luar dengan begitu berjaya. Walaupun tadi Yang Berhormat bagi Kubang Kerian tidak bersetuju kehadiran Puan Condoleezza Rice ke Malaysia, tetapi pada saya kehadiran ini juga penting kerana dalam kehadiran itu Menteri-menteri Luar ASEAN telah dapat memberikan tekanan kepada beliau supaya memastikan bahawa gencatan senjata diadakan secepat mungkin di Lebanon dan juga Puan Condoleezza Rice juga dapat menyaksikan sendiri pada masa kedatangan beliau di sini tunjuk perasaan anak-anak muda Malaysia khususnya daripada Pemuda UMNO Malaysia yang telah menunjuk perasaan...

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pontian bangun. Jiran Yang Berhormat, bangun.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat bagi Gombak, kita, betullah, kalau pergi keluar negara, Menteri Luar Negeri kita berada di luar negara membawa mesej rakyat Malaysia. Tetapi apa pandangan Yang Berhormat desakan-desakan yang kita buat ini, kalau ia jatuh - orang kata, *fell to deaf ears*, dengan izin, kita desaklah apa pun dia tetap dengan cara mereka, mereka tetap dengan pendirian kita, walaupun Yang Berhormat Menteri Luar Negeri terpaksa berjalan di atas serpihan konkrit-konkrit bangunan yang runtuh oleh kerana akibat peperangan yang berlaku, tetapi kita kerap kali menghantar mesej ia tidak dapat layanan, adakah itu sebagai satu perkara yang harus kita kaji semula pendekatan kita ataupun kita teruskan sama ada yang kita desak itu peduli atau tidak tentang perkara yang kita desak ataupun kita mungkin perlu lihat semula cara dan pendekatan kita, apa pandangan Yang Berhormat tentang ini.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Pontian. Saya tahu bahawa pendekatan ataupun yang cuba kita ketengahkan iaitu misal kata penyelesaian dunia melalui multilateralisme seperti yang kita selalu uar-uarkan memang tidak diambil perhatian oleh badan-badan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan kita juga menuntut pada penukaran struktur organisasi PBB itu sendiri. Ini pun juga masih lagi belum berlaku.

Walau bagaimanapun saya merasakan bahawa kalau kita terus menyampaikan mesej-mesej kemanusiaan yang penting ini ...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Kalau kita - sekejap, Yang Berhormat, kalau kita terus menyampaikan mesej-mesej kemanusiaan ini, ini menunjukkan bahawa Malaysia begitu prihatin tentang kesejagatan keharmonian manusia di dunia ini. Jadi, saya rasa kita terus melakukan perkara ini kerana ini menunjukkan bahawa kita cintakan keamanan dan saya percaya satu masa nanti banyak lagi negara-negara yang akan bersama kita menentang ketidakadilan yang berlaku di dunia.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih, Tuan Pengerusi dan sudah barang tentu terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Gombak, orang kuat Kementerian Luar dari segi Parlimen.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak perlu bangkitkan perkara dasar, Yang Berhormat. Ini peringkat jawatankuasa.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak, ini saya cuba memperkenalkan sahabat saya...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak perlulah, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dalam biro antarabangsa UMNO.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Semua orang tahu dialah, Yang Berhormat bagi Gombak.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak semua orang tahu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat bagi Kepong tentu tidak tahu, pasal ini UMNO punya, jadi saya perkenalkan sahajalah, Tuan Pengerusi. Apa, salahkah Tuan Pengerusi, saya memperkenalkan sahabat?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan masa, tempat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Oh, bukan masa, tempat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan masa dan tempat untuk kita bangkitkan ini. Kalau balik ke UMNO bolehlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Oh, minta maaf sajalah, Tuan Pengerusi. Boleh maafkan saya, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh, boleh.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tanya apa tadi?
[Ketawa]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih. Saya telah pun menyuarakan, Tuan Pengerusi. Saya telah menyuarakan di Parlimen ini rasa kecewa, marah, sedih - apa lagi? Dukacita. Apa lagi bahasa yang - Yang Berhormat bagi Kepong boleh tolong saya, apa bahasa yang ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sebelum itu Yang Berhormat, ini ada berkaitan dengan yang mana satu butiran?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini saya nak buat pertanyaan atas hujah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gombak. Dia telah menyentuh butiran bajet ini, jadi saya bertanya apa yang dia bangkitkan. Saya telah mengemukakan di Dewan ini, sebagai Pengerusi OIC...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini perkara dasar....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Betul dasar Tuan Pengerusi tetapi ada kaitan ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Mengapa Yang Berhormat sekarang sebut saya 'Pengerusi' tidak mahu 'Tuan Yang di-Pertua'?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Pasal dalam Jawatankuasa...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, faham.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya faham juga peraturan ini Tuan Pengerusi, cuma saya memajukan pertanyaan kepada yang punya *floor* ini, Gombak yang telah pun mengutarakan hujah-hujah dia mengikut butiran....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Lepas ini saya akan minta Gombak balik kepada tajuk jadi soalan cepat keluar. Cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Okey Tuan Pengerusi, sabar Tuan Pengerusi tetapi tadi Tuan Pengerusi sudah maafkan saya.

Saya telah kemukakan rasa kecewa marah dukacita dan berbagai-bagai kerana dunia sudah tidak selamat, dunia tidak selamat Tuan Pengerusi. Yang jadi pegganas besar, yang begitu kejam dan zalim sebenarnya Amerika dan juga Zionist Israel yang menguasai Bangsa-Bangsa Bersatu. Semua Resolusi Bangsa-Bangsa Bersatu yang berkaitan tentang perkara-perkara keamanan dunia...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukup. Yang Berhormat kalau saya benarkan, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain ingat Speaker tidak tahu Peraturan Mesyuarat...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sedikit lagi sahaja Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya minta kita mencadangkan bubarkan Bangsa-Bangsa Bersatu kerana Bangsa-Bangsa Bersatu tidak berfungsi. Bangsa-Bangsa Bersatu tidak dapat melindungi negara-negara

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:Yang dilanyak oleh kuasa besar seperti Amerika. Yang banyak membunuh manusia Tuan Pengerusi di dunia hari ini ialah Amerika dan Yahudi. Bukan pegganas-pegganas Arab yang dua tiga orang ini. Puluhan ribu rakyat Iraq telah mati, puluhan ribu rakyat Afghanistan telah mati, puluhan ribu yang telah binasa di Lubnan baru-baru ini, semuanya gejala Amerika dan Zionist. Oleh sebab Bangsa-Bangsa Bersatu yang sepatutnya melindungi negara-negara di dunia ini tidak berfungsi.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Gombak faham.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...Malaysia tidak pernah cadangkan. Macam mana pendapat Gombak terhadap perkara ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik sila duduk.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Datuk.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Saya bersetuju 100% apa yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi Tuan Pengerusi. Saya melihat bahawa ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tetapi adakah, tetapi

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: ..Dunia semakin lama semakin tidak selamat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: ...Yang Berhormat, Yang Berhormat Gombak, Gombak, adakah Yang Berhormat bersetuju sekarang kita di peringkat Jawatankuasa.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Ya, saya bersetuju. Cuma saya ingin.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ha baik, balik kepada tajuk.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Saya ingin beri sedikit penjelasan mengenai apa yang dibangkitkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup. Nanti boleh terangkan lebih selepas ini kepada beliau.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Jadi saya rasa kalau Bangsa-Bangsa Bersatu gagal distrukturkan kembali, kita Malaysia pemimpin OIC, pemimpin ASEAN, pemimpin NAM hendaklah mengetuai, mengepalai, keluar beramai-ramai daripada menganggotai PBB sebagai satu pengajaran kepada PBB yang tidak berkesan dan semakin lama tidak berkesan, semakin lama semakin gagal menjaga keamanan dunia.

Tuan Pengerusi balik kepada tajuk.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Kalau kita lihat Tuan Pengerusi seperti mana yang saya katakan tadi, walau bagaimanapun ASEAN ini pun saya ingin memberi sedikit komen saya terhadap ASEAN. Didapati bahawa ASEAN ini mengadakan mesyuarat demi mesyuarat demi mesyuarat. Tetapi kita tahu juga, implementasi apa yang diputuskan dalam Mesyuarat ASEAN memang amat rendah. Setiap perkara yang diputuskan dalam Mesyuarat ASEAN tidak diimplementasikan di negara-negara anggota ASEAN. Dan kita juga harus memikirkan keberkesanannya dan ini juga disuarakan di dalam mesyuarat baru-baru ini.

Selain daripada itu, dalam Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN yang baru lalu, ada Ahli-Ahli Parlimen dilibatkan. Tetapi saya lihat Ahli-Ahli Parlimen ini dilibatkan di saat-saat terakhir, tidak dirancang sesungguhnya, penglibatan Ahli-Ahli Parlimen dalam Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ini. Ini pun setelah disedari oleh Menteri Luar sendiri yang Ahli Parlimen tidak terlibat dalam Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN ini. Dan organisasinya juga tidak berapa kemas kerana Ahli-Ahli Parlimen yang dipanggil contohnya Yang Berhormat bagi Kudat dan saya, apabila telah masuk mesyuarat mereka yang memanggil kita, mereka yang menjemput kita hadir dalam mesyuarat, Yang Berhormat bagi Kudat dan saya telah diarahkan keluar oleh pegawai daripada Kementerian Luar kerana tidak memakai *tag* yang tertentu.

Walhal segala *tag* yang diberikan kepada kami itu ialah *tag* yang disediakan oleh kakitangan Kementerian Luar...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Oh sedih sangatlah!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Siapa cakap Yang Berhormat.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Yang Berhormat bagi Kudat dan saya telah masuk mesyuarat dan telah diarahkan keluar oleh kakitangan Kementerian Luar yang seharusnya menyediakan dokumen yang cukup, meminta kami supaya meninggalkan dewan mesyuarat.

Jadi Tuan Pengerusi, saya harap tidak lagi berlaku kecacatan dalam kita mengaturkan mesyuarat-mesyuarat yang begitu besar. Dan kita saya tengok kita berbelanja cukup besar lebih daripada RM15 juta untuk Mesyuarat Menteri-Menteri Luar.

Tuan Pengerusi

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya rasa itu bukan kecacatan, itu penghinaan.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah habis. Baik ada dua lagi. Kudat pun hendak berucap juga? Oh tidak nampak. Tidak bangunlah tadi bukan saya tidak nampak. Baiklah cuba ringkaskan, Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi di mana-mana peperangan berlaku. Ia akan menyusahkan semua masyarakat terutamanya wanita-wanita, anak-anak dan warga tua. Kita tahu kita.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi, apa itu..?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:Apa terjadi di Lubnan dan negara-negara lain. Tetapi satu perkara yang mustahak Tuan Pengerusi adalah peperangan yang dikatakan telah bermula di Sri Lanka. Saya pohon agar kerajaan memberi satu, mengambil tindakan serius terhadap perkara yang sedang berlaku di Sri Lanka. Pada tahun 2002 *Norway Accord*, oleh Kerajaan Norway telah mengadakan satu perbincangan di antara pihak puak Tamil di Sri Lanka dan Kerajaan Sri Lanka di mana satu perjanjian damai telah dicapai. Tetapi selepas itu perkara yang tidak dingini telah terjadi baru-baru ini di mana di Mutur dan di Kilinochchi mana lebih dari 800 orang telah dibunuh.

Dan perkara ini setiap hari menjadi lebih serius di mana baru-baru ini di *Sencholai Children Home* di mana 63 budak-budak kecil yang berumur hanya 16 dan 17 tahun yang menjalankan *First Aid Study* dekat Mullaitivu, di mana kapal serangan jet Sri Lanka telah pergi ke tempat tersebut dan membuang *cluster bomb* hingga 63 dari 400 yang belajar di sana telah terbunuh akibatnya.

Dan pihak kerajaan di sana dan telah memberikan satu rasa terkejut di mana Sri Lanka kerajaannya berkata bahawa, oleh kerana peperangan telah bermula maka mereka tidak menyesal tetapi adakah ini satu pendirian yang boleh diterima. Walhal setiap hari kita baca seruan beberapa kerajaan serantau mengatakan bahawa perdamaian patut diadakan di Sri Lanka dengan seberapa cepat yang boleh, di mana satu *federal system* seperti di Malaysia dan di India boleh di pakai di Sri Lanka. Tetapi ini nampaknya tidak dihiraukan langsung oleh Kerajaan Sri Lanka.

Saya ingin petik apa yang dikatakan oleh seorang budak yang telah cedera tetapi tidak dibunuh di Mullaitivu itu yang bernama Mary Arulappan Juliet iaitu seorang perempuan yang hanya berumur 18 tahun.

Dia memohon, ini satu mesej yang beliau ingin beri kepada pihak-pihak di dunia ini dengan izin," *I would urge the international community to unreservedly condemn the Colombo Government for the aerial attack and to exert pressure on them to adhere to basic humanitarian principles.*"

Tuan Pengerusi, perkara ini saya telah...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini butiran mana Tuan Pengerusi?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi, perkara ini adalah satu perkara yang sangat mustahak dan perkara ini saya telah bangkitkan sebelum ini di Dewan ini di mana Menteri telah memberi jawapan bahawa tindakan susulan sedang diambil di mana kerajaan peka dengan perkara-perkara yang terjadi di Sri Lanka tetapi perlu menyatakan bahawa "*Norway Accord*" sedang ada tetapi nampaknya ini tidak terjadi. Memandangkan perkara ini, apakah pendirian Kerajaan Malaysia? Adakah Kerajaan Malaysia memandangkan telah terlibat dengan beberapa negara di rantau ini termasuk *Timor Leste*, di mana beberapa ratus askar-askar kita telah dihantar ke sana untuk menolong membawa satu senario yang lebih *civil order* di negara tersebut.

Bukankah masa sudah datang supaya Malaysia juga terlibat dalam hal-hal peperangan, *civil war*, di Sri Lanka supaya satu perkara perdamaian dapat dibawa dengan seberapa segera yang boleh. Perkara kedua yang ingin saya bangkitkan ialah mengenai *International Criminal Court*, kalau tidak salah

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, mana satu peruntukan dipohon untuk ..

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Oh! Bagus. 030300. *[Disampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Betul atau tidak? Yang Berhormat bagi Sri Gading tidak tahu. *[Ketawa]* Tuan Pengerusi, saya difahamkan *the Rome Statute* di mana Malaysia telah menghantar anggota-anggotanya untuk menghadiri pada perawalan perbincangan *Rome Statute* dan penubuhan *International Criminal Court*, di mana beberapa negara telah menjadi anggotanya. Kerajaan Malaysia juga telah berjanji bahawa sedang

meneliti beberapa terma-terma *Rome Statute* itu dan dikali akhir tahun dulu kerajaan telah menyatakan bahawa setakat 75% daripada terma-terma *Rome Statute* itu telah di.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, peruntukan ini adalah untuk membiayai tambahan emolumen dan juga membiayai mesyuarat Menteri-Menteri Luar Asean.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Asean Class* termasuk juga. Jadi, apakah pendirian sekarang, yang terkini mengenai perkara ini. Saya.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini Yang Berhormat bagi Ipoh Barat sudah salah baca.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat bagi Sri Gading tidak tahulah. Kita boleh tunjuk ajar kepada beliau.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau hendak tunjuk ajar tidak payah tunjuk di sinilah. Lepas ini bolehlah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Di luar tetapi perkara yang mustahak, Tuan Pengerusi, ialah mengenai *International Criminal Court*. Bilakah kerajaan juga akan mengiktiraf menandatangani dan mengakui bahawa terma-terma tersebut juga boleh diguna pakai di Malaysia dan konvensyen tersebut boleh digunakan di sini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini luar tajuklah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Baru-baru ini kawan saya dari Gombak telah pergi ke Manila untuk menghadiri satu mesyuarat berkaitan dan saya pun telah dipelawa tetapi saya tidak cukup masa. Apakah pendirian kerajaan mengenai perkara ini dan kerajaan telah menyatakan beberapa kali bahawa terma-terma dan pendirian-pendirian dalam *Rome Statute* dan *International Criminal Court* adalah seimbang dengan beberapa *Federal Constitution* kita. Dan, bukankah masa sudah datang supaya kita menjadi satu anggota *International Criminal Court* supaya ia menjadi satu imej yang baik.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bukan masa sudah datang, masa sudah tiba. Bahasa Melayu betul, masa sudah tiba, bukan masa sudah datang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau ada hati yang baik, bangun beritahu dia, tidak payah duduk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya hati baik sama dia, Tuan Pengerusi, dia kawan kita.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Jadi, ini adalah satu perkara yang saya rasa.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, jangan kerana hendak tolong kawan baik langgar Peraturan Mesyuarat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Minta maaf, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dia selalu langgar Peraturan Mesyuarat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Satu hari tindakan tegas akan saya ambil.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tolonglah Tuan Pengerusi, jangan ini macam. *[Ketawa]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat bagi Sri Gading fahamkan, serius Tuan Pengerusi hari ini. Jadi, saya rasa masa sudah datang supaya kita menjadi anggota *International Criminal Court*. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Masa sudah tiba. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat? Yang Berhormat hendak berucapkah? Yang Berhormat bagi Sri Gading? Mungkin Yang Berhormat belum baca lagi. Baiklah, Yang Berhormat bagi Larut.

5.04 ptg.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Pengerusi, sikit sahaja Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Selepas Yang Berhormat bagi Larut, Yang Berhormat bagi Kudat dan Setiausaha Parlimen boleh jawab.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sikit sahaja di bawah Butiran 020100 – Hubungan Dua Hala. Kita tahu baru-baru ini kita telah mengadakan persidangan Menteri-Menteri Luar Asean yang begitu mendapat sambutan. Kebetulan Tuan Pengerusi, ini perlu saya minta dirakamkan tentang pandangan dan pujian hubungan kita dengan Indonesia yang dalam Perbelanjaan Persidangan Parlimen mereka baru-baru ini, yang kebetulan saya dapat hadir, bagaimana Indonesia begitu memuji dengan peranan Malaysia terutama sekali dalam mengajak negara-negara Asean ini terutamanya dalam memperkukuhkan perpaduan global sebagai dilihat suatu contoh yang baik, yang telah dimainkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sebagai pengerusi OIC.

Di bawah hubungan dua hala ini saya berharap selain daripada peringkat Menteri-Menteri Luar Asean yang mengadakan mesyuarat secara rasmi, kita juga berharap supaya rakan-rakan kita di peringkat ahli-ahli Parlimen juga akan dapat meneruskan hubungan yang baik ini selain daripada kunjungan silaturahim yang telah diadakan oleh Perdana Menteri kita. Jadi, saya yakin dan percaya Indonesia ini selain daripada sebagai sebuah negara rumpun kita juga mesti melihat hubungan dua hala yang baik dari segi perdagangannya, perhubungan untuk peluang-peluang berniaga, peluang-peluang untuk pelajaran.

Ini kerana kita tahu pada hari ini dalam hubungan dua hala ini lebih 20,000 orang rakyat Indonesia yang sedang menuntut, belajar di negara kita ini dan kita juga ada sekitar 2,000 orang pelajar kita yang sedang belajar di Indonesia ini. Kita berharap hubungan dua hala yang baik ini, terutamanya Malaysia-Indonesia ini akan dapat kita perkukuhkan lagi sebagai benteng ketahanan negara jiran kita. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kudat.

5.06 ptg.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin terlibat di dalam perbincangan peringkat jawatankuasa Kementerian Luar Negeri. Ada satu, dua perkara yang ingin bangkitkan di sini iaitu berkaitan dengan peruntukkan yang diminta sebanyak RM52,293 juta untuk kononnya membiayai tambahan emolomen dan juga sumbangan tidak berjadual sebanyak RM36.5 juta. Apa yang saya ingin bangkitkan di sini ialah apakah yang dimaksudkan dengan sumbangan tidak berjadual sebab tidak dinyatakan di sini dan kita meminta penjelasan daripada Menteri Luar Negeri dan juga wakilnya untuk menjelaskan apakah bentuk sumbangan tidak berjadual yang akan diberikan ini. Adakah ia sumbangan tidak berjadual ini diberikan kepada negara-negara jiran yang menghadapi ancaman bencana tsunami ataupun kejadian-kejadian buruk yang berlaku di negara-negara luar?

Yang kedua iaitu yang berkaitan dengan emolomen. Seperti mana yang sering saya jelaskan dan bangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa sebenarnya ramai daripada pegawai-pegawai kedutaan kita di Kementerian Luar memanglah mereka ini dibayar dengan emolomen yang begitu rendah berbanding dengan kebanyakan negara-negara Asean ataupun negara-negara yang setara dengan kita. Ini saya minta supaya suatu tindakan boleh diambil khususnya kajian tentang EPSH atau Elaun Sara Hidup bagi pegawai-pegawai Kementerian Luar di luar negara kerana kebanyakan daripada mereka ini hidup....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi, boleh saya bertanya kepada Yang Berhormat bagi Kudat. Boleh atau tidak buat contoh perbezaan emolumen antara kakitangan kedutaan kita yang di seberang laut dengan kedutaan negara lain di seberang laut. Macam mana perbezaannya sama ada dalam USD ataupun dalam ringgit kita.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Kebanyakan daripada...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat ada pengalaman sebagai...

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Kebanyakan daripada pegawai-pegawai ini memang kebanyakan mereka ini dibayar dua gaji atau satu gaji dibayar di Malaysia sebagai gaji hakiki mereka tetapi untuk membiayai anak-anak mereka ataupun keperluan-keperluan di dalam negeri tetapi di luar negara mereka ini dibayar apa yang dipanggil elaun perkhidmatan atau sara hidup atau EPSH iaitu amaun yang diberikan untuk menampung sara hidup mereka di luar negara. Tetapi jumlah yang dibayar itu tidaklah begitu memuaskan hanya dalam lingkungan tidak lebih daripada USD2 ribu bagi Ketua Perwakilan. Bagi kakitangan biasa mungkin hanya dibayar dalam USD1 ribu, itu tertakluk kepada kawasan-kawasan tertentu.

Di tempat-tempat tertentu seperti negara-negara ASEAN yang lain seperti Thailand, mereka di bayar lebih rendah dan ini adalah jauh berbanding dengan negara-negara seperti Singapura yang dibayar jauh lebih besar. Dan ini adalah merupakan satu perkara yang sering menjadi rungutan semasa saya di Kementerian Luar sendiri saya memang menghadapi masalah ini dan kita juga tidak diberikan kelengkapan yang cukup khususnya misalnya seperti *entertainment allowance* sedangkan sebagai Ketua Perwakilan, mereka mempunyai tugas-tugas yang besar untuk mempromosikan Malaysia di luar negara untuk mengadakan hubungan-hubungan yang baik dengan *house government* dan juga pihak-pihak perindustrian dan juga untuk membuka peluang-peluang perniagaan negara Malaysia di luar negara.

Jadi saya fikir sudah terlalu, contohnya 'EPSH' telah dibuat kajian lebih kurang 10 tahun yang lalu, jadi ini dan kajian itu hanya diberikan sebanyak 10 *percent* dan ini adalah merupakan satu jumlah yang terlalu kecil kerana *inflation rate* di negara-negara tertentu tersebut juga memang telah naik dengan begitu banyak dan mereka ini juga terdedah dengan bermacam-macam masalah dan ancaman.

Ada satu ketika dahulu sebenarnya, pendidikan sehingga hari ini pun sebenarnya pendidikan bagi sekolah menengah, anak-anak kedutaan ini masih lagi sebenarnya tidak ditanggung 100 peratus oleh kerajaan. Mereka hanya ditanggung 70 peratus, satu ketika dahulu 50 peratus sahaja yang ditanggung oleh kerajaan. Cuma peringkat rendah sahaja yang ditanggung oleh kerajaan.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: [*bangun*]

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Jadi bayangkanlah dengan EPSH yang begitu rendah, dan juga dengan mereka terpaksa menanggung perkara-perkara sebegini, ianya merupakan satu tekanan kepada pegawai-pegawai kedutaan kita. Jadi kita khuatir kalau mereka ini tertekan dengan perkara-perkara begini, mungkin mereka melibatkan diri dengan perkara-perkara yang tidak elok.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Lipis.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Misalnya mengadakan, misalnya terlibat dalam rasuah atau pun penyalahgunaan kuasa. Yang ini memang ada cerita-cerita sebegini berlaku misalnya menjual visa dan sebagainya. Ini berlaku. Jadi kita tidak mahu mereka duduk di luar negara dalam keadaan yang begitu tertekan sehingga mereka melibatkan diri dalam perkara-perkara yang tidak baik misalnya menjualkan hak mereka untuk membeli sebab sebagai Pegawai Kedutaan, mereka diberikan *rights* untuk mendapatkan pembelian barang-barang tanpa cukai.

Jadi ada juga penyalahgunaan di dalam bidang ini kerana mereka tidak mencukupi kewangan, pendapatan yang tidak mencukupi untuk mereka.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Minta jalan Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Silakan.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Kudat. Ini saya hendak bertanya bagaimana dengan anak-anak yang bersekolah menengah? Adakah mereka boleh mengikut ibu bapa mereka atau mereka terpaksa tinggal di Malaysia, tidak mengikut ibu bapa mereka.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Mereka dibenarkan untuk membawa anak-anak tetapi anak-anak mereka ini seperti yang saya jelaskan tadi, apabila mereka bersekolah di *international school* yang kebanyakan daripada *international school* ini adalah mengenakan yuran sekolah yang begitu tinggi, mereka tidak sebenarnya dibayar sepenuhnya oleh kerajaan. Jadi apa salahnya kita dengan keadaan negara kita yang semakin maju, kita harus juga mempertimbangkan nasib mereka.

Jadi, mereka ini kadang-kadang sering mengeluh semasa saya di sana dahulu pun saya sedar masalah ini, tetapi apa yang sering menjadi alasan sebenarnya perkara-perkara ini diputuskan oleh pegawai-pegawai JPA yang tidak memahami atau pun mereka tidak mahu memahami masalah yang dihadapi oleh pegawai-pegawai ini.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Kerana saya difahamkan dahulu Yang Berhormat bagi Kudat, bahawa hanya anak-anak yang bersekolah rendah sahaja yang boleh dibawa dan ditanggung oleh kerajaan. Anak-anak yang bersekolah menengah yang kadang-kadang memerlukan juga kasih sayang ibu dan bapa, daripada tingkatan satu sampai tingkatan lima terpaksa ditinggalkan di sini dan dibenarkan masuk ke sekolah-sekolah berasrama penuh.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Ini berlaku memang seperti mana dijelaskan tadi bahawa sebenarnya bagi ibu bapa yang tidak mampu, mereka menjadi Pegawai Kedutaan, mereka tidak mampu membayar 30 *percent* kerana yuran di sekolah *international school* adalah terlalu mahal. Jadi dengan 30 *percent* yang mereka terpaksa tanggung, bayangkan kalau mereka ada tiga empat orang anak yang terpaksa dibayar, kadang-kadang terpaksa membayar satu mungkin dalam USD 1 atau dalam satu penggal atau USD 2-3 ribu dalam satu penggal.

Kalau mereka ada tiga empat orang anak, ini adalah merupakan satu tekanan kepada mereka. Sebab itu Pegawai-pegawai Kedutaan ini terpaksa meninggalkan anak-anak mereka di Malaysia dan ini saya percaya adalah, kita harus berlaku adil kepada mereka dan seperti yang saya jelaskan tadi, *revision* 'EPSH' sepatutnya dilakukan setiap dua atau tiga tahun. Tidak perlu mengambil masa sehingga 10 tahun dalam *revision* 'EPSH' yang berlaku pada baru-baru ini, yang berlaku dalam dua tahun yang lalu, itu adalah merupakan satu *revision* yang melibatkan jangka masa yang terlalu lama sehingga 10 tahun.

Mereka ini sebenarnya menderita, tetapi apabila berlaku *negotiation* sebenarnya yang sering membatalkan atau pun menolak cadangan-cadangan ini ialah pihak JPA sendiri. Jadi JPA ini dia berkuasa, bukan sahaja Parlimen dia boleh tolak macam-macam kemudahan kita, tetapi juga banyak pegawai-pegawai lain yang rasa menderita. Jadi, itu yang pertama. Yang kedua iaitu berkaitan dengan kita punya penerangan luar negara.

Seperti yang kita tahu bahawa ramai rakyat Malaysia sekarang sudah tinggal di luar negara dan mereka ini juga memanglah adalah rakyat-rakyat yang begitu, rakyat Malaysia yang patriotik, sebab berdasarkan kepada kegiatan-kegiatan dan aktiviti yang pernah kita lakukan, kalau kita memanggil rakyat Malaysia di dalam apa-apa juga majlis, sama ada majlis menyambut Hari Kemerdekaan atau pun hari raya, mereka memang berduyun-duyun datang dengan rasa patriotik dan juga ingat sebagai rakyat Malaysia dan mereka ini masih berbangga sebagai rakyat Malaysia.

Tapi kadang-kadang yang menjadi masalah di sini ialah satu lagi masalah yang saya ingin sebutkan ialah masalah Kementerian atau pun pihak-pihak tertentu terlalu

kedekut untuk memberikan peruntukkan bagi perkara-perkara yang sebegini. Sedangkan perkara begini adalah penting. Hanya apabila isu misalnya suatu ketika isu Anwar Ibrahim dan bermacam-macam isu reformasi di dalam negara kita yang begitu serius sehingga banyak rakyat Malaysia terpengaruh di luar negara sama ada pelajar-pelajar atau pun *expatriate*, barulah kerajaan memberikan peruntukkan yang lebih sedikit.

Itu pun kita terpaksa menulis berkali-kali kerana kita ingin mengadakan majlis bersama-sama mereka untuk menjelaskan tentang keadaan dan isu semasa khususnya pelajar-pelajar. Misalnya di tempat saya berkhidmat dahulu, ada 3000 pelajar Malaysia yang belajar di sana. Jadi mereka ini belajar di kebanyakan universiti-universiti di sana dan yalah, lazimnya lah sahabat-sahabat kita daripada pembangkang pun kadang-kadang ada menghantar pemimpin-pemimpin mereka ke sana untuk meracuni dan juga menyelewengkan fakta-fakta sebenar yang berlaku di negara kita.

Dan itu menjadi tugas kita sebagai Pegawai Kedutaan untuk menjelaskan perkara yang benar. Apa yang berlaku di negara kita dan untuk membersihkan imej kerajaan di luar negara. Tetapi kalau mereka ini tidak diberikan peruntukan yang mencukupi, mereka tidak dibekalkan dengan peruntukan, tambahan pula di negara-negara tertentu, harga bagi melaksanakan aktiviti ini adalah terlalu mahal.

Maka sudah tentulah kita mempunyai banyak keterbatasan di dalam soal ini. Jadi sebab itu kita kadang-kadang mendengar bahawa ramai pelajar-pelajar kita yang terlalu kiri atau pun mereka menentang kerajaan, sebenarnya puncanya ialah kerana kita sendiri, Pegawai-pegawai Kedutaan kita tidak dapat mendedahkan mereka tentang apa yang berlaku sebenarnya di dalam negara kita.

Jadi saya fikir, misalnya peruntukan untuk penerangan luar negara ini haruslah ditambah dari semasa ke semasa. Jangan kita terlalu kedekut dalam soal ini kerana ini adalah merupakan suatu perkara yang menguntungkan kita sebenarnya. Bayangkan seperti di United Kingdom atau di United State atau pun di negara Asia Barat, ramai pelajar-pelajar kita yang belajar di sana dan mereka ini mempunyai *tendency* untuk menentang kerajaan kerana mereka tidak faham dan tidak mengetahui apa keadaan sebenar di negara kita.

Berilah apa ini peruntukkan. Pihak Kementerian Kewangan jangan kedekut kalau Kementerian Luar nak minta duit untuk soal-soal perkara macam ini, berilah mereka peruntukkan yang mencukupi untuk membolehkan mereka melaksanakan tanggungjawab ini. Dan satu lagi ialah soal sebagai sebuah Kementerian yang bertanggungjawab untuk menjalin hubungan, bukan sahaja hubungan politik, tetapi juga hubungan ekonomi, dan juga pelaburan dan perdagangan, sepatutnya Pegawai-pegawai Kedutaan ini diberikan kapasiti yang mencukupi untuk membolehkan mereka mempromosikan Malaysia di luar negara untuk memberikan penerangan misalnya, untuk membolehkan mereka misalnya membuat satu-satu aktiviti yang membolehkan imej Malaysia di luar negara akan bertambah.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: [Bangun]

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Dan membolehkan rakyat di negara tersebut khususnya negara-negara yang maju tertarik untuk datang ke Malaysia. Tapi kadang-kadang *exposure* kita tidak dapat buat kerana kita tidak dibekalkan dengan segala keupayaan ini berbanding dengan Singapura. Kadang-kadang dengan Thailand, dengan Indonesia pun kita sudah tidak dapat menandingi pejabat-pejabat kita di kawasan-kawasan, di tempat-tempat tertentu..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Maran.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Di stesen tertentu tidak lah begitu *presentable* berbanding dengan kedutaan-kedutaan yang lain.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Kudat. Saya ingin bertanya Yang Berhormat sebagai orang yang berpengalaman di Kementerian Luar Negara sebab saya ada dengar sebenarnya ada sebahagian negara di mana MSD ini, Jabatan Pelajar Malaysia ini

mempunyai kuasa yang lebih rendah daripada persatuan pelajar di setengah universiti, dan ini menyebabkan sebahagian dari pelajar kita telah cuba apabila dipengaruhi oleh pembangkang, telah cuba seolah-olah anti kerajaan dan sebagainya.

Apakah ini disebabkan oleh kurangnya program atau pun aktiviti yang dijalankan oleh MSD sendiri atau pun Kedutaan sendiri dalam menarik kesedaran pelajar-pelajar kita supaya cintakan negara, cintakan bangsa sendiri dan sebagainya. Apakah ini antara faktor dan saya memberikan sokongan kepada Yang Berhormat supaya kerajaan menambahkan peruntukkan yang lebih besar pada mereka bagi mereka dapat melaksanakan program ini.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Ini satu realiti, mungkin mereka tidak dapat melihat, mungkin kerajaan kita tidak dapat melihat khususnya Kementerian Kewangan. Mereka tidak dapat melihat kepentingan untuk melihat kepentingan rakyat Malaysia di luar negara yang sekarang mungkin sudah ratusan ribu kerana dunia sekarang adalah dunia globalisasi dan rakyat Malaysia juga telah duduk di luar negara, bukan hanya sebagai pelajar tetapi juga sebagai *expatriate*.

Kita mempunyai tanggungjawab untuk memastikan bahawa mereka mempunyai kesetiaan dan seterusnya semangat patriotik yang berterusan kepada negara kita. Tetapi bagaimanakah kita ingin menanam sikap-sikap ataupun karakter serupa ini kalau kita tidak bersedia untuk melabur di dalam bidang ini. Jadi saya fikir itu yang penting kita dan satu lagi yang saya ingin bangkitkan ialah soal masalah-masalah kaunselor yang berlaku. Misalnya berlaku beberapa kes-kes di luar negara di mana rakyat Malaysia apabila mereka ditangkap, dan mereka didakwa di mahkamah tetapi mereka tidak di penjara ataupun hanya *dibailout*. Apabila mereka *dibailout*, mereka tidak dibenarkan untuk keluar daripada negara tersebut.

Ini tanggungjawab siapa? Bagaimana dengan hidup mereka? Mereka tidak boleh kalau mereka dipenjarakan ataupun ditahan, di reman, itu mudah kerana kos *government* itu, *government* di mana mereka terlibat dalam jenayah itu akan memberikan bantuan untuk memberikan mereka makan. Tetapi kalau mereka didakwa dan mereka tidak ditahan, mereka terpaksa tinggal di negara tersebut dan tidak boleh keluar dan tidak ada orang yang membantu mereka. Jadi kadang-kadang yang penting di sini, kita juga harus melihat perkara-perkara begini, kerana banyak kes-kes begini berlaku dan kementerian kita juga tidak mempunyai apa-apa usaha untuk boleh membantu mereka. Jadi saya minta supaya pihak Kementerian Luar Negeri melihat kes-kes begini. Demikian juga ada kes-kes di mana mereka yang telah dipenjarakan, yang tempoh penjara mereka telah pun tamat tetapi mereka ini seolah-olah dilupakan sehingga tempoh penjara mereka melebihi daripada hukuman yang sepatutnya mereka terima. Ini adalah merupakan satu ketidakadilan kepada rakyat Malaysia tersebut. Saya fikir itu sahaja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila.

5.23 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Tuan Ahmad Shabery Cheek]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, pertamanya saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada lapan orang Ahli-ahli Yang Berhormat, yang telah sudi mengambil bahagian dalam....

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tuan Pengerusi, tidak boleh bagi seorang lagikah untuk berbahas sikit?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak bangun.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Saya sudah bangun tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi tidak ada bangun. Dia selepas.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Saya bangun Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah, nanti.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Dia isu sangat penting Tuan Pengerusi, sini. Tuan Pengerusi.....

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Janganlah minta. Nanti bolehlah.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Saya minta kebenaran daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen untuk memberi kebenaran.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini kebenaran, kebenaran daripada sini, bukan dari sana.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Sikit sahaja.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Ohh.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu penjelasan boleh dari sana.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Oka, okay. Saya minta kebenaran.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dua minit, dua minit.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Dua minit susahlah Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau susah tidak payah.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Lima minit. Lima minit.

Tuan Ahmad Shabery Cheek [Kemaman]: Saya rasa...

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kita sudah lewatlah.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Sekejap sahaja ini. Minta budi baik dan sokongan daripada Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, selama ini Yang Berhormat tidak bangun. Bukan tidak bagi.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Saya tunggu, saya tunggu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak ada tunggu.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Betul, ikhlas, saya tunggu. Saya mintalah budi baik Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah. Baiklah, tiga minit. Jangan tawar lagi. Tiga minit.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Ohh, tiga minit.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau tidak boleh, tidak payah.

5.26 ptg.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya ingin bahas sedikit mengenai dengan Butiran 0200 – Kementerian Luar, Hubungan Dua Hala Politik dan Ekonomi. Isunya, isu keselamatan sempadan negara. Saya rasa isu terkini adalah dasar luar negara yang jelas menentang keganasan antarabangsa *terrorism*, berkaitan dengan

terrorism. Sebab ini jelas melalui perjanjian kita dengan US, kerjasama serantau melalui ASEAN. Di peringkat OIC, kita ada deklarasi, *Kuala Lumpur Declaration of Terrorism*. Penubuhan *Centre of Counter Terrorism* (CT). Tetapi saya rasa satu perkara yang perlu diberi perhatian oleh kementerian adalah dalam senario keselamatan dunia sekarang adalah *home land security* dengan izin.

Saya ingin sedikit penjelasan mengenai hal *home land security* ini. Terlalu banyak wang dan juga tenaga telah digunakan untuk *counter terrorism*. Tetapi saya rasa ancaman terbaru kini adalah keselamatan isu-isu yang bukan tradisional. Bukan tradisional maksudnya adalah penyeludupan senjata, pendatang tanpa izin, pengedaran dadah yang sekarang digunakan sebagai landasan untuk mengancam sesebuah negara. Saya rasa kementerian Yang Berhormat akan bersetuju bahawa besar kemungkinan serangan yang dibuat terhadap Iraq dan juga Timur Tengah tidak mungkin berlaku di rantau ini kecuali di dalam keadaan-keadaan di luar biasalah. *A third world war* dengan izin, *in this reason will be not a very near future*. Tetapi ancaman baru kita adalah berbeza.

Tetapi segala logistik yang kita sedia ada, adalah untuk peperangan sebegitu. Pembelian senjata berbilion-bilion ringgit dan sebagainya sedangkan perkara-perkara yang saya katakan tadi, *the home land security* dengan izin, tidak diberi tumpuan dan fokus yang mendalam. Itulah isu yang saya minta supaya dilihat. Isu undang-undang imigresen. Isu berkaitan kemasukan pengganas yang menggunakan pasport, yang ditiru dan ditipu. Pemberian kerakyatan sewenang-wenangnya. Inilah isu-isu yang bakal menjadi isu yang penting dalam menangani perjuangan terhadap keselamatan negara.

Maka cabaran ini harus dilihat. Keadaan ini dengan izin, *certainly calls for a good, collaborated balance of personnel, aircraft, equipment, technology and tactical infrastructure* dengan izin. Inilah perkara-perkara yang sedang dibuat oleh negara-negara barat. Dia sudah tahu "ICTization" Contohnya ICT digunakan dalam melatih dia punya pegawai-pegawai. Maka dalam konteks ini kita amat ketinggalan. Perundangan kita perlu diketatkan. Faktor-faktor pemberian pasport perlu diperketatkan. Sistem pengurusan zon maritim kita perlu diperketatkan. Penubuhan PMM adalah satu pembuktian komitmen negara.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat. Cukup.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Okay, sikit, sikit. Dua, tiga perkara sahaja, habis.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah, cukup, cukup.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Cadangan saya minta pandangan, cadangan saya. Pertama, dari segi pemberian, apakah pandangan kementerian bagi pemberian kerakyatan yang masih longgar. 30 tahun di Sabah orang sudah bising tetapi masih belum ada penyelesaian. Yang kedua, dari segi ICT tadi. Seterusnya penyelarasan antara kementerian, *last* sekali Tuan Pengerusi. Bahagian maritim sekarang di bawah Kementerian Pengangkutan, jabatan laut di bawah Kementerian Pengangkutan, jabatan perikanan sekarang di bawah Kementerian Pertanian.

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia di bawah Jabatan Perdana Menteri, Taman Laut dan Perikanan Rekreasi di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Bahagian Hal-Ehwal Maritim di bawah Kementerian Luar. Ini tengok tujuh kementerian terlibat dalam Sekuriti Kebangsaan. Bagaimanakah ini dapat diselaraskan? Bagaimanakah ini dapat disatukan supaya ancaman *home land security* dapat dipelihara. Itulah persoalan saya. Tuan Pengerusi, banyak-banyak terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak terima kasih.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Banyak-banyak terima kasih. Saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Saya menyokong. Saya minta supaya penjelasan diberi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada sembilan orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membukakan soalan. Saya minta maaf sekiranya dalam jawapan saya ini, saya tidak dapat menjawab keseluruhan soalan-soalan ataupun perkara-perkara yang ditimbulkan khususnya perkara-perkara yang berkaitan dengan dasar yang tidak menyentuh tentang tajuk yang kita bincangkan iaitu peruntukan tambahan belanja mengurus tahun 2006 di peringkat Jawatankuasa ini.

Terlebih dahulu izinkan saya menyentuh apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kudat yang saya kira soalan yang telah dikemukakan oleh beliau lebih bersifat spesifik tentang apa yang kita bincangkan. Saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas beberapa cadangan dan keprihatinan beliau tentang nasib ataupun masalah yang dihadapi oleh mereka-mereka yang terlibat di dalam *mission* ataupun wakil-wakil kita di luar negara yang dikatakan tidak mencukupi dari segi apa yang perlu mereka laksanakan dalam usaha untuk melaksanakan tanggungjawab di atas peruntukan-peruntukan yang kecil kalau dibandingkan dengan apa yang ditepati oleh negara lain. Sebenarnya saya kira kalau kita bandingkan negara lain kita bergantung pada negara mana yang kita bandingkan. Sekiranya kita berbanding dengan negara yang lebih kaya...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi. Oleh sebab ini peruntukan semua sudah pun digunakan, kita cadangkan luluskan sahajalah Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah biar keputusan dibuatlah.

[Datuk Dr. Yusof bin Yacob *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya ingat pun saya sokonglah.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Saya tidak ada masalah tetapi ini bukan mungkin tidak digemari oleh Ahli-ahli Parlimen sekiranya saya tidak menjawab soalan-soalan yang dikemukakan. Saya terus kepada persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Kudat, tentang apakah yang dimaksudkan sumbangan yang tidak berjadual?

Saya pecahkan di sini bahawa sumbangan yang tidak berjadual ialah sumbangan kepada negara-negara yang ditimpa bala bencana ataupun kepada negara-negara yang kita fikirkan perlu diberi sumbangan dari segi kebajikan iaitu misalnya komputer kepada Gambia, gempa bumi di Jogjakarta sebanyak lebih daripada RM10 juta, gempa bumi Pakistan lebih daripada RM3 juta, sumbangan kepada Palestin khususnya sekolah di Jenin lebih daripada RM1 juta, sumbangan kepada rumah anak yatim di Balakot Pakistan lebih kurang RM250,000. Itulah kenapa ia berbelanja sebanyak RM16 juta lebih di sini.

Saya ingin terus kepada perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat daripada Kubang Kerian. Kebetulan apa yang ditimbulkan oleh beliau itu adalah secara spesifik yang berkaitan dengan perbelanjaan kita dalam menganjurkan sidang ASEAN baru-baru ini di mana beliau telah menimbulkan tentang kenapakah kita menjemput atau mengundang atau membenarkan Setiausaha Negara Amerika, Cik Condoleezza Rice untuk datang di sini dan diberikan apa yang disebutkan beliau ialah sebagai penghormatan. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, bagi saya teringat dengan satu hadis yang mengatakan bahawa "*Setinggi-tinggi jihad ialah keberanian seseorang itu memperkatakan kebenaran kepada pemimpin yang zalim*".

Jadi dalam konteks ini kalau kita katakan Israel itu zalim kita tidak ada hubungan diplomatik untuk pergi berjumpa dengan pemimpin Israel memperkatakan kebenaran kepada mereka. Sekiranya kalau dikatakan bahawa Amerika Syarikat adalah sebuah negara yang mendukung dan menyokong kezaliman yang dilakukan oleh Israel baru-baru ini amat sukar untuk kita pergi ke Amerika Syarikat dan berjumpa dengan presiden mereka dalam konteks apa yang berlaku baru-baru ini, tetapi apabila setiausaha negara mereka datang ke mari, bersedia untuk datang ke mari saya rasa tidak wajar untuk kita menghalau dia. Sebaliknya kita membenarkan beliau datang dan itulah peluang untuk kita memperkatakan kebenaran dan perkara yang kita rasakan patut diperkatakan kepada beliau.

Jadi dalam konteks kehadiran beliau sidang ASEAN dan juga sidang ASEAN Regional Forum yang diadakan di Kuala Lumpur baru-baru ini, terdapat sekurang-kurangnya tiga peluang untuk kita memperkatakannya. Yang pertama sekali ialah ketika beliau datang ke Bangunan Parlimen sendiri untuk bertemu dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita di mana ketika itu Parlimen sedang membincangkan secara khusus, Dewan Negara sedang membincangkan secara khusus satu resolusi atau satu usul khas berkaitan dengan Labenon di mana suasana pada ketika itu semua bukan sahaja beliau tetapi juga perwakilan-perwakilan daripada beliau menyedari bahawa Parlimen Malaysia sedang bersidang khusus untuk menyatakan sentimen dan harapan dan kemarahan orang-orang Malaysia terhadap apa yang berlaku di sana.

Peluang itu juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengambil masa hampir satu jam untuk menyatakan bahawa perbuatan Israel itu adalah salah dan adalah tanggungjawab beliau untuk menyelesaikan dan sekurang-kurangnya mengadakan gencatan senjata secepat mungkin bagi menghentikan kemusnahan dan penderitaan yang dialami oleh mereka yang terlibat di Labenon dan di Palestin dan peluang yang kedua ialah ketika perjumpaan dua hala dengan Menteri Luar kita, perkara yang sama juga telah kita nyatakan. Yang ketiganya dalam perjumpaan secara umum yang lebih besar lagi pada waktu itu Malaysia sebagai tuan rumah di depan wakil-wakil daripada negara-negara lain sepakat suara untuk menimbulkan *concern* ataupun keprihatinan negara-negara ASEAN tentang apa yang berlaku di Timur Tengah pada waktu ini.

Saya percaya hasil daripada sidang itu kita telah mengorak langkah untuk menganjur satu sidang OIC secara khas yang diadakan hanya beberapa hari selepas sidang ASEAN. Hasilnya Tuan Pengerusi, kita telah menggerakkan banyak sidang-sidang lain termasuk Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu termasuk Liga Arab yang sebelum ini gagal untuk mengadakan sebarang persidangan ataupun sebarang pertemuan tetapi apa yang ditunjukkan oleh Malaysia berjaya mengadakan satu sidang khas OIC maka kita rasakan gencatan senjata telah berjaya dilakukan.

Saya rasa tidak timbul sama sekali apabila kita kata kita terlibat dengan penghantaran tentera pengaman kita untuk *disarm* ataupun melucutkan senjata golongan Hizbullah, tidak sama sekali. Kalau tidak masakan Israel telah menentang kehadiran Malaysia di sana. Kalau Malaysia kalau dikatakan oleh Yang Berhormat bertujuan untuk *disarm*, Hizbullah sudah tentulah Israel amat bergembira dengan kehadiran tentera-tentera Malaysia di sana. Tetapi apabila mereka rasakan bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang berintegriti walaupun kecil tetapi berhati besar ia membimbangkan negara seperti Israel dalam konteks ini.

Soalan yang keduanya ialah apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian yang boleh saya kaitkan terus dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Barat dan juga secara umum saya boleh menyentuh apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Santubong ialah tentang soal bagaimana kita mengheret mereka-mereka ini ke mahkamah jenayah antarabangsa. Kita tidak ada *treaty* lagi kita tidak menandatangani *treaty* dan walaupun kita menghadiri disebutkan sidang Rom terlibat tetapi kita bukanlah parti kepada sidang Rom - *statute of Rom* yang disebutkan tadi. Antaranya adalah perkara yang dikaitkan dengan *treaty* ini dan juga dengan beberapa konvensyen yang lain ataupun protokol yang lain, tidak dinafikan Malaysia mungkin dilihat sebagai negara yang agak perlahan dalam menandatangani beberapa konvensyen dan protokol ini.

Tetapi ini tidak bermakna Malaysia sebuah negara yang mengiakkan kejahatan-kejahatan ataupun perlakuan-perlakuan yang menyentuh jenayah-jenayah antarabangsa. Tetapi kita juga memikirkan bahawa setiap protokol konvensyen ataupun *treaty* yang kita tandatangani ianya mesti disusuli dengan tindakan-tindakan legal, tindakan-tindakan perundangan di tempat kita mengikut apa yang dikehendaki oleh konvensyen ataupun *treaty* yang berkenaan. Misalnya di sini sekiranya kalau jenayah antarabangsa misalnya tentang soal kedaulatan ketua negara misalnya. Kalau kita mengatakan ketua negara yang lain boleh diheret ke Mahkamah Antarabangsa bermakna kita mesti juga bersedia supaya ketua negara kita juga diheret ke mahkamah antarabangsa.

Ini bermakna bukan Perdana Menteri kita tetapi Yang di-Pertuan Agong kita yang boleh diheret ke mahkamah mana-mana. Ini antara perkara yang dirasakan buat masa ini dianggap bercanggah dengan prinsip kedaulatan ataupun imuniti yang khusus yang ada pada ketua negara kita. Jadi sebab itulah ini antara perkara yang kita kaji dan kita bincang dan tidak semata-mata kita menandatangani kerana dunia mahu kita menandatangani. Saya teringat ketika saya berjumpa dengan Pesuruhjaya Hak Asasi Manusia di Geneva beberapa bulan yang lepas. Di menyebut benar bahawa Malaysia adalah antara negara yang tidak menandatangani banyak konvensyen antarabangsa.

Tetapi katanya beliau juga ialah apa gunanya negara-negara lain. Banyak negara Afrika, dia tandatangi semua perkara yang disuruh kerana ingin untuk memuaskan hati negara-negara besar. Tetapi di peringkat negara mereka terdapat banyak pelanggaran-pelanggaran hak asasi manusia. Terdapat banyak pelanggaran-pelanggaran perkara yang mereka tandatangi itu. Katanya boleh ambil masa tetapi yang pastinya setiap apa yang kita tandatangi, kita tandatangannya dengan penuh integriti dan kita susulkan supaya perubahan-perubahan yang secara ke bawah secara menyeluruh dapat kita lakukan. Ini adalah perkara yang menyebabkan kita agak lewat dalam menandatangani *treaty* atau konvensyen yang berkenaan.

Daripada Yang Berhormat bagi Tuaran dan juga Yang Berhormat bagi Kinabatangan, saya mengambil berat terhadap keprihatinan dan saya rasakan apa yang kita lihat hanyalah berat mata memandang tetapi berat lagi bahu yang memikul terutama bagi sahabat-sahabat kita daripada Sabah sudah tentu merasakan bahawa tekanan dengan kebanjiran pendatang asing dan sebagainya di sana memerlukan tindakan yang lebih drastik. Kita akui bahawa perkara ini adalah perkara yang tidak mudah. Banyak perbincangan yang telah kita adakan antara dua hala Malaysia dan Filipina. Setiap kali perbincangan kita menyuarakan tentang masalah ini tetapi sudah tentulah antara perkara yang kita tegaskan Kerajaan Filipina perlu menyegerakan penubuhan Konsul Jeneralnya di Sabah secepat mungkin.

Perkara ini adalah perkara yang dikatakan amat sukar kerana ia dikaitkan dengan soal tuntutan mereka terhadap kita. Jadi kalau saya mengambil pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan mungkin agak keterlaluan. Yang Berhormat bagi Kinabatangan kata kalau perlu perang, peranglah. Saya rasakan belum ataupun tidak wajar kalau kita berfikir ke arah itu kerana peperangan akan melibatkan masalah yang lebih besar. Berilah peluang kepada kerajaan kita untuk terus pada dasar *engagement*, dasar untuk bertemu dan berbincang dan tindakan-tindakan yang bersifat mungkin dianggap sebagai tindakan *punitive* ataupun hukuman, mungkin itu adalah tindakan-tindakan yang terakhir dalam menyelesaikan masalah ini. Tuan Yang di-Pertua, saya memandang berat apa yang disebutkan oleh Tuan Pengerusi...

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Tuan Pengerusi, penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Tuaran.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Penjelasan.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Sila.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Persoalan di sini ialah apabila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri memberi arahan kepada Wisma Putra untuk berbincang dengan kerajaan Filipina baru-baru ini, bagaimanakah pihak Wisma Putra akan melaksanakan tanggungjawab ataupun arahan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebab ini berbincang secara khusus pendatang Filipina ini sudah 4-5 tahun berada di pusat tahanan. Hari ini masih lagi berdegil mengatakan, "Oh, bagi kami masa". Apakah ini sesuatu yang tidak penting, sesuatu yang tidak perlu disegerakan oleh pihak Wisma Putra untuk dibincangkan. Sebab kalau tidak, orang yang sudah lama duduk dalam tahanan ini pasti dia akan mencari jalan bagaimana dia keluar daripada pusat tahanan ini dan ini sekali lagi nanti akan memalukan kita dan dia akan menjadi satu ancaman keselamatan, mohon penjelasan.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tuaran. Tidak banyak pilihan buat masa ini kalau saya katakan bahawa esok kita mesti mengheret pihak

Kerajaan Filipina untuk datang ke sana, untuk membuat dokumen-dokumen yang diperlukan. Pilihan kita hanya memujuk mereka, itu pilihan dan mereka juga mempunyai terdapat banyak masalah-masalah dalaman mereka pada waktu sekarang. Kalau saya katakan bahawa beri masa lagi, mungkin saudara memperkecilkan peranan yang dimainkan tetapi dengan rendah diri Tuan Pengerusi, berilah lagi kita peluang untuk memastikan perkara ini dapat dilaksanakan. Jadi Tuan Pengerusi, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Santubong tentang IDFR ataupun Institute...

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu bangun, Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Hah, sahabat dari belakang.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Baik, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin tarik perhatian tentang pendatang asing tanpa izin (PATI) dan pendatang asing dengan izin (PADI). Kita mengasosiasikan kedua kelompok ini dengan masalah di negara kita, dengan pelbagai masalah sosial dan serba macam lagi itu. Tetapi ada setengah negara contohnya Amerika dia melihat kehadiran pendatang-pendatang luar ini sebagai satu peluang untuk mereka memanfaatkan tenaga mereka menjadi sesuatu yang produktif untuk negara mereka. Sementelahan lagi kita hidup dalam sebuah keadaan dunia yang tanpa sempadan. Apakah dari segi diplomasi jangka panjang untuk memikirkan bahawa yang mendatangkan masalah kepada kita itu memberi peluang pula.

Saya harap ada pandangan daripada Setiausaha Parlimen tentang perkara ini. Apakah dari segi diplomasi dalam jangka masa yang panjang barangkali akan merubah persepsi kita dengan usaha-usaha yang lebih baik untuk kita mendapat barangkali tenaga-tenaga yang datang ke tempat kita ini lebih terkawal dan lebih baik yang lebih mendatangkan peluang-peluang kepada pembangunan, idea, kreativiti yang baru kepada negara kita yang membawa kepada keuntungan negara kita sendiri.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Kalau saya menjawab ini sudah masuk kepada dasar dan kita rasa ada peluang lagi semasa perbincangan belanjawan, Yang Berhormat dapat mengemukakan perkara ini di peringkat dasar dan ia melibatkan bukan hanya Wisma Putra ataupun Kementerian Luar Negeri tetapi juga melibatkan kementerian-kementerian lain. Kementerian yang melibatkan tenaga kerja, Kementerian Dalam Negeri dan sebagainya. Saya rasa tidak wajarlah sekarang untuk saya mengheret perbincangan ini kepada perkara yang ditimbulkan tadi.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Santubong tentang cadangan supaya IDFR untuk mengambil tenaga-tenaga pakar yang berpengalaman dan sebagainya. Insya-Allah perkara ini akan kemukakan pada pihak IDFR dan untuk makluman Tuan Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, IDFR adalah sebuah institusi yang baru dan diambil alih oleh Wisma Putra yang dahulunya di bawah Jabatan Perdana Menteri dan kita telah menganjurkan banyak kursus-kursus dalam melatih diplomat bukan sahaja diplomat daripada negara kita tetapi sudah diterima sebagai sebuah institusi antarabangsa yang telah melatih banyak diplomat-diplomat daripada negara-negara lain juga dan insya-Allah perkara ini akan diambil perhatian untuk dilaksanakan.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: *[Bangun]*

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Yang Berhormat bagi Gombak sekali lagi saya ucapkan...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Santubong bangun, Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Sila, terima kasih.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Mungkin kurang jelas penyampaian saya tadi Tuan Pengerusi. Berhubung dengan apa yang saya katakan pakar iaitu bekas-bekas *Ambassador* dan bekas-bekas pegawai-pegawai kanan Kementerian

Dalam dan Luar Negeri yang mempunyai satu pengalaman ataupun bidang pengetahuan yang mungkin luar biasa dan mungkin tidak ada orang lain mempunyainya. Mereka ini ingin menulis buku tetapi malangnya peruntukan tidak diadakan dan tidak ada satu peruntukan yang khusus untuk mereka ini mencatat buku, membuat jurnal dan sebagainya. Bantuan daripada pihak kerajaan tidak ada, ini juga saya tanya tadi sama ada kita boleh atau tidak mewujudkan satu dana yang tertentu untuk menggalakkan mereka ini menulis jurnal atau menulis buku-buku untuk menjadi satu bahan rujukan dan disimpan di institut ini. Terima kasih.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih Tuan Pengerusi. Itu adalah satu pandangan yang saya rasa amat baik sekali kerana sebagaimana yang diberitahu tadi bahawa IDFR adalah sebuah institusi yang baru yang diambil alih oleh Wisma Putra dan ia masih lagi di peringkat sama ada ia merupakan institusi pendidikan iaitu mengajar ataupun latihan ataupun sebagai institusi akademik dan *research* dan bagi melahirkan buku-buku dan kaji selidik dan sebagainya tetapi unsur-unsur itu semuanya sudah ada sekarang. Kita akan menerbitkan beberapa buku terutama sekali yang terakhir sekali iaitu berkaitan dengan pengalaman-pengalaman daripada diplomat-diplomat kita yang akan dibukukan menjadi sebagai suatu pengkisahan ataupun sebagai bahan sejarah yang dapat dilihat oleh generasi yang akan datang. Ini bermakna kita sudah melangkah ke satu arah yang baru iaitu bukan sahaja sebagai institusi latihan dan pengajaran tetapi juga sebagai institusi yang menerbitkan buku-buku yang kita rasakan dapat digunakan untuk generasi yang akan datang. Insya-Allah atas pandangan-pandangan ini akan dibawa ke tempat yang lebih tinggi lagi selepas ini.

Yang Berhormat bagi Gombak di atas keprihatinan tentang nasib dan keperluan. Saya rasa itu amat kita persetujui dan perkara inilah antara sebabnya tambahan emolumen dan sebagainya dibuat khususnya untuk membuat penyesuaian kepada tuntutan-tuntutan kos yang timbul sekarang ini termasuk pengukuhan mata wang-mata wang asing seperti euro dan sebagainya.

Saya amat terharu di atas apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat terhadap layanan yang dikatakan tidak berpadanan semasa beliau menghadiri sidang ASEAN baru-baru ini. Saya telah memeriksa perkara ini dengan pihak sekretariat pihak Wisma Putra. Perlu diingatkan bahawa oleh kerana sidang baru-baru ini adalah satu sidang di peringkat yang amat tinggi sekali dan pada waktu itu ada isu-isu yang besar dan melibatkan ramai pemimpin negara yang besar. Terdapatnya beberapa perkara yang dikatakan *over conscious* Tuan Pengerusi dari segi keselamatan. Saya sendiri mengalami masalah di mana saya tidak dibenarkan masuk kerana saya tertinggal *tag*, walaupun saya sebagai Setiausaha Parlimen daripada kementerian tersebut sehingga saya dapatkan *tag* tersebut dan saya memuji pegawai berkenaan kerana ia menunjukkan bahawa mereka tidak memilih orang dari segi menjaga keselamatan orang ramai khususnya mesyuarat tersebut.

Dalam konteks yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Gombak tadi saya difahamkan bahawa pihak pegawai kita meminta supaya Yang Berhormat bagi Gombak hanya menunggu sebentar sehingga mereka dapat menguruskan *tag* yang berkenaan, tetapi malangnya disebutkan bahawa Yang Berhormat bagi Gombak mungkin agak rendah hati pada waktu itu dan terus keluar dan tidak datang lagi. Saya minta maaf di atas kekeliruan yang ditimbulkan, tetapi sekiranya Yang Berhormat bagi Gombak ikhlas pada waktu itu mungkin dapat beritahu pada saya sebagai Setiausaha Parlimen dan sebagainya dan kita dapat uruskan perkara itu dan tidak perlulah semestinya dibawa ke Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, Malaysia akan berperanan untuk mewujudkan keamanan di mana sahaja sekiranya ia diminta. Tidak sama dengan keadaan di Timor Leste, Sri Lanka tidak pernah meminta Malaysia sehingga sekarang untuk pergi ke sana menghantar pasukan pengaman dan sekiranya permintaan dibuat insya-Allah perkara itu akan ditimbang.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: [Bangun]

Tuan Ahmad Shabey Cheek: Itulah sahaja yang saya dapat jawab....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sedikit. Terima kasih Tuan Pengerusi. Dua hal. Satu mengenai permintaan dari Sri Lanka. Semestinya negara tersebut tidak akan meminta pertolongan dari pihak Malaysia. Tapi penghujahan saya ialah bahawa kita perlu memberi pandangan kita bahawa mereka perlu mengikut konvensyen-konvensyen tertentu Bangsa-bangsa Bersatu dan jika kepakaran Malaysia di mana kita menghantar beberapa rombongan ke beberapa negara termasuk Timor Leste. Ini adalah satu di antara yang kita boleh beri kepada Sri Lanka dan saya difahamkan Menteri Luar Negeri sendiri telah memberitahu kepada saya pada bulan Jun beliau telah pergi ke Colombo dan berjumpa dengan Presiden Sri Lanka dan juga menteri luar, di mana pada masa itu peperangan belum mula. Sekarang perang telah pun mula dan lebih dari 1,000 orang telah dibunuh. Maka menjadi satu kewajipan Malaysia untuk mengambil satu peranan dan satu imej supaya mengambil bahagian dalam negara tersebut. Itu adalah satu soalan yang perlu penjelasan.

Yang kedua adalah mengenai ICC di mana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berkata, bahawa kedudukan Malaysia di mana jika kita menjadi anggota dia akan menjadi satu situasi, di mana akan menyebabkan kesusahan kepada kedaulatan negara termasuk Agong kita. Perkara ini adalah perkara yang saya telah beritahu sebelum ini kepada Setiausaha Parlimen yang dahulu bahawa negara Jordan di mana mereka adalah negara royalti yang lebih kuat dari Malaysia. Mereka juga menjadi anggota ICC dan anggota-anggota Parlimen dari Jordan yang saya telah jumpa di beberapa negara telah mengatakan mereka sudi datang ke Malaysia memberitahu bahawa terma-terma *Roman Statute* itu tidak ada bertentangan dengan undang-undang negara mereka, yang mana undang-undang itu adalah lebih teruk dan lebih ketat dari undang-undang yang sedia ada di Malaysia. Maka sudah menjadi peluang yang baik untuk kita menandatangani *Rome Statute* dan menjadi anggota ICC. Terima kasih.

Tuan Ahmad Shabey Cheek: Terima kasih. Berkaitan dengan Sri Lanka saya mengambil perkara ini sebagai satu pandangan tentang Malaysia perlu memberi pendirian, tetapi dari segi soal menghantar pasukan pengaman ia mempunyai prosedur-prosedur yang tertentu bukan sahaja terus masuk sama ada diputuskan oleh Bangsa-bangsa Bersatu ataupun diminta oleh negara yang berkenaan. Sekiranya kita terus masuk begitu sahaja saya rasa bukanlah cara kita dan kita tidak mampu untuk berbuat demikian.

Berkaitan dengan ICJ dan sebagainya saya sebutkan tadi bahawa kita tidak menandatangani sekarang ini bukanlah semata-mata kerana disebutkan tadi tentang soal yang menyentuh kedaulatan dan kedudukan ketua negara kita sahaja. Tetapi yang dimaksudkan tadi ialah sekiranya kita ingin menandatangani kita tidak mahu menjadi seperti negara lain. Kita boleh menandatangani 10% konvensyen yang lain tetapi kita tidak mengubah perkara-perkara yang berkaitan dengan soal pendetailan, di peringkat undang-undang kita menyesuaikan dengan apa yang dikehendaki oleh konvensyen-konvensyen atau *treaty* yang berkenaan hanya untuk mendapatkan *rating* yang disukai oleh orang ramai tidak sesuai.

Misalnya ada konvensyen berkenaan dengan *torture*. Sekiranya ada menganggap bahawa hukum sebat yang kita buat di dalam negara kita ini sebagai sebahagian daripada undang-undang kita adalah sebagai *torture*, misalnya ataupun sebagai penyiksaan maka kita kena bersedia untuk mengubah perkara-perkara tersebut. Jadi ini tidak bermakna kita menolak konvensyen tersebut tetapi ia memerlukan masa untuk kita menelitinya dengan lebih mendalam lagi. Tuan Pengerusi saya rasa cukuplah sekadar itu untuk saya menjawab semua soalan yang dikemukakan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM52,263,000 untuk Maksud B.13 di bawah Kementerian Luar Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM52,263,000 untuk Maksud B.13 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud B.62 [Jadual] -**Maksud P.62 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2006] -**

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepala Bekalan B.62 dan Kepala Pembangunan P.62 di bawah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri terbuka untuk dibahas.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

5.59 ptg.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Maksud P.62 dan Butiran Projek 25000 – Sistem Teknologi Maklumat. Saya menyokong segala peruntukan tambahan untuk memperbaiki lagi Kementerian Keselamatan Dalam Negeri khasnya Polis Diraja Malaysia diberi pakaian yang lebih elok dan juga kelengkapan yang lebih baik, sistem teknologi maklumat, komputer, kenderaan yang lebih baik agar mereka boleh memainkan fungsi dan juga menjalankan tugas mereka dengan lebih baik.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini orang ramai begitu marah sekali dengan situasi dan keadaan bandar atau kawasan perumahan mereka yang tidak selamat sekali. Mereka sampai ke tahap apabila kejadian ragut berlaku ke atas seorang isteri pegawai polis berpangkat tinggi ada di kalangan orang beritahu saya dia kata ini berlaku ke atas isteri seorang pegawai polis. Harap kejadian macam ini lebih banyak berlaku. Saya bukan kata kenyataan mereka ini betul, tapi mereka boleh sampai ke tahap ini kerana mereka kata kalau berlaku ke atas ahli keluarga mereka kemungkinan akan berlaku perubahan dengan sikap dan langkah mencegah jenayah akan diambil oleh pegawai polis dan juga menteri yang bertanggungjawab dan juga akan dipandang serius masalah jenayah ini.

Tuan Pengerusi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita kata, kita individu terlalu mementingkan diri sendiri apabila nampak jenayah berlaku kita tidak pergi tolong. Timbalan Perdana Menteri kata orang ramai memberi peluang kepada peragut dan penjenayah untuk melakukan jenayah.

Sebelum ini apabila wanita membawa *handbag*, beg tangan, wanita dikatakan membawa beg tangan sebab itulah jadi mangsa peragut. Ada selepas itu beritahu jangan bawa beg tangan hala sehaluan dengan kenderaan, mesti bertentangan, ini boleh elak. Wanita buat sedemikian seperti dinasihatkan tetapi jenayah ragut juga tidak berkurangan. Selepas itu, Tuan Pengerusi, wanita ingat kalau bawa beg secara melintang, ini lebih selamat, tidak mudah ditarik, tetapi kita tengok jenayah ragut, peragut tidak endah sama ada mangsanya itu hidup atau tidak. Dia tarik sampai dia dapat beg tersebut.

Saya amat kesal dengan kenyataan yang dibuat oleh Timbalan Menteri pada 21 hari bulan ini dalam Dewan, berkata bahawa Kuala Lumpur selamat pada pukul 3 atau 4 pagi, berjalan-jalan di mana-mana juga selamat, tiada masalah. Nyata ini menunjukkan Timbalan Menteri yang mewakili Kementerian Keselamatan Dalam Negeri ini langsung tidak memahami sentimen orang ramai terhadap isu keselamatan ini. Ramai yang marah, Tuan Pengerusi.

Mereka minta, bukan Timbalan Menteri yang inilah, yang sebelah sana. Dia kata, kalau macam itu Timbalan Menteri kata selamat di mana-mana tempat di Kuala Lumpur pada pukul 3 atau 4 pagi, minta dia punya isteri berdiri seorang di sana, tengok isteri dia rasa selamat atau tidak, selepas itu laporkan diri kepada dia. Inilah komen orang ramai.

Tuan Pengerusi, kita sampai ke satu tahap di mana orang ramai begitu marah sekali dengan pihak polis dan juga dengan kerajaan. Apabila kejadian berlaku, barulah tindakan meronda diambil. Bila kita ada dialog dengan polis, polis kata "*generally Ipoh is safe*", secara am Ipoh adalah selamat. Tetapi itu mencerminkan langsung tidak faham sentimen penduduk di Ipoh. Mereka langsung tiada keyakinan ke atas langkah-langkah yang telah diumumkan oleh pihak kementerian. Penambahan pegawai, pemberian lebih

kenderaan meronda dan penggunaan kuda-kuda untuk meronda-ronda kawasan pelancongan, mereka orang ramai tidak merasa selamat walaupun dengan pengumuman langkah-langkah ini.

Tuan Pengerusi, dengan peruntukan tambahan untuk sistem teknologi maklumat, bagaimanakah ia boleh memperbaiki situasi yang sedia ada. Pada pandangan saya, Tuan Pengerusi, hanya satu cara. Kita orang ramai perlulah seorang menteri sepenuh masa untuk dipertanggungjawabkan ke atas isu keselamatan ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita terlalu sibuk. Tidak datang ke Dewan ini kecuali *budget*, belanjawan atau hari pembukaan rasmi, *we have been shock-change*, dengan izin. Perdana Menteri jugalah Menteri Kewangan, juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri dan Timbalan Menteri yang seorang sebelah itu langsung tidak faham sentimen, ini akan menyebabkan krisis keyakinan terhadap kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat terjejas.

Saya harap Yang Amat Berhormat boleh meletakkan jawatannya sebagai Menteri Keselamatan Dalam Negeri. *[Tepuk]* Setiap individu kita dalam Dewan ini mempunyai 24 jam. Biarlah Perdana Menteri fokus ke atas Rancangan Malaysia Kesembilan. Itu projek di mana beliau telah rancang yang amat dititikberatkan oleh beliau.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Ya, penjelasan. Berkenaan dengan Yang Amat Berhormat berkata bahawa rakyat jaga sendiri sahaja, langsung tidak akan ada mahu menolong orang lain apabila berlakunya jenayah. Sedarkah Yang Berhormat bagi Batu Gajah bahawa di bawah undang-undang sekarang, *citizen arrest* tidak boleh dibenarkan. Bermakna sekiranya rakyat atau orang awam nampak satu rompak, curi atau ragut, dia tidak boleh pergi tangkap pencuri itu. Ini tidak boleh dilakukan. Sama ada saya salah atau tidak kerana ini adalah dikatakan oleh OCPD Butterworth sebab saya ada telefon dia, kata ada berlakunya kes seperti ini, bolehkan orang awam tangkap dia, dia kata tidak boleh. Sila jawab.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh bagi jawapan kepada pertanyaan oleh Yang Berhormat bagi Bagan. Situasi isu keselamatan ini sudah sampai ke tahap yang amat serius sekali. Saya bersetuju dengan kenyataan oleh Ketua Polis Negara, kita perlu kaji apakah punca dan kenal pasti mengapakah sampai ke tahap ini, orang ramai merasa tidak selamat.

Sebelum ini ada kata kerana penagih. Selepas itu kata kerana ramai pendatang tanpa izin dan pekerja asing. Jadi sebenarnya puncanya di mana atau kerana kelemahan pihak penguat kuasa?

Tuan Pengerusi, saya ada berjumpa dengan seorang OCPD. Dia beritahu saya, dia kata masalah dadah telah membebankan mereka. Bukan kami enggan menangkap penagih. Menurut beliau, kalau kami hendak *raid*, dengan izin, 40 atau 50 orang dibawa balik, lokap tidak cukup.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat, gulung Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jadi, saya haraplah isu keselamatan ini perlu diambil tindakan dengan segera dan serius. Kita ada Tahun Melawat Malaysia. Kalau isu ini tidak boleh diselesaikan, apa maksudnya RM64 juta yang akan dibahaskan nanti untuk program *Visit Malaysia Year 2007*, dengan izin.

Akhirnya saya harap Yang Amat Berhormat boleh letak jawatan dan lantik seorang menteri sepenuh masa bagi menjalankan tugas di bawah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Selepas ini kementerian menjawab.

6.07 ptg.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sokong cadangan Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Memang setiap orang mempunyai 24 jam,

bagaimana Perdana Menteri mampu? Masa dia terhad dan dia mempunyai tanggungjawab yang begitu berat sebagai Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan. Adakah di dalam Barisan Nasional sekarang tidak ada orang lain yang mampu mengambil alih tugas ini menjadi Menteri Keselamatan Dalam Negeri? Kalau tidak ada di dalam Barisan Nasional, dia boleh buka, *look elsewhere* di dalam swasta pun tidak apa. Lantiklah dia sebagai Senator dan selepas itu boleh masuk di sini. Jadi saya tidak nampak mengapa tidak boleh. Itu yang pertama.

Yang kedua, selalunya sejak tahun 2003 sehingga sekarang, alasan untuk *innless* jenayah yang tinggi ialah kakitangan atau anggota polis tidak cukup, pendatang izin tanpa permit dan penagih dadah – tiga unsur yang tinggi. Yang satu kes di Pulau Pinang, saya ingin kementerian untuk mengkaji mengapa kalau berbanding dengan enam bulan pertama tahun lepas dan tahun ini. Mengikut data yang diberi oleh pihak polis bahawa untuk enam bulan pertama, 2005, indeks jenayah di Pulau Pinang telah diturunkan sebanyak 14%.

Kami mengucapkan syabas pada masa itu. Tetapi pada waktu yang sama, tempoh yang sama tahun ini, indeks jenayah telah meningkat 30%. Dia di bawah CPO yang sama yang sangat terkenal iaitu Datuk Christopher Wan Soo Kee yang terkenal dan juga di bawah dengan anggota polis yang lebih kurang sama, mengapa dalam tahun 2005, indeks jenayah boleh turun dengan 14%, tetapi tahun ini ia telah meningkat 30%? Ini bukan kerana kakitangan tidak cukup ini dengan kakitangan yang lebih kurang sama.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Sedarkah Yang Berhormat Christopher Wan Soo Kee ini adalah merupakan di antara CPO yang mempunyai *Master Degree in Management*. So kalau saya lihat dari cara beliau bekerja di Melaka beliau telah menunjukkan sikap turun ke padang sehingga ke peringkat pemeriksaan di waktu-waktu malam di tengah jalan dan lorong-lorong yang sempit. Jadi saya lihat apabila beliau menerajui, beliau begitu memberikan perhatian kepada data integriti dia turun ke bawah melihat sama ada data-data yang dilaporkan itu tepat atau tidak.....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Apa penjelasannya...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Dan ini antara sebab kenapa mungkin angka itu meningkat. Kerana beliau melihat sendiri angka-angka itu. Terima kasih. *[ketawa]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Itu pun kita hanya boleh *guess* sahajalah. Tetapi kalau boleh saya rasa ini adalah merupakan satu kes yang bagus untuk mengkaji apakah sebabnya dan mengapa indeks jenayah 5 bulan pertama tahun ini pun juga meningkat. Mengikut Timbalan Menteri yang ada dalam dewan sekarang jenayah rogol telah meningkat sebanyak 11% dan rompakan meningkat sebanyak 13%. Apakah sebabnya? Adakah kerana tidak cukup kakitangan tetapi kalau kita melihat kadar seorang polis kepada penduduk Malaysia bukan jauh sangat daripada negara yang maju.

Kalau mengikut data yang ada dalam laporan Polis Diraja Malaysia *The Royal Commission Report* kita mempunyai seorang polis menjaga 258 orang penduduk. Di Amerika ialah 1 to 263, Hong Kong 1 to 230, dan *Singapore* 1 to 563. Ini bukan jauh sangat tetapi mungkin saya rasa ialah pengurusan sumber manusia. Bagaimana polis diberi kerja diagihkan untuk kerja. Di sini dikatakan di dalam *Royal Commission Police Report* juga 32% anggota polis ialah menjalankan tugas pentadbiran. 10.5% ialah untuk logistik, narkotik 2.7%, *special branch* 6% dan untuk jenayah hanya jaga jenayah *investigate* jenayah juga 6% dan *one point something percent* untuk *commercial crime*, 31.9% keselamatan awam itu untuk polis laut dan juga anggota polislah.

Tetapi saya rasa polis untuk menyasat jenayah itu terlalu kurang. Dan oleh sebab itu mereka... dan saya tanya seorang pegawai polis apakah sebabnya meningkat indeks jenayah? Dia kata mengapa tanya polis? Tanyalah ibu bapa. Mengapa ibu bapa tidak jaga anak-anak mereka dengan baik sehingga apabila mereka besar menjadi penjenayah menjadi *criminal*. Saya rasa ini pun betul juga tetapi adakah polis langsung tidak ada tanggungjawab. Jadi saya tanya apakah polis buat. Apakah langkah-langkah

yang telah diambil oleh polis untuk mencegah jenayah. Dia kata tidak boleh 100% bergantung pada polis. Saya pun tidak tanya hendak 100% bergantung pada polis. Jadi di sini kita lihat mentaliti bahawa dia tidak mahu ambil tanggungjawab itu untuk menjaga keselamatan.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan. Yang Berhormat Bukit Mertajam baru-baru ini saya dan Yang Berhormat bagi Ipoh Barat dan juga ADUN nya kawasan Pasir Linggi kita ada dialog dengan OCPD Ipoh. OCPD Ipoh kata banyak kes kerana orang ramai cuai. Dia bagi contoh dia kata seorang tua umur 60 tahun pergi bank 2 minggu yang lepas keluar RM 60,000 tetapi dia tidak bawa dia punya cucu dia cuai keluar RM 60,000 tidak bawa cucu sebab itulah dia di ragut. Inilah pandangan seorang polis berpangkat tinggi bahawa isu jenayah ini adalah kerana orang ramai yang memberi peluang. Dia kata ini dia keluar wang banyak tidak bawa cucu dia. Dan sampai ke tahap Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam setujukah orang ramai sudah takut hendak keluar ke jalan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Memang, memang saya rasa ialah.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Minta gulung sikat sahaja lagi.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini pegawai ataupun menteri dia tidak turun padang. Dia tidak faham sentimen orang ramai. Banyak berlaku juga kes seperti ini di Bukit Mertajam di merata-rata tempat sehingga dia punya ATM *machine* pun ditarik. [Ketawa] sekarang dia seperti tidak ada undang-undang lagi *it become lawlessness* mereka tidak takut kepada polis. Mereka cabar undang-undang dan cabar kepada polis. Mungkin saya rasalah mungkin saya tidak betul mungkin polis juga rasa mereka dicabar dan mereka ada rasa risau juga tetapi mereka tidak mengeluarkan perasaan merekalah. Tetapi saya rasa pada waktu sekarang patutlah polis merasa risau merasa maruah mereka telah dicabar kerana mereka hormatkan pekerjaan mereka. Saya rasa sudah sampai masa walaupun kita tidak katakan 100% kerja polis tetapi kalau keselamatan kita tidak boleh gantung kepada polis adakah pihak kerajaan ingin semua rakyat membawa pistol keluar rumah? Walaupun mengupah *security* sendiri ataupun apakah sehingga sekarang saya tidak dengar selalunya ialah memberi alasan mengapa jenayah tidak boleh dibanteras tetapi saya tidak dengar hasrat kerajaan untuk mengurangkan jenayah dalam 1 bulan, 3 bulan ataupun setengah tahun. Tidak dengar adakah apa-apa langkah-langkah yang boleh memberitahu Dewan ini dan juga rakyat di luar sana bagaimana boleh mengurangkan kes ragut, kes rompak dan kes rogol dalam 3 bulan atau 6 bulan. Sekian Terima kasih

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya sudah naik semangat dia menampakkan Tuan Pengerusi, seolah-olah macam pembangkang sudah tidak selamat duduk dalam negara ini, kita semua berasa selamat. Tuan Pengerusi saya pun hendak terlibat sama dengan maksud B.62 berkenaan dengan pakaian seragam anggota polis Tuan Pengerusi. Kita ini sebenarnya dalam konteks keterampilan pegawai polis kita sebenarnya kelihatan lebih baik dan warna pakaian seragam polis kita ini dia dah menampakkan kita bersifat antarabangsa sama dengan warna-warna pakaian polis di Amerika, di negara-negara Barat dan di setengah-setengah negara Timur. Tuan Pengerusi, cuma pada pandangan saya pakaian polis kita ini tidak menampakkan kegahan dan ketokohan polis kita, kehebatan tidak nampak kehebatan polis kita apabila pakaian itu longgar Tuan Pengerusi. Kalau kita lihat polis Indonesia pakaian dia mengikut bentuk badan *body structure*. [Beberapa ahli menyampuk] Tuan pengerusi pakai peraturan dalam Dewan ini susah saya hendak bercakap.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak payah layan Yang Berhormat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya lebih kurang macam Yang Berhormat bagi Kepong bila dicucuk melatah sedikit. Tuan Pengerusi kalau kita tengok polis Indonesia ini dia punya pakaian betul-betul mengikut badan. Mungkin kerana satu Polis Indonesia ini dia ada *working out* dia ada berlatih tiap hari bagaimana untuk mengekalkan bentuk badan yang tegap supaya dihormati dan digeruni oleh penjenayah-penjenayah.

Tetapi mungkin polis kita mungkin tidak mempunyai kemudahan-kemudahan untuk ke arah itu. Saya ingin mencadangkan juga kepada pihak kementerian supaya melihat perkara ini supaya polis kita akan sentiasa berada pada keadaan sihat dan tegap dari segi jasmaninya, emosi dan juga pemikirannya. Dan dengan keadaan ini, negara kita dapat kita rasakan bertambah selamat apabila polis-polisnya dengan pakaiannya yang kemas, ketat, kena pada badan, dengan bentuk badan yang tegap akan menyebabkan penjenayah-penjenayah bertambah gerun dengan polis-polis ini.

Seperkara lagi Tuan Pengerusi, kita tengok senjata-senjata. Polis kita, terdapat laporan-laporan akhbar lebih kurang dalam tujuh bulan yang lalu mengatakan polis tembak pistol dia tak meletup. Pertama kita kena lihat dari segi keupayaan senjata itu sendiri. Mungkin senjata itu senjata lama dan pelurunya tidak bertindak balas dengan hentakan picu itu. Tapi yang kedua kita kena juga lihat sama ada polis tadi faham ataupun arif dengan jadual selenggaraan senjata. Jadi ini pun penting tapi yang lebih besar daripada itu Tuan Pengerusi ialah bagaimana kita boleh mempertingkatkan lagi keupayaan senjata-senjata polis kita dengan menggunakan semua polis di peringkat persekutuan sehinggalah daerah-daerah kecil menggunakan senjata automatik. Dan ini sedikit sebanyak boleh juga memperkukuhkan lagi polis kita.

Dan yang ketiga Tuan Pengerusi, dalam akhbar pagi tadi kita dapat membaca bahawa penjenayah-penjenayah hari ini bukan sahaja menggunakan senjata-senjata yang *lethal* ini tetapi dia juga menggunakan senjata-senjata lama berbentuk parang, keris dan sebagainya. Dan antara mangsa-mangsa ini pula ada yang mengadu mengatakan penjenayah-penjenayah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Senjata tak masuk dalam peruntukan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ada, bawah emolumen.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masa gaji.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Fasal nak cerita gaji nanti hujung sekali dia kait dengan gaji. *[Ketawa]*

Jadi Tuan Pengerusi, gaji dan juga perbelanjaanlah. Saya ingin juga mencadangkan oleh kerana kalau kita baca laporan akhbar tadi seorang penjenayah yang ditetak dengan pisau dan parang, tak lut. Jadi ada tak polis kita mengarah itu, polis kita ini kalau ada ilmu-ilmu kebal ini jugalah mungkin boleh digunakan juga sebagai salah satu kaedah. Kalau ada penjenayah-penjenayah pakai ilmu kebal, hantar kepada polis kita yang kebal, yang tembak kena peluru pun tak lut. Jadi ini perlu kita ambil kira kerana ini telah menjadi salah satu daripada budaya ataupun cara kita di sini.

Jadi kenyataan Tuan Pengerusi pagi tadi, saya baca surat khabar saya pelik juga macam mana kita nak tumpaskan orang yang mempunyai ilmu kebal. Kalau menurut mangsa tadi dia kata tetak dua kali dengan parang, penjenayah ini tak lut dengan parang dan pisau yang ditetak oleh mangsa tadi. Jadi kalau polis datang, bawa senapang tembak peluru tak lut juga. Dia senang saja, ambil parang pisau tadi dia sembelih polis kita pula. Jadi ini juga perlu diberikan perhatian dan perlu diperuntukkan juga sedikit peruntukan untuk polis-polis kita belajar ilmu-ilmu ini kalau mungkin boleh diambil kira oleh pihak Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Terima kasih,

6.23 ptg.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin turut berbahas bagi Maksud B.62 dan Butiran 02000 dan 05000. Terlebih dahulu Tuan Pengerusi saya ingin mengucapkan tahniah, syabas kepada pihak polis di Sabah yang pada bulan 4 Ogos, negeri Sabah khasnya telah dikejutkan dengan berita yang lima anggota polis yang cedera atas tindakan anti narkotik kita yang menjejaskan pengedar-pengedar dadah di Kampung Pondok di Pulau Gayak yang termasuk dalam kawasan Parlimen saya juga. Mereka-mereka yang kita harus dipanggil wira yang telah berkhidmat, berkorban kepada negara ialah Chief Inspektor Mohd. Haris Jambul yang berasal dari

Serai, Perak. Lans Koperal Ahmad Mohd. Yunus dari skuad di Kudat Sabah dan Konstabel Ahmad Nizad Zainal dari Kedah. Semasa mereka telah dirawat di Hospital Queen Elizabeth saya ada pernah melawat, mengunjungi mereka-mereka ini dan saya sungguh beremosi apabila nampak mereka ini cedera.

Jadi dengan kesempatan ini Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil kesempatan untuk mencadangkan kepada pihak polis supaya mempertingkatkan lagi alat pakaian yang digunakan semasa beroperasi ini haruslah jangan berjalan seperti orang biasa kerana mereka ini adalah penguat kuasa. Yang saya hairan, senjata-senjata yang dipakai itu tidak berkesempatan digunakan dan apabila mereka beroperasi terjatuh dan sebagainya. Jadi ini satu kelemahan daripada anggota kita, pengurusan anggota kita dan saya harap ini diambil penekanan yang lebih berat lagi apabila memberi alat-alat pemakaian seperti baju kebal dan sebagainya, topi keledar yang digunakan semasa operasi. Ini supaya perkara seperti yang telah berlaku pada ketika itu tidak berulang lagi. Dan tidaklah salah kalau anggota-anggota ini dilatih dengan bagi peruntukan untuk mereka-mereka berlatih menembak dengan secara *regular* dan mempertahankan diri.

Dan yang kedua Tuan Pengerusi, di Sabah pada 15 Ogos, pada bulan Ogos ini juga, bulan ini, kita juga mendapat satu kejadian di Pusat Tahanan di Menggatal iaitu pada 15 Ogos dan seminggu selepas itu, 21 Ogos juga ada berlaku kebolosan di pusat tahanan itu. Pada 15 Ogos seramai 20 orang tahanan telah melarikan diri daripada pusat tahanan itu. Dan pada 21 Ogos, 17 orang. Jadi ini sebanyak lima kali dalam satu tahun ini, di dalam tahun ini sahaja lima kali berlaku di Pusat Tahanan di Menggatal ini. Dan ini saya harap pihak-pihak yang berkenaan dapat memberi lebih banyak penekanan, peruntukan untuk menambahkan lagi jumlah anggota yang menjaga keselamatan. Itu saya, saya menyokong Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepong. Lima minit saja.

6.28 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Lima sahaja? Ada lagi?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, bercakaplah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, B.62 ini, yang pertama mengenai senjata api dan peluru ada lebih RM3 juta yang dipohon di sini. Saya nak tahu apakah senjata api dan peluru yang dimaksudkan ini? Dan seterusnya mengenai sistem teknologi maklumat, saya setuju kita mesti adakan sistem teknologi dan maklumat yang lebih canggih untuk polis. Tapi di dalam syor-syor, 125 syor di Suruhanjaya Diraja ada lebih canggih daripada itu yang diperlukan untuk polis. Saya berharaplah Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menjawab macam mana kita dapat memulakan sistem teknologi maklumat bagi pihak polis.

Dan seterusnya mengenai bangunan penjara. Di sini Tuan Pengerusi, kita mempunyai lebih 40,000 orang tahanan di dalam penjara kita. Dan daripadanya ada lebih 10,000 mungkin 13,000 ialah pendatang daripada Indonesia dan Filipina. Dan di sini saya hendak ketahui dengan lebih enam buah penjara yang dibina dan juga pusat-pusat pemulihan akhlak ini, apakah nisbah sekarang? Pendatang asing dan juga orang-orang tahanan tempatan?

Dan juga mengenai kesesakan penjara. Di sini saya diberitahu bahawa nisbah bagi warden dengan orang tahanan, adalah satu per empat, *1:4 the ratio*, nisbah satu per empat. Bukankah itu matlamatnya ialah untuk menjadi *one in three*, 1:3, untuk warden dan orang tahanan di Malaysia ini, dan yang kita bimbangannya dengan bilangan tahanan yang meningkat dan juga bilangan pendatang Indonesia dan Filipina yang juga meningkat, dan masalah dadah yang kebanyakan orang tahanan ini adalah terlibat dengan dadah. Apakah keadaan sekarang mengenai dadah di penjara kita dan apakah keberkesanan langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita nampak daripada peruntukkan yang di minta diluluskan di sini, yang banyaknya untuk bangunan-bangunan penjara dan bolehkah sebutkan di sini misalnya penjara-penjara di Pulau Pinang, Kuching, Bentong dan juga Sungai Udang Melaka ini. Apakah itu kesiapan penjara, bangunan-bangunan ini setakat ini, atau pun ini

dalam satu fasa yang awal lagi untuk bangunan ini, kerana kita hendak tahulah dengan belanja yang banyak, bagaimana persiapan projek itu, dapat wujud untuk memastikan semua projek yang di cadangkan atau pun dilaksanakan oleh pihak polis dan penjara dapat disiapkan dalam masa yang ditetapkan. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

6.32 ptg.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merujuk Jawatankuasa ini ke Butiran 61000, iaitu di bawah butiran kenderaan dan juga 64000 di bawah pembaikan dan ubah suai, dan juga Butiran 25000 di bawah sistem teknologi maklumat. Kerana saya rasa, bagi ketiga-tiga butiran ini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa ia amatlah kena mengena dengan masalah jenayah ragut yang kita ada pada hari ini. Pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita faham bahawa memanglah wujudnya kebolehan PDRM kita, dapat menyelesaikan kes-kes jenayah setakat 45% sekurang-kurangnya, dan ini jauh melebihi *benchmark*, yang diberikan oleh Interpol hanya 20%.

Tetapi satu realiti yang kita kena berdepan hari ini ialah memang wujudnya satu kecenderungan dalam negara kita, yang mana wujudnya kes-kes jenayah ragut yang kian bertambah. Dan daripada statistik perangkaan yang saya dapat daripada pihak tertentu, daripada surat khabar, sebenarnya semenjak 6hb Julai 2006, misal kata wujudnya kes-kes jenayah, misal kata di Cheras yang telah pun melibatkan seorang perempuan, yang telah pun menyebabkan dia lumpuh, dan juga sejak bulan Julai sampai hari ini Tuan Yang di-Pertua, wujudnya jenayah ragut yang menyebabkan tiga kematian sekurang-kurangnya, dan juga cedera-cedera parah.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Dan apa yang saya lihat daripada kes-kes ini Tuan Yang di-Pertua, kita memerlukan penambahan anggota PDRM dalam negara kita. Walaupun baru-baru ini saya baca daripada surat khabar yang menyatakan kita akan tambah lagi lebih kurang 3,000 anggota, tetapi saya rasa itu tidak cukup. Kerana dalam negara kita 26 juta populasi dan dengan wujudnya kurang daripada 90,000 anggota PDRM memanglah ia tidak cukup. Kerana kita faham bahawa dalam PDRM bukan semuanya bekerja sebagai peronda, kerana ada yang sebagai *guard* dan juga yang bekerja di mahkamah dan sebagainya. Dan bukanlah semua mempunyai tanggungjawab untuk membuat perondaan dalam negara kita, dan pada masa yang sama, saya difahamkan juga kita telah pun menempah lagi lebih kurang 2,000 kenderaan untuk perondaan. Saya rasa ini adalah baik kerana ia dapat pada sesuatu tahap kita dapat memastikan bahawa kehadiran polis peronda dalam bandar kita, ia bolehlah merupakan sebagai sejenis *deterrent*, dengan izin, yang mungkin kita dapat menyekat peningkatan kes-kes jenayah ragut ini. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Puchong silakan.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Pengerusi, dan juga terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Melaka. Mengenai jumlah anggota polis yang akan ditambah setiap tahun, sedarkah Yang Berhormat bahawa daripada statistik atau pun satu kenyataan yang telah dikeluarkan oleh PDRM, bahawa setiap tahun PDRM akan mempunyai 3,000 hingga 4,000 anggota polis atau pegawai mereka akan bersara. Dan pada masa yang sama, kem-kem latihan atau pun pusat-pusat latihan PDRM yang hanya boleh mengeluarkan sejumlah tidak sampai 4,500 anggota dan juga pegawai-pegawai. Ini bermakna proses penggantian akan menjadi satu masalah di dalam PDRM kita. Bolehkah Yang Berhormat bagi Kota Melaka cadang kepada kementerian bahawa kita mesti wujudkan satu sistem. Ada satu proses penggantian yang lebih efektif, kerana yang akan bersara itu ialah anggota polis, pegawai polis yang berpengalaman. Yang masuk ini kebanyakan mereka kurang pengalaman. Ini bermakna satu gap, satu jurang perbezaan daripada segi pengalaman dan juga prestasi pekerjaan itu. Apakah Yang Berhormat boleh mencadangkan kepada kementerian bagaimana kita boleh mengatasi masalah ini.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Puchong ke atas pandangan yang praktikal itu. Saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Puchong bahawa memang wujudnya suatu keperluan. Supaya apabila kita tambah, kita mengambil masuk anggota-anggota PDRM, janganlah kita hanya mengambil masuk untuk menggantikan bilangan yang akan bersara. Apa yang saya maksudkan dan apa yang diharapkan oleh rakyat ialah apabila kita mengambil masuk lebih ramai lagi anggota PDRM, ia sebenarnya akan menggantikan atau pun bukan sahaja menggantikan, tetapi dia akan menambahkan anggota PDRM dalam negara kita. Kalau kita hanya semata-mata mengambil masuk untuk menggantikan jumlah yang bersara, memanglah itu tidak akan membawa apa-apa kesan dalam usaha kita menangani jenayah-jenayah ragut.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan juga, dalam laporan penambahbaikan yang pertama, yang dikeluarkan dalam bulan 2, 2005, yang menyatakan bahawa memang wujudnya satu keadaan, satu masalah dalam negara kita, yang mana wujudnya projek-projek perumahan yang melibatkan *quarters* polis yang telah pun terbenkakai. Dan saya ingin tahulah apakah tindakan yang telah pun diambil oleh pihak kerajaan supaya kita dapat memulihkan projek-projek perumahan itu. Kerana saya rasa kita haruslah memastikan kebajikan yang sewajarnya. Kita haruslah memberikan kepada anggota PDRM supaya kita dapat menempatkan ahli-ahli keluarga mereka sendiri, sebelum kita meminta mereka supaya boleh melaksanakan kerja dengan lebih baik dan dengan cekap.

Saya percayalah dengan usaha-usaha daripada pihak polis dan juga dengan *community policing* daripada orang ramai, saya rasa mudah-mudahan kita dapat mengurangkan kes-kes jenayah ragut dalam negara kita. Kerana kes-kes jenayah ragut ini bukan sahaja merunsingkan orang-orang Malaysia, warga kita sendiri, tetapi juga ia membawa masalah besar kepada pelabur-pelabur asing. Kerana apabila kita cuba memujuk pelabur-pelabur asing untuk membuat pelaburan dalam negara kita,

Bukan sekadar pelaburan semata-mata, kerana mereka akan juga membawa ahli-ahli keluarga mereka ke Malaysia. Juga program Malaysia, *My Second Home*, dan saya rasa ini semua akan terjejas. Terutama sekali dalam tahun 2007, apabila kita melancarkan program *Visit Malaysia Year 2007*, dengan izin. Saya rasa haruslah kita dengan secepat mungkin, kita dapat menyekat kes-kes jenayah ragut dalam kes ini secara khusus dan juga kes-kes jenayah secara am dalam negara kita.

Akhir sekali, ingin saya daripada Butiran 25000, saya ingin tanya, setakat manakah pihak kerajaan menyediakan CCTV dalam kawasan bandar? Supaya kita dapat menyelesaikan satu tahap yang tertentu, dapat menyelesaikan kes-kes jenayah dalam negara kita, kerana kadang kala dengan wujudnya CCTV dan juga dengan kehadiran anggota PDRM yang kian bertambah, seperti kata orang Inggeris, '*out of sight, out of mind*'. Apabila mereka tak nampak, mereka akan bermaharajalela. Tetapi apabila mereka nampak, mereka akan jaga sikit, supaya mereka tidak akan melakukan jenayah ke atas warga kita.

Saya berharaplah juga bahawa pihak polis haruslah melihat masalah jenayah ragut ini dengan fikiran secara terbuka, dan bukanlah secara menudingkan jari mereka ke atas mana-mana pihak, dan katakan mereka cuai kah atau buat apa-apa? Kerana satu realiti, kita berhadapan ialah bahawa memang wujudnya kes-kes jenayah dalam negara kita yang kian bertambah, yang selama ini saya rasa telah pun di *highlight*kan oleh pihak media dengan cukup baik. Kerana ia memberikan satu kesedaran kepada warga-warga kita, bahawa haruslah kita berjaga-jaga dan dengan wujudnya konsep *community policing*, dan "*community policing*", dan saya percayalah bahawa mudah-mudahan kita dapat dengan kerjasama daripada pihak polis dan juga daripada lapisan masyarakat secara umum, kita dapat menangani masalah jenayah ragut. Sekian terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Lipis.

6.42 ptg.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mohon untuk membahaskan untuk menyokong Butiran 75000, Pusat Pertahanan Awam dan Pejabat. Butiran 76000, Kelengkapan dan Kenderaan, dan 77000 Pembaikan dan Ubahsuai. Jadi yang pertamanya saya nak mengucapkan tahniah kepada pasukan

pertahanan awam atau dikenali sebagai JPA3, kerana inilah satu daripada sukarela yang dapat membantu dan menyokong pasukan bomba dan penyelamat dalam kerja-kerja mempertahankan kepentingan awam dan kerja-kerja menyelamatkan. Tetapi malangnya pasukan ini tidak wujud di semua kawasan. Sebagai contohnya, di kawasan saya hanya ada satu pasukan sahaja iaitu terletak di Merapoh yang jauh dan yang ada pula selain daripada itu ialah di Jengka Pusat.

Jadi apa yang saya lihat, pasukan yang ada itu sangatlah kecil iaitu satu platon sahaja dan tidak ada pejabat dan sebagainya. Jadi, pada pandangan saya eloklah sekiranya kita mewujudkan pusat-pusat atau platon pertahanan awam ini di setiap Parlimen dan diperlengkapkan dengan pejabat-pejabat dan perkakasnya sekali. Jadi, kita melihat bahawa mereka ini penting, terutamanya kalau berlaku kebakaran dan sebagainya dan kalau mereka ada di tempat itu, jadi mereka boleh membantu dan mendahulukannya. Kerana untuk memadamkan kebakaran, sekiranya orang ramai yang tidak mempunyai pengalaman, ini boleh menyebabkan kemalangan jiwa dan sebagainya. Jadi, kalau adanya pasukan pertahanan awam di sesuatu tempat atau di sesuatu kawasan, jadi ini boleh memberi peluang kepada pasukan ini untuk sampai dahulu sebelum bomba sampai, kerana kita dapati sekarang kedudukan pejabat-pejabat bomba dan penyelamat ini agak jauh. Baru-baru ini pernah berlaku kebakaran di kawasan saya, di mana dua buah rumah terbakar dalam masa sekejap. Tetapi bomba hanya sampai dalam tiga puluh ke empat puluh minit kemudian. Jadi, menyebabkan kedua-dua rumah itu tidak dapat diselamatkan dan hangus dan rumah yang ketiga, cemas lagi terbakar dindingnya. Jadi, saya mengharapkan supaya pasukan pertahanan awam ini dipergiatkan lagi dan apabila kita mengambil anggota, kita pastikan kelengkapan secukupnya. Tidak seperti sekarang, kita mengambil anggota tetapi pejabatnya tidak ada, kelengkapannya tidak ada. Menyebabkan ada kalanya pasukan ini terpaksa memohon bantuan daripada wakil rakyat untuk membeli komputer dan sebagainya. Jadi, itu sahaja harapan saya, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat dari Pensiangan.

6.45 ptg.

Tuan Bernard S. Maraat [Pensiangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih kerana memberi peluang untuk saya mengambil bahagian dalam 11A Tahun 2006. Butiran 61000 Kenderaan dan juga 64000 Pembaikan dan Ubahsuai. Tidak dinafikan bahawa polis telah memainkan peranan yang amat penting sekali dalam menjaga keselamatan dan juga kesejahteraan rakyat di mana sahaja. Saya dari kawasan Pensiangan, juga mengalu-alukan kehadiran polis di sana yang sentiasa menjaga dan mengawal. Bukan sahaja di sempadan, tetapi juga di sungai-sungai dan di lubang-lubang tikus yang boleh dimasuki oleh PTI ataupun Pendatang Tanpa Izin ini.

Yang ini sentiasa dikawal. Hanya saya memberi sedikit cadangan supaya polis di pedalaman ini diberi satu ketetapan bahawa kenderaan-kenderaan yang diberikan kepada mereka ini adalah kenderaan-kenderaan pecutan empat roda ini, yang saya rasa perlu diganti kepada yang lebih canggih, lebih baru dan lebih baik. Sebab kenderaan yang telah diberi dan diguna sekarang ini adalah kenderaan-kenderaan yang sudah usang dan perlu diberi perhatian oleh kementerian ini. Selain daripada itu, saya juga ingin mencadangkan kepada kementerian, supaya untuk memperkasakan lagi PDRM ini, kita minta supaya kementerian ini dapat membekalkan perahu-perahu ronda di sungai-sungai di bahagian pedalaman Pensiangan ini.

Sebab kenapa, di sana memang jalan raya itu kurang. Tetapi disebabkan kita menggunakan sungai-sungai, maka bot-bot ronda diberikan kepada polis, termasuklah perahu dan enjin-enjin motor yang berpecutan yang berkuasa tinggi. Selain daripada itu, saya juga mencadangkan kepada kementerian supaya membekalkan kepada anggota polis dengan satelit telefon disebabkan bila mereka meronda bersama-sama dengan saya melawat kawasan pedalaman, maka sukar untuk mereka menghubungi ibu pejabat. Seandainya mempunyai masalah di tengah-tengah hutan ini, maka mereka dapat menghubungi pusat-pusat polis di tempat-tempat seumpamanya macam di Keningau dan tempat-tempat yang lain yang mempunyai keanggotaan yang lebih banyak daripada itu.

Jadi saya pohon supaya polis ini dibekalkan dengan telefon satelit yang saya rasa perlu dan penting digunakan oleh mereka bila berada di bahagian pedalaman.

Selain daripada itu, kita lihat Mukim Pengalungan sekarang ini telah dinaikkan taraf sebagai daerah kecil di bahagian Kawasan Pensiangan. Maka saya minta pejabat mereka dan juga kuarters mereka ini diperbaiki lagi supaya mereka dapat tinggal dengan selesa. Sebab kenapa kita perlu supaya polis ini bukan sahaja kita melihat mereka, menggunakan mereka untuk menjaga keselamatan kita. Tetapi kita perlu juga melihat kebajikan mereka supaya mereka ini dapat hidup selesa, sederhana, dan sebagainya. Dengan ini saya minta supaya kementerian ini dapat melihat ini dengan lebih terperinci lagi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya Yang Berhormat Bandar Kuching.

6.49 ptg.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh tentang kekuatan PDRM. Sedangkan keselamatan negara kita kian merosot. Tetapi saya hairan diberitahu bahawa kekuatan anggota PDRM telah turun nombornya. Saya merujuk kepada angka-angka yang diberi dalam laporan Suruhanjaya DiRaja meng..

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Fu Ah Kiow]: Tuan Pengerusi, minta Butiran mana?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Emolumen. Siapa ini? [*Bertanya kepada Yang Berhormat bagi Bagan dan Yang Berhormat bagi Batu Gajah*]

Dato' Fu Ah Kiow: Emolumen Butiran mana? Minta Butiran.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: B.62.

Dato' Fu Ah Kiow: B. 62, tentang pakaian seragam.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Sebanyak RM32 juta adalah untuk menampung barang emolumen untuk pegawai itulah - pegawai Jabatan Penjara. Satu emolumen, okey? Puas hati? Mengenai perjawatan, angka-angka yang diberi oleh laporan Suruhanjaya Diraja Tentang Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia. Angka perjawatan pada tahun 2004 adalah sejumlah 100,632 dan kekuatannya adalah 96,858. Saya ada membenteng satu soalan dalam sesi ini yang bertanya Menteri Keselamatan Dalam Negeri tentang bilangan polis di negara kita dan nisbah bilangan polis dengan bilangan penduduk. Apa yang saya diberitahu adalah PDRM sekarang sehingga 31 Julai 2006, PDRM mempunyai 96,861 perjawatan sahaja dan kekuatannya seramai 91,727 orang pegawai dan anggota.

Ini menunjukkan satu penurunan bilangan polis sedangkan keselamatan negara kita semakin merosot. Saya ingin mendapat penerangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai kenapakah ada penurunan angka Polis Diraja Malaysia dan keduanya adalah mengenai nisbah di dalam jawapan yang diberi kepada saya, nisbahnya adalah satu orang polis untuk 2% atau 92 orang penduduk di Malaysia dan piawai antarabangsa yang diguna pakai oleh Interpol adalah 1:1 ke 1:250 orang dan nampaknya nisbah polis dengan penduduk negara kita tidaklah seberapa teruk jika berbanding dengan Interpol.

Kenapakah walaupun nisbahnya tidak begitu teruk tetapi pengurusan keselamatan negara kita begitu teruk dan yang ditunjukkan dalam laporan Suruhanjaya Diraja ini, kekuatan siasatan jenayah pada tahun 2004 hanya 7,860 orang iaitu saya percaya ianya mengenai *Investigation Officer (IO)*. Memanglah ini merupakan hanya 8.1% daripada kekuatan jumlah Polis Diraja Malaysia dan di Kuching, saya diberitahu oleh pegawai-pegawai polis bahawa ada kekurangan yang serius iaitu *Investigation Officer (IO)*.

Dalam pada 1haribulan yang lalu, seorang pekedai telah membuat laporan bahawa kedainya dimasuki pencuri. Lapornya dibuat pada pukul 8.00 pagi dan selepas buat laporan ini, dia diarah pergi ke *head quarters* untuk membuat *statement* dengan IO. Tetapi, semasa apabila dia sampai di *head quarters*, di Simpang Tiga, dia diberitahu

bahawa langsung seorang IO pun tidak ada. Kesemua IO berada di mahkamah. Bagaimana keadaan ini boleh berlaku dan dia tidak dapat mengemaskan kedainya sehingga pukul 7.00 malam, *statement*nya diambil oleh IO yang baru ada masa untuk mengambil *statement*nya. Ini menunjukkan satu keadaan yang begitu serius, kekurangan IO. Di Kuching, tidak ada IO di setiap balai polis.

Kalau awak buat satu laporan di balai polis, awak dikehendaki pergi ke *head quarters* untuk memberi keterangan kepada IO kerana IO hanya berada di *head quarters*. Oleh itu, saya ingin menyeru supaya agihan PDRM harus diubah juga supaya bilangan siasatan jenayah di tambah lagi dan pengurusan - 33.9%. Angka ini terlalu tinggi memandangkan sekarang terdapat kekurangan IO di seluruh negara. Saya tidak tahu bagaimana keadaannya di negeri lain, tetapi di Sarawak iaitu di Kuching memang ada kekurangan yang serius dan keselamatan merosot. Ini adalah mengenai PDRM. Perkara kedua yang saya ingin bangkitkan adalah mengenai Penjara Kuching - Butiran 56000 Penjara Kuching. Pada tahun lalu, saya diberitahu juga satu jawapan iaitu saya diberitahu bahawa kos pembinaan Penjara Kuching adalah sejumlah lebih kurang RM248 juta dan kapasitinya hanya untuk mengandungi 650 banduan. Sila Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat bagi Bandar Kuching. Saya berdiri dua minit juga, tetapi Yang Berhormat bagi Bandar Kuching tidak nampak. Saya hendak kembali sedikit kepada PDRM tadi. Dari segi keberkesanan perkhidmatan, kita selalu menegur PDRM ini kerana pelbagai kekurangan. Oleh kerana itu, maka kita pun tidak puas hati dengan pelbagai kekurangan yang berlaku daripada perkhidmatan mereka. Contoh yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Bandar Kuching ialah dari segi bilangan ataupun anggota polis begitu juga dari segi kewangannya.

Apa pandangan Yang Berhormat bagi Bandar Kuching? Saya berpendapat bahawa keberkesanan sesuatu tindakan itu ada kaitan dengan minat, seronoknya seseorang itu dalam kerjaya dia. Saya tidak pasti sama ada satu kajian telah dibuat terhadap minat anggota polis ini terhadap kerjaya mereka. Kalau ini dibuat, saya hampir pasti bahawa pelbagai dapatan akan kita dapati dan seharusnya daripada dapatan ini, kita mungkin mengetahui apa punca sebenarnya terhadap perkhidmatan polis yang kurang berkesan dan kita harus mengambil tindakan terhadap ketidakpuasan ini. Apakah pandangan Yang Berhormat, supaya pihak polis ini ataupun pihak kerajaan melakukan satu kajian khusus supaya perkara ini dapat diberikan perhatian dalam kadar yang lebih segera supaya moto mereka "Cepat, Tepat dan Betul" itu lebih *significant*. Terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya memang sokong satu pandangan Yang Berhormat mengenai itu minat dalam kerjaya seseorang ini amatlah penting untuk meningkatkan keberkesanannya.

Saya pun berpendapat bahawa tujuan kita menubuhkan suruhanjaya diraja ini adalah untuk bertujuan meningkatkan keberkesanan dan reputasi PDRM tetapi saya amatlah kesal kerana salah satu daripada cadangan yang begitu penting iaitu menubuhkan IPCMC tidak diterima oleh kerajaan. Saya pun tidak tahu mengapa kerajaan tidak mahu menubuhkan IPCMC. Kalau kita.....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Ya, cukup Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih. Sampai sekarang pihak kerajaan masih tidak dapat mengumumkan sama ada akan atau tidak menubuhkan IPCMC dan saya syaki bahawa kenaikan indeks jenayah ini berkaitan dengan penubuhan IPCMC kerana pihak polis pernah mengatakan kalau kerajaan menubuhkan IPCMC, mereka akan kehilangan moral untuk bekerja dan dengan itu mereka kata mungkin indeks jenayah akan meningkat.

Sekarang indeks jenayah telah meningkat. Adakah Yang Berhormat bagi Bandar Kuching mengesyaki bahawa mungkin sekarang ini pihak polis telah kehilangan moral mereka untuk bekerja dan mereka biarkan indeks jenayah ini terus meningkat?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya ada banyak kepercayaan terhadap suruhanjaya diraja kerana anggota-anggota suruhanjaya ini bukan orang sia-sia sahaja. Mereka adalah terdiri daripada orang-orang yang terkemuka. Oleh itu apa yang telah dicadangkan oleh suruhanjaya diraja ini haruslah diterima oleh kerajaan. Inilah pendapat saya.

Tuan Pengerusi: Ya, gulung Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya gulungkan terhadap penjara Kuching.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Penjara Kuching, RM248 juta digunakan untuk membina sebuah penjara yang kapasitinya hanya untuk 850 orang banduan dan jika membuat suatu perkiraan, satu orang banduan, kerajaan membelanjakan lebih daripada RM300,000 untuk membina fasiliti untuk seorang banduan. Beberapa orang daripada kita sini mempunyai satu bilik yang begitu mahal.

Mungkin ini kerana penjara yang begitu mewah, mungkin inilah yang menggalakkan orang melakukan jenayah supaya dapat tinggal di dalam satu bilik yang begitu mewah. Saya pun telah diberitahu bahawa ini adalah suatu *failed project* atau *abandon project* dan sekarang kerajaan berniat memulihkan projek ini.

Tetapi saya ingin tahu apa tindakan yang telah diambil oleh kerajaan terhadap kontraktor dahulu iaitu kontraktor yang mengabaikan yang *abandon project* ini dan sehingga kos pembinaannya meningkat sehingga RM240 juta untuk satu projek Penjara Kuching ini dan adakah RM248 juta ini melingkungi apa yang akan diperuntukkan dalam peruntukan tambahan yang diberi dalam Butiran 56000 sama ada angka RM248 juta melingkungi apa yang akan diperuntukkan dalam anggaran perbelanjaan ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Masalah ini ialah

Beberapa Ahli: Menteri jawab dulu.

Tuan Pengerusi: Ya, *sorry*, sila jawab.

7.05 ptg.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Fu Ah Kiow]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada 9 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan, pandangan dan juga teguran terhadap peruntukan-peruntukan di bawah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Saya akan cuba menjawab sebanyak yang boleh walau pun ada yang memang terkeluar dari apa yang terkandung dalam ini. Saya akan cuba jawab.

Yang pertama tentang soalan Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Batu Gajah, Bukit Mertajam, Kota Melaka ada sebut tentang kadar jenayah. Saya hendak katakan bahawa kadar jenayah memang merupakan sesuatu yang mengkhawatirkan dan membimbangkan rakyat dan pemimpin negara. Kalau kita hendak kata hendak mengutuk pemimpin kerajaan tidak mengambil perhatian, itu adalah langsung tidak benar.

Kadar jenayah kalau kita lihat pada tahun-tahun kebelakangan ini, memang kalau kita lihat semua kadar jenayah pada tahun 2003, 2004 dan 2005 peningkatannya tidak sebegitu banyak. Pada tahun 2004 adalah 156,435 kes dan pada tahun 2005 157,459 kes. Itu peningkatan sedikit sahaja. Tetapi dalam tempoh enam bulan tahun ini memang kadar jenayah telah meningkat 11.2% dan di negeri-negeri tertentu peningkatan amat tinggi khususnya di Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan sebagainya.

Kerajaan tidak menafikan hakikat ini atau kebenaran tetapi kerajaan memang ambil langkah jangka masa panjang dan jangka masa pendek untuk menangani kadar jenayah. Jangka masa panjang termasuklah melaksanakan cadangan-cadangan yang telah dicadangkan oleh suruhanjaya polis dan juga di mana cadangan-cadangan tersebut termasuk meningkatkan keupayaan polis dari kelengkapan, kemudahan, bilangan polis, latihan polis dan sikap polis semasa memberi perkhidmatan kepada rakyat dan menambah baik kebajikan dan elaun-elaun kepada polis dan sebagainya.

Selain daripada itu untuk jangka masa pendek, kerajaan telah juga mengarahkan supaya rondaan diperbanyakkan di semua kawasan di mana kadar jenayah adalah tinggi termasuk di mana perlu kita gunakan Unit Gerakan Am, Polis Marin bersama RELA, Rukun Tetangga dan sebagainya untuk meningkatkan rondaan. Baru-baru ini Jemaah Menteri juga telah meluluskan penambahan kereta peronda sebanyak 2,000 unit dan penambahan anggota polis seramai 3,000 orang secara *fast track*. Kita harap dengan latihan yang secara *fast track* kita dapat meningkatkan keupayaan rondaan polis sebagai satu pencegahan kepada kenaikan jenayah dan kereta-kereta tersebut akan dipasang dengan lampu-lampu *strobe lights* dengan izin dan juga peralatan komunikasi.

Selain daripada itu kerajaan dalam masa jangka masa pendek juga telah menggalakkan pemasangan CCTV oleh pusat berkuasa tempatan bersama dengan polis sebagai satu langkah pencegahan jenayah dan kerajaan juga sedang menggalakkan lebih banyak lagi program-program yang disebutkan ke skim kepolisan masyarakat

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: [Bangun]

Datuk Fu Ah Kiow: Nanti saya habiskan dulu. Saya akan bagi nanti, supaya pemikiran saya tidak diganggu.

Dengan skim-skim kepolisan masyarakat seperti Rakan Cop dan sebagainya, sebagai satu kaedah untuk memerangi kadar jenayah. Saya hendak sebutkan di sini bahawa selain daripada memerangi jenayah, kesedaran orang ramai dalam langkah-langkah untuk mengurangkan risiko supaya seseorang terdedah kepada risiko jenayah berlaku juga perlu dipertingkatkan, misalnya dengan cara kita menyalakan halaman rumah di hadapan dan belakang dan sebagainya dan cara-cara kita boleh mengurangkan risiko terdedah kepada berlakunya kejadian jenayah.

Ini adalah langkah-langkah jangka masa pendek dan jangka panjang yang akan diambil. Kita perlu sedar bahawa berlakunya jenayah adalah satu masalah sosial dan ada banyak sebab yang menyebabkan berlakunya jenayah. Misalnya sebab penghijrahan orang ramai dari luar bandar ke bandar untuk peluang kerja, juga ada golongan yang mungkin tidak dapat kerja, tekanan saraan hidup dan masalah dadah yang kian membimbangkan, yang memang serius. Ini memang satu fakta. Kalau satu fakta yang benar kita kena sebut yang benar. Masalah dadah memang amat serius sebab 30% daripada peragut adalah terdiri dari penagih dadah. Kehadiran terlalu ramai buruh asing juga menjadi masalah. Kalau kita lihat angka pada kes-kes ragut hampir 6% adalah dilakukan oleh pendatang asing dan pada tahun lepas hampir 20% kes pembunuhan adalah dilakukan oleh pekerja asing.

Ahli-ahli Yang Berhormat, ini adalah masalah-masalah yang perlu kita tangani dan selain daripada itu, kita lihat baru-baru ini generasi muda juga ada kecenderungan terhadap keganasan. Kita lihat di sekolah dan juga di pusat pengajian tinggi di mana ada mereka yang terlibat dalam kecurian motosikal dan sebagainya. Ini mungkin ada kaitan dengan keruntuhan moral. Jadi, ini kita akui adalah masalah sosial yang perlu kita sama-sama menangani dan ia...

Tuan Pengerusi: Ringkaskan. Yang Berhormat,

Datuk Fu Ah Kiow: Ia memerlukan kerjasama dan dari semua kementerian baru kita dapat selesaikan masalah ini. Kalau kita lihat kadar penyelesaian oleh PDRM, ia masih tinggi. Kalau kita lihat pada tahun lepas, tahun sebelum ini, kadar penyelesaian adalah hampir 46% hingga 48% dan pada tempoh enam bulan tahun ini banyak kes telah diselesaikan dan kadar penyelesaian adalah hampir 50%.

Jadi, jangan kita semata-mata cuma menyalahkan pihak polis sahaja. Pihak Polis memang sedang menjalankan tugas mereka se mana yang boleh walaupun mereka menghadapi kesuntukan dan kekurangan dalam pelbagai aspek termasuk peralatan kereta ronda dan sebagainya tetapi mereka masih menjalankan tanggungjawab mereka.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, beri jawapan ringkas sikit. Jangan panjang sangat.

Datuk Fu Ah Kiow: Baik, saya cuba se mana yang boleh sebab banyak yang telah ditanyakan.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Pengerusi, ini isu keselamatan yang amat penting ini.

Datuk Fu Ah Kiow: Nanti, nanti sebab kalau Yang Berhormat - saya habiskan dulu. Jadi, saya hendak sebutkan di sini bahawa dalam menangani masalah jenayah, kita perlu kerjasama daripada semua pihak, daripada penguat kuasa PDRM, rakyat umum, NGO dan daripada pelbagai agensi dan kementerian. Tidak guna kita cuma hendak mengutuk pihak polis sahaja.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Masih berdiri]*

Tuan Pengerusi: Ya, baik, baik.

Datuk Fu Ah Kiow: Mengenai dengan cadangan supaya Perdana Menteri meletakkan menteri sebagai Menteri Keselamatan Dalam Negeri, saya fikir tidak payahlah main perasaan. Itu merupakan taktik pihak pembangkang yang cuma suka hendak mainkan perasaan sebab pihak pembangkang tahu pada masa ini rakyat tidak puas hati dengan kadar jenayah. Jadi, Yang Berhormat memang tidak bertanggungjawab, cuma hendak memainkan perasaan ini untuk menimbulkan perasaan benci kepada kerajaan sahaja. Jadi saya rasa, ini bukan sikap yang betul.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat hendak beri penjelasan?

Datuk Fu Ah Kiow: Kalau betul-betul Yang Berhormat hendak bantu, cuba mengadakan lebih banyak lagi kempen anti jenayah, kempen bagaimana kita mencegah jenayah. Itu adalah sikap yang positif seperti mana yang telah dijalankan oleh banyak persatuan dan juga bahagian-bahagian MCA. Itu sahajalah...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Menyampuk]*

Datuk Fu Ah Kiow: Jangan, tidak payah dengan cara itulah. Ok?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Menyampuk]*

Datuk Fu Ah Kiow: Tidak apa, nanti saya habis, saya bagi. Sebab banyak yang kena dijawab. Kalau begitu saya tidak boleh bagi.

Yang Berhormat bagi Tangga Batu saya ucapkan terima kasih. Memang kalau boleh kita hendak semua polis cergas dan kalau boleh kita hendak mereka dilihat kemas dalam pakaian seragam. Kebetulan kita pun telah menjadikan sebagai satu syarat untuk naik pangkat bagi semua pegawai polis kalau mereka lulus ujian kecerdasan fizikal. Kalau boleh, kalau diizinkan kita mahukan tempat...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan.

Datuk Fu Ah Kiow: Nanti biar saya habis dululah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sebelum pergi jauhlah.

Datuk Fu Ah Kiow: Tidak apa, nanti saya bagi.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sebelum *on the crime index*, sebelum pergi ke pakaian uniform dan lain-lain.

Datuk Fu Ah Kiow: Tidak apa, nanti saya bagi, ya?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sebelum pergi jauhlah. Mengapa tidak boleh untuk berbincang. Bukankah ini perkara yang penting? Ya.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Pengerusi, Timbalan Menteri hendak jawab soalan saya ini. Dia ni kacaulah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Menyampuk]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sebelum ini. Sebelum pergi ke Tangga Batu, jawab kita dulu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Timbalan Menteri, saya hendak dengar jawapan. Teruskan. Teruskan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini memang jawapan untuk kita, untuk kami, jadi untuk kami beri penjelasan. Kalau tidak bagi penjelasan lebih baik bagilah jawapan bertulis. *[Dewan riuh]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Pengerusi, Timbalan Menteri hendak jawab soalan saya ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat hendak beri ke? Yang Berhormat duduk dulu Yang Berhormat.

Datuk Fu Ah Kiow: Sepatutnya isu-isu seperti ini Yang Berhormat boleh bahas semasa peringkat dasar belanjawan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Boleh juga, Tapi sekarang ini, bukanakah?

Datuk Fu Ah Kiow: Tetapi saya sudah bagi peluang, jalan celah lagi. Jangan celah lagi. Cukup. Okay?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kalau begitu tidak payah bahas.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Timbalan Menteri tengah jawab soalan saya, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam tanya soalan dasar buat apa?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kalau tidak mahu beri penjelasan, tidak payah jawab.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Kita tanya soalan spesifik, pakaian uniform.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tidak payah jawab. Beri jawapan bertulis, cukup.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat duduk dulu.

Seorang Ahli: Timbalan Menteri, teruskan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kalau tidak mahu, bagilah. Ini apa gunanya.

Datuk Fu Ah Kiow: Kalau boleh semua ...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Teruskan, teruskan Timbalan Menteri jawab.

Tuan Pengerusi: Timbalan Menteri tidak beri jalan.

Datuk Fu Ah Kiow: Balai Polis ada tanggungjawab yang bagus tetapi peruntukan ada terhad.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bagilah jawapan bertulis, kalau macam itu. Apa susahanya? Tidak payah.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, jawapannya nanti dulu. Nanti dulu, ya?

Datuk Fu Ah Kiow: Jadi, senjata semua yang terancanglah. Tetapi juga perlu berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan yang ada. Yang Berhormat bagi Putatan, telah mengatakan, inginkan kalau boleh pihak polis di pedalaman memang kekurangan dari aspek senjata dan polis telah menjalankan tugas yang baik dalam penguatkuasaan terhadap pengedar dadah. Saya mengucapkan terima kasih.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan.

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk Fu Ah Kiow: Saya mengucapkan terima kasih ...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini bukan sikap yang bertanggungjawab.

Datuk Fu Ah Kiow: Saya mana kata tidak bagi. Jangan ganggulah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Dia hendak membuat tuduhan yang liar

Datuk Fu Ah Kiow: Tak beri. Duduk.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tapi tidak beri penjelasan.

Datuk Fu Ah Kiow: Duduk dulu. Duduk dulu. Biar saya habislah. Yang Berhormat ganggu buat apa?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sebelum pergi jauhlah.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, duduk dulu.

Datuk Fu Ah Kiow: Duduk.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sebelum pergi jauhlah. Apa ganggu? Inilah kemampuan seorang ..

Seorang Ahli: Timbalan Menteri, teruskan. Saya mahu dengar penjelasan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kalau tidak boleh beri penjelasan, apakah kemampuan, apakah penjelasan.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Menyampuk]*

Datuk Fu Ah Kiow: Saya habis dulu, saya beri masa. *[Dewan semakin riuh]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, duduk dulu.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Inilah Dewannya untuk berbahas.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Teruskan, Timbalan Menteri. Timbalan Menteri jawab sudah betul. Teruskan, teruskan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini hanya untuk sebelah saja. Apa ini? Ini sikap yang kurang tanggungjawab.

Tuan Pengerusi: Bagi Timbalan Menteri jawab.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Pengerusi, jadi kalau tentang rakyat, tentang... pusat Menggatal memang ... pusat Menggatal memang kita sedar telah beberapa kali larian di Pusat Menggatal. Saya hendak mengatakan sebenarnya pusat itu adalah di bawah jagaan Bahagian Keselamatan Negeri di bawah JPM, pihak Penjara hanya menjaga keselamatan sahaja. Masalah di situ salah satunya ialah kesesakan, memang kapasiti yang kekuatan adalah lebih jauh daripada kapasiti dan kita pun telah dengar beberapa perbahasan tadi, dalam usaha kita menghantar balik tahanan-tahanan di situ memang kita menghadapi kesukaran oleh sebab pihak Filipina mengeluarkan surat perjalanan yang agak lambat.

Tentang Yang Berhormat bagi Kepong, banyak disebut, dia hendak tahu apa butiran-butiran misalnya senjata api, butiran projek-projek yang sedang dijalankan kalau saya baca ...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan

Datuk Fu Ah Kiow: Kalau satu...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan...tadi..

Datuk Fu Ah Kiow: Kalau satu...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tadi panggil isu...jawab isu saya sebelum Yang Berhormat bagi Kepong saya minta penjelasan...

Datuk Fu Ah Kiow: Saya habis, nanti saya bagi..

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tadi panggil isu...jawab isu saya sebelum Yang Berhormat bagi Kepong

Datuk Fu Ah Kiow: Saya habis ...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya minta penjelasan...

Datuk Fu Ah Kiow: Saya habis ini saya bagi... *you* jangan ganggu nanti habis masa saya...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Habis *you* duduk kata, janji aa..

Datuk Fu Ah Kiow: Jadi...tadi...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat

Datuk Fu Ah Kiow: Yang Berhormat bagi Kepong banyak hendak mintak angka-angka, nanti saya bagi, kalau saya baca mungkin setengah jam pun tidak habis. Apa yang terkandung dalam senjata api dan sebagainya mengenai nisbah banduan asing dengan nisbah banduan warga tempatan. Buat masa kini, lebih kurang 36% banduan dan orang tahanan adalah terdiri daripada warga asing. Ini adalah satu kos sosial yang kita kena tanggung bila kita mengadakan terlalu ramai buruh asing di negara kita. Tentang nisbah warden dengan banduan ialah kini 1:4 di mana boleh kita akan tambah supaya ia jadi 1:3. Itu sahaja saya nak cakap tentang...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan.

Datuk Fu Ah Kiow: Jangan ganggulah...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sudah habis belum?

Datuk Fu Ah Kiow: Okay, Kota Melaka...

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Nanti sampai bila...nanti..

Datuk Fu Ah Kiow: Kota Melaka...nanti saya bagi...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Nanti...jangan la nanti lama-lama...

Datuk Fu Ah Kiow: Nanti.. saya cakap...saya cakap...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya...nanti tak ada masa...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat...Yang Berhormat...

Datuk Fu Ah Kiow: Lipis...Lipis...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Apa susah sangat ...

Datuk Fu Ah Kiow: Untuk Pahang

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...nak beri penjelasan...

Datuk Fu Ah Kiow: Sudah ada.. ...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kan ini tanggungjawab untuk ...

Datuk Fu Ah Kiow: Tempat ada, tempat ada JPA3, JPA3...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...apa susahnya...

Datuk Fu Ah Kiow: Duduklah...apa ini...*you* tak ada otak...tak pandai bahasa ke...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Apa marah...jangan marah-marah,..

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Tengok, sikap dia... tengok,.. tengok.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bagi penjelasan sajalah...

Datuk Fu Ah Kiow: Jadi... tempat kawasan dah ada...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Bila kita membantu, kita nak tanya...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tadi dia kata bagi...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, duduk.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Pengerusi, tempat kawasan dah ada jadi...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[menyampuk]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[menyampuk]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat tak bagi jalan.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[menyampuk]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[menyampuk]*

Datuk Fu Ah Kiow: Jadi...kita tidak larang mana-mana pihak...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Susah sangat....

Tuan Chow Kon Yeow: *[menyampuk]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[menyampuk]*

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Dua tiga orang tak ada guna punya...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *[menyampuk]*

Tuan Pengerusi: Duduk....duduk...

Datuk Fu Ah Kiow: Saya bagi Tuan Pengerusi, saya bagi tapi ikut peraturan....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Susah sangat....

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *[menyampuk]*

Tuan Pengerusi: Duduk....duduk...

Datuk Fu Ah Kiow: Saya bagi...tapi jangan buang masa saya

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Bandar Kuching....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[menyampuk]*

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[menyampuk]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Baliklah...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Diam... *you* bagi sekarang laluan kita diam...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Duduk sajalah...duduk sajalah...tak payah bahas, okay.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *[menyampuk]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tadi saya berdiri atas peraturan...dia orang ni berdiri fasal apa saya tak tahu. *[Dewan riuh]*. Tak ada, tak nak dengarlah...

Datuk Fu Ah Kiow: Untuk Yang Berhormat bagi Pensiangan yang minta empat kereta ronda dibahagikan. Saya hendak katakan tahun 2006 kita akan dapat 27 unit, 2007 akan dibekalkan 70 unit Toyota Hilux. Untuk Kuching...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bandar Kuching.

Datuk Fu Ah Kiow: Bandar Kuching, untuk Yang Berhormat bagi Bandar Kuching, maklumat yang diperolehi memang langsung salah. Tidak ada projek untuk Penjara di Kuching bernilai RM248 juta. Saya hendak sebut fakta di sini, kos untuk projek asal ialah RM165 juta untuk kapasiti 2,000 banduan. Oleh kerana masalah projek ini yang telah menjadi projek terbengkalai, maka satu kontraktor baru telah dilantik dengan kos RM54 juta bagi memulihkan keadaan penjara itu dan kita telah kurangkan muatan atau kapasitinya ke 500. Buat masa ini kemajuan projek adalah 29%. Tindakan terhadap kontraktor....

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan.

Datuk Fu Ah Kiow: Saya habis dulu...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Berkenaan...kos

Datuk Fu Ah Kiow: Saya bagi... tapi bagi saya habis dulu... [*Dewan riuh*] ok, , saya habis bagilah...apa *you* buang masa saya...*you* buang masa sayalah...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Mengenai kos itu..

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat yang buang masa, tak mahu bagi...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ini wang rakyat, apa buang masa.

Datuk Fu Ah Kiow: Okay, tindakan terhadap kontraktor ialah dia akan di senarai hitam dan kita telah menahan bayaran interim yang ke 39 bernilai RM1.6 juta, mengambil balik bon prestasi RM8.5 juta. Tanah yang diberi kepada dia akan ditarik balik nilainya ialah RM30 juta, bagi tunai RM12 juta akan juga ditahan dan VO yang telah diluluskan tidak akan dibayar iaitu RM11 juta, jumlah RM63 juta akan ditahan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Okay, apa yang saya...

Tuan Pengerusi: Sabar sikit...

Datuk Fu Ah Kiow: Sudah, jadi jangan kata tak bagi ... tapi...

Cik Fong Po Kuan: [*Menyampuk*] [*Dewan riuh*].

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat, apa yang saya bangkitkan tadi angka ini adalah diberi kepada saya oleh Kementerian Yang Berhormat. Satu jawapan yang diberi. Kalau angka itu salah ia bermakna Kementerian Yang Berhormat telah tersilap. Kos pembinaan Penjara Kuching adalah RM248 juta. Itulah yang terdapat dalam jawapan yang diberi kepada saya.

Tuan Pengerusi: Baik.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Dan bilangan banduan 600 siapa yang salah sekarang?.

Tuan Pengerusi: Baik, Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Kalau saya boleh ambil keluaran ini fakta, sudikah Yang Berhormat meletakkan jawatan? [*Dewan riuh*].

Tuan Pengerusi: Kena jawab cepat Yang Berhormat.

Datuk Fu Ah Kiow: Saya fikir, Yang Berhormat telah salah faham, maksudnya...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tidak salah faham...itu angka..

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat

Datuk Fu Ah Kiow: Sikap apa tu...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat sudi menerima cabaran saya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Bandar Kuching.

Datuk Fu Ah Kiow: Sikap apa tu...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Bandar Kuching.

Datuk Fu Ah Kiow: Orang boleh tengok sikap apa tu... *you* tanya saya jawablah.

Tuan Pengerusi: Tolong kurangkan gerakan tangan ya...

Datuk Fu ah Kiow: Tak sepatut, tak ada *decorum* sebagai seorang Ahli Parlimen.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Awak menuduh angka-angka salah, saya mempertahankan..

Datuk Fu Ah Kiow: Saya memperjelaskan...

Apa ni... Ketua Pembangkang kena ajar dia orang...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila jawab.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jangan menuduh orang lain la... tengok diri sendiri, ini adalah *decorum* yang sangat baiklah...

Datuk Fu Ah Kiow: Duduklah...duduk...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: You sebagai Timbalan Menteri tak mahu beri penjelasan, apa ini.

Datuk Fu Ah Kiow: Duduk, jangan buang masa. Jadi mungkin Yang Berhormat sudah salah faham angka itu, mungkin saya belum dapat, tetapi saya fikir ...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: You duduklah...

Tuan Pengerusi: Biar Timbalan Menteri jawab.

Datuk Fu Ah Kiow: ...yang saya fikir itu, kos asal ialah RM145 juta. Kalau kita hendak siapkan sebagai projek asal mungkin ia perlu RM200 lebih juta, tetapi sekarang kita sudah kurangkan muatannya ke 500, jadi itulah angka-angka yang saya bagi. Itulah

Tuan Pengerusi: Baik, Yang Berhormat.

Datuk Fu Ah Kiow: ...angka yang terakhir.

Tuan Pengerusi: Baik.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Minta penjelasan,.. yang mana?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: [*Berdiri*]

Datuk Fu Ah Kiow: Mana-mana.

Tuan Pengerusi: Ya, Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya rasa hairan mengapa dia beri dua set angka dan dia teriak tidak tahu angka itu diberi oleh kementerian dia sendiri...dan dia nak...

Datuk Fu Ah Kiow: Yang Berhormat jangan buang masa, tuduh, itu jenayah punya... terus. *You* nak tanya jenayah tadi, terus.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya, ini yang merungut Timbalan Menteri, dia sangat orang lain yang cakap membuang masa, Yang Berhormat dia cakap tidak membuang masa.

Tuan Pengerusi: Baik, Yang Berhormat sila.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Apa ini?

Tuan Pengerusi: Baik, Yang Berhormat sila. [*Dewan riuh*]

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini bukan *decorum* yang baiklah, bukan Timbalan Menteri yang baik. [*Dewan riuh*]

Tuan Pengerusi: Tumpukan kepada isi Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Baik, saya nak tanya.... [*Dewan riuh*] dari tahun 2003 hingga sekarang 2006, alasan yang berbentuk jenayah itu tidak berlainan, sama dan dia katakan ini pengedaran dadah adalah satu masalah yang besar. Bukankah ini tanggungjawab kerajaan? Bukankah kerana kerajaan tidak melaksanakan Program Antidadah yang baik?

Tuan Pengerusi: Baik.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kalau kekurangan kakitangan, apakah pengurusan pihak kerajaan, bukankah kerajaan yang bertanggungjawab untuk menguruskan kakitangan untuk mengupah dan memastikan kakitangan yang cukup ..

Tuan Pengerusi: Baik.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...sama ada di dalam PDRM...

Tuan Pengerusi: Baik.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...atau di mana-mana kementerian.

Tuan Pengerusi: Baik, baik.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini menunjukkan kegagalan Barisan Nasional [Dewan riuh] bukankah ini menunjukkan kegagalan kerajaan Barisan Nasional. [Dewan riuh]

Tuan Pengerusi: Timbalan Menteri jawab.

Datuk Fu Ah Kiow: Itulah kalau cuma kita hendak menyalahkan kerajaan memang senang, tak payah bertanggungjawab. Kerajaan tidak pernah menafikan, memang merupakan tanggungjawab utama kerajaan untuk membanteras penyalahgunaan dadah. Tidak pernah menafikan, tetapi pihak ibu bapa dan masyarakat perlu bertanggungjawab juga. [Dewan riuh].

Beberapa Ahli: Ya, betul.

Datuk Fu Ah Kiow: Misalnya ajaran jagaan oleh ibu bapa, penerimaan masyarakat terhadap bekas penagih dadah, ini memang langkah-langkah dan tanggungjawab bersama. Kalau kita bersikap positif kita patut bekerjasama.

Seorang Ahli: Bikin anak boleh!

Datuk Fu Ah Kiow: Kita pun sedar bahawa dadah yang baru ini memang mudah diproses dan dibuat dalam tempatan, dengan bahan-bahan kimia yang baru, khususnya bahan dadah sintetik. Jadi, tidak guna menyalahkan kerajaan sahaja, yang lebih positif ialah sama-sama memerangi dadah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi: Ya, baik.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita bukan sahaja salahkan polis, polis adalah di bawah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, yang ini adalah di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, mengapa boleh sampai hari ini situasi begitu serius. Ini kerana semua polisi, perancangan yang lemah oleh Barisan Nasional. [Disorak] Ini perkara satu.

Perkara kedua, jangan apabila timbul masalah, Tuan Pengerusi, kerajaan, kementerian biasanya, Oh! Pihak pembangkang mesti bantu membanteras, mengatasi tetapi bila membincangkan polisi, membuat undang-undang dia langsung tidak panggil kita.

Seorang Ahli: Tangan dalam poket.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Pengerusi, tangan.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ini perkara ketiga, Yang Berhormat Timbalan Menteri, kami bukan main perasaan. Kami sampaikan perasaan orang ramai, di mana nyawa mereka telah diragut, mangsa-mangsa diragut termasuk Ahli-ahli Parlimen juga bersama-sama protes MCA, Gerakan protes. [Disorak] Mereka bukan bermain perasaan tetapi menyampaikan perasaan tidak puas hati kepada kerajaan pimpinan Barisan Nasional termasuk Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional.

Seorang Ahli: Orang ramai bersama Barisan Nasional bukan DAP.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Perkara keempat, Tuan Pengerusi, pertanyaan keempat. [Disorak] Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada kata...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Balik, balik.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ada tambah rondaan dan juga pegawai polis, 2,000 kenderaan rondaan dan polis konstabel 3,000. Kami hendak tahu di manakah ia akan ditempatkan. Sebab laporan ada dinyatakan bahawa tambahan ini akan ditekankan kepada kawasan-kawasan destinasi pelancongan....

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Cukuplah itu.

Tuan Pengerusi: Baik, Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jadi, kami hendak tahu. Dan, perkara kelima.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Lima, cukup.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kerana isu hidu gam. [*Disorak*] Ini OCPD pun minta saya bangkitkan, bilakah undang-undang akan dibuat kerana hendak menjadikannya aktiviti menghidu gam satu kesalahan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Okay, duduk. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, baik.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Itu dasar, Tuan Pengerusi. Itu dasar.

Tuan Pengerusi: Cukup.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Sebab salah seorang nyawa diragut oleh seorang yang khayal selepas menghidu gam dan ia semakin serius.

Tuan Pengerusi: Baik, Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya pohon semua jawapan ini dan jangan kata tidak akan jawab.

Datuk Fu Ah Kiow: Bila saya kata tidak jawab. Yang pertama saya sudah jawab tadi kata, saya tuduh pihak pembangkang sebab memainkan perasan. Jangan letak perkataan dalam mulut saya. Saya tidak kata pihak pembangkang memainkan perasaan sebab suarakan masalah jenayah, tidak. Saya katakan pihak pembangkang memainkan perasaan sebab menyuruh Perdana Menteri meletak jawatan sebagai Menteri Keselamatan Dalam Negeri, itu adalah perkara lain.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan.

Datuk Fu Ah Kiow: Tidak mahu, saya belum habis lagi menjawab.

Seorang Ahli: Biarlah jelas dahulu. Duduk, duduk, duduklah Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ini tidak sabar punya oranglah, duduklah.

Seorang Ahli: Balik bikin anaklah.

[*Dewan gamat*]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, duduklah.

Datuk Fu Ah Kiow: Jadi, saya harap pihak pembangkang jangan mainkan perkataan saya, itu adalah dua perkara. Tentang hidu gam, memang kini tidak tersenarai, usaha sedang diambil ...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Masih ada dua, tiga, empat.

Dato' Fu Ah Kiow: Sebab bukan senang hendak senaraikan makna kita ada cara untuk mengesan penghisap gam tetapi kini tidak ada cara. Gam ia hisap sahaja selepas itu tidak dapat kesan tidak macam...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: [*Bangun*]

Datuk Fu Ah Kiow: Nantilah, saya habiskan dahulu. Jadi, macam lain.....

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: You tidak fahamlah.

Datuk Fu Ah Kiow: Duduk biar saya

Seorang Ahli: Jangan bagi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Batu Gajah, duduk.

Datuk Fu Ah Kiow: Jadi, tidak macam dadah lain ia boleh dikesan. Ada juga yang menghisap tahi lembu yang baru punya. [Ketawa] Ada juga dia hisap juga. Jadi, ini sedang dikaji. Isu kedua apa tadi? Isu kedua apa?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Kereta ronda.

Datuk Fu Ah Kiow: Hah, kereta ronda, ini baru dilulus oleh Jemaah Menteri tiga minggu lepas. Jadi, pihak PDRM sedang proses di dalam *interview*. Seramai 3,000 polis untuk menjalankan jawatan itu dan polis akan agih dan nanti kalau Yang Berhormat masih minat jumlah agihan ini, saya akan beritahu tetapi sekarang tidak dapat beritahu. Pihak polis masih di dalam proses pengagihan. Ada lagi satu, apa? Terlalu banyak.

Seorang Ahli: Sudah habis.

Datuk Fu Ah Kiow: Okey, baik. Jadi, kalau tidak ada apa lagi, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM274,315,700 untuk Maksud B.62 di bawah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM274,315,700 untuk Maksud B.62 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM181,883,800 untuk Maksud P.62 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2006 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM181,883,800 untuk Maksud P.62 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2006.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan ditangguh sehingga 10.00 pagi esok, 30 Ogos, hari Rabu.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.37 petang.